

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 44

Isnin

13 Oktober 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 27)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memusnahkan beg-beg yang mengandungi undi-undi pos yang dijumpai di Sungai Menggatal di Sabah. Bagaimanakah insiden sedemikian akan menjejaskan imej negara kita dalam mengadakan suatu pilihan raya yang adil dan bersih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Sapi yang telah pun mengucapkan selamat hari raya kepada semua yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penemuan karung undi pos dan sampul plastik di Sungai Tebobon, Menggatal Sabah seperti mana yang disiarkan oleh Akhbar Daily Express dan Borneo Post pada 25 Julai 2008 tidak ada kaitan langsung dengan urusan pilihan raya umum pada 8 Mac 2008. Ini kerana tiada sebarang kertas undi yang ditemui.

Ia berlaku disebabkan kegagalan petugas-petugas pilihan raya mengembalikan semua peralatan pilihan raya yang tidak digunakan kepada Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah.

Berdasarkan kepada semakan yang dibuat, didapati sampul plastik yang dijumpai tersebut adalah sampul-sampul plastik yang digunakan semasa pilihan raya umum negeri Sabah pada tahun 1999.

Oleh sebab terdapat keraguan ke atas dokumen-dokumen tersebut memandangkan tempoh masa yang agak lama, maka pihak polis akan membuat pemeriksaan forensik bagi mengesan usia karung berkenaan. Sehingga kini pihak polis belum memaklumkan hasil pemeriksaannya kepada pihak SPR. Hanya setelah disahkan barulah sampul-sampul plastik berkenaan boleh dimusnahkan mengikut peruntukan Peraturan 25(e) Peraturan-Peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden sebegini sama sekali tidak akan menjejaskan imej negara kecuali jika dipolitikkan kerana ia tidak berkaitan dengan pilihan raya. Ia hanyalah merupakan soal pengurusan peralatan pilihan raya yang boleh ditangani secara pentadbiran tanpa menjejaskan kredibiliti pilihan raya di negara ini.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan selamat hari raya dan kepada menteri yang menjawab juga selamat menyambut hari raya.

Soalan tambahan saya adalah, adakah telah sampai masanya kerajaan memikirkan dengan serius tentang pelaksanaan undi pos ini? Ini adalah kerana tidak mahu kita terpaksa mengakui bahawa terdapatnya bukti-bukti dan kehendak rakyat bahawa perlunya satu kajian semula terhadap keberkesanan dan keperluan undi pos ini. Ini adalah kerana kita faham bahawa dalam undi pos ini di tempat-tempat yang diadakan, *polling agents* dan *counting agents* tidak diizinkan dan ini telah menimbulkan terlalu banyak kontroversi dan memakan masa yang panjang semenjak kita merdeka.

■1010

Jadi, apakah kerajaan bersedia pada hari ini dengan rasa terbuka demi ketulusan sistem dalam negara kita untuk undi pos ini dikaji semula, di *review* atau menyuburkan demokrasi dalam negara kita. Terima Kasih

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk menyuburkan demokrasilah itulah sebab mengapa kita izinkan undi pos ini kerana ia akan memberikan kebenaran kepada mereka yang bertugas pada waktu hari kita membuang undi supaya mereka juga tidak dihalang daripada membuang undi untuk pilihan parti mana yang mereka mahu, tak kira apa yang kita perlu lakukan ialah kaedah dia, bagaimana Yang Berhormat sebut iaitu bahawa mungkin cara pembuangan undi pos itu dibuat.

Ini sepatutnya kita cuba cari kaedah yang boleh meyakinkan kepada rakyat bahawa semuanya berjalan dengan baik, tapi untuk membatalkan undi pos itu, kerajaan tidak berhasrat untuk buat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan dari penyokong kerajaan? Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa undi pos, amalan undi pos ini perlu sebab untuk memberi hak untuk mereka yang terlibat dalam pada proses pilihan raya untuk memberi hak mereka mengundi. Namun begitu dalam keadaan yang kita ada sekarang, jumlah undi pos dalam daftar undi sudah melebihi 230,000 termasuk anggota, pegawai-pegawai keselamatan, polis dan pegawai SPR dan pasangan mereka. Jadi apa yang kita lihat sekarang,...

Seorang Ahli: Soalan, soalan!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, saya kena bagi fakta dulu untuk itu. Apa yang kita lihat sekarang hampir separuh besar, sebilangan besar majoriti tidak terlibat khususnya pada hari pengundian kerana tugas itu dan mereka boleh mengundi seperti biasa seperti pengundi lain. Amalan undi pos ini sudah jadi undi pos ini sudah jadi macam *misnomer*, dengan izin, sebab mereka datang untuk ambil kertas undi dan membuang undi di hadapan pemerhati.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri adalah apa sebab kita tidak boleh membuat amalan macam pengundi biasa, untuk golongan ini juga, walaupun mungkin bukan pada hari yang sama tapi cara mereka membuang undi ini mengikut cara yang digunakan untuk pengundi yang lain iaitu diperhatikan oleh pemerhati daripada parti-parti seperti biasa. Jadi kita buat macam *polling station* mengikut amalan biasa itu, itulah soalan saya, kenapa kita tidak boleh buat macam itu? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian sebentar tadi, saya telah mengatakan itu bahawa kita boleh memberi cadangan supaya untuk menampakkan lagi proses pembuangan undi itu adalah terbuka, adil dan *transparent*, telus.

Jadi sebab itu kepada saya, saya rasa perkara ini boleh kita bawa kepada pihak SPR dan saya kira kalau ada permintaan yang ramai di kalangan parti-parti politik, saya percaya tak ada sebab kenapa SPR menolak melainkan mereka mempunyai perkara-perkara tertentu yang telah pun diminta oleh pihak polis atau tentera yang mahukan bahawa prosedur itu berlaku seperti yang ada sekarang. Namun Yang Berhormat kena ingat juga ya, dalam soal ini, undi pos ini di masa-masa lepas adalah juga memihak kepada parti-parti pembangkang.

Jadi pada ketika itu pun, pihak kerajaan tidak menyatakan apa-apa ketidakpuasan hati, jadi daripada segi pihak kerajaan, kita tidak ada masalah, ini terpulang kepada SPR untuk mempertimbangkan permintaan daripada pihak-pihak Yang Berhormat.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Menteri Kewangan menyatakan ancaman atau serangan ke atas ekonomi negara setiap 10 tahun sekali. Siapakah pihak yang terlibat, apakah kehilangan wang negara dan apakah langkah balasan yang boleh diambil terhadapnya. Apakah kesan serangan 10 tahun lepas dan kehilangan yang dihadapi pada masa itu.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan, secara kebetulan setiap 10 tahun Malaysia dilanda dengan cabaran-cabaran kewangan dan ekonomi yang berpunca dari luar. Negara pernah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada kadar 0.8% pada tahun 1975 berikutan kesan lonjakan harga minyak mentah. Sekali lagi ekonomi negara mengalami penguncupan sebanyak 1.1% pada tahun 1985 akibat kejatuhan harga pelbagai komoditi utama secara serentak.

10 tahun lalu, tahun 1997 Malaysia bersama negara-negara Asia Timur menjadi mangsa spekulasi mata wang serta aliran keluar modal jangka pendek secara mendadak. Akibat penularan krisis kewangan serantau ini pada tahun 1997 Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah terjejas ekoran kejatuhan nilai ringgit dan harga saham. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 1998 mengalami penguncupan sebanyak 7.4% berbanding dengan purata pertumbuhan positif sebanyak 9.2% selama lapan tahun sebelumnya. Kadar pengangguran pula meningkat daripada 2.5% dalam tahun 1997 kepada 3.2% pada tahun 1998.

Pada masa yang sama kadar inflasi meningkat dari 2.8% dalam tahun 1997 kepada 5.2% pada tahun 1998. Modal pasaran, *market capitalization* bursa Malaysia menurun sebanyak 50% atau RM370 bilion dalam tempoh Jun 1997 hingga akhir 1998. Nilai ringgit berbanding US Dolar merosot dengan ketara dari RM2.53 dalam tahun 1996 kepada hampir RM5. Jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan dalam memulihkan ekonomi melalui dana harta ialah RM12.5 bilion atau 3% dari KDNK.

Malaysia juga telah mewujudkan dana modal untuk *recapitalize* dengan izin bank-bank yang terlibat dengan jumlah RM7 bilion tetapi jumlah ini sudah pun dikutip semula. Langkah yang penting sekali diambil kerajaan untuk menangani krisis itu adalah dengan melaksanakan rejim pertukaran kawalan asing terpilih pada 1 September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya bernasib baik kerana mempunyai kepimpinan yang berani dan berwawasan untuk melaksanakan langkah-langkah yang berani itu. [*Tepuk*] Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Indonesia membelanjakan kos 52.3% dari KDNK, kita hanya 3%, Indonesia 52.3%, Korea 23.1% dan Thailand 34.8% kita hanya 3%. Sekiranya Malaysia tidak melaksanakan kawalan pertukaran asing terpilih pada bulan September 1998, Malaysia juga akan mengalami kos yang tinggi.

Keseluruhan kos yang tinggi ini akan kita alami sebab sebahagian besar syarikat perniagaan akan menjadi mufliis tanpa tindakan yang diambil. Kadar faedah yang tinggi akan meningkatkan tanggungan hutang mereka, apabila mereka jatuh seperti domino, bank-bank akan runtuh kerana NPL yang terlalu besar. Apabila bank-bank runtuh kekangan kredit akan jadi lebih parah menyebabkan syarikat-syarikat yang sungguhpun berdaya maju tidak mendapat pinjaman. Perniagaan mereka akan menguncup dan akhirnya mereka juga akan terjejas teruk, akibat kegagalan bank dan korporat kadar pengangguran akan meningkat dengan ketara dan seterusnya satu lagi kitaran kegagalan syarikat dan bank akan menyebabkan satu lagi pusingan pengangguran.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang dikatakan kitaran ganas, *vicious cycle*. Apabila jumlah pengangguran meningkat, jaringan sosial di Malaysia akan terungikai dan seterusnya menyebabkan kegawatan sosial. Ini akan menyebabkan dana dari luar tidak masuk ke Malaysia. Dalam tahun 1998, senario ini adalah satu bencana yang menunggu masa untuk berlaku. Namun ia tidak berlaku kerana rejim kawalan pertukaran asing terpilih dilaksanakan pada 1 September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, mungkinkah wujud satu tangan ghaib yang muncul setiap 10 tahun untuk membawa keadaan porak-peranda dalam sistem ekonomi dan kewangan kita. Saya percaya, tidak. Walau bagaimanapun, kekerapan krisis dalam ekonomi dunia adalah berasaskan kepada kelemahan sistem liberal kapitalisme yang diutarakan oleh negara Amerika Syarikat. Dalam modul sistem liberal kapitalisme, apa yang disarankan adalah mengurangkan kawal selia

dan mengurangkan peranan kerajaan dalam ekonomi serta melaksanakan penswastaan secara besar-besaran termasuk menjual aset negara kepada pihak luar.

Adalah jelas bahawa sistem ini tidak boleh dikekalkan dan kita perlu mencari alternatif baru untuk mewujudkan infrastruktur kewangan global, *global financial infrastructure* yang lebih adil dan lebih saksama. Kita juga sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam sistem kewangan global pada hari ini, 80% daripada simpanan global digunakan oleh Amerika Syarikat. Sebenarnya Amerika Syarikat meminjam USD3 bilion setiap hari kerja, *USD3 billion every working day*, dengan izin, kerana kadar simpanan penduduk Amerika Syarikat adalah negatif.

Untuk mengelakkan krisis dunia kewangan muncul dengan kerap pada masa hadapan, keutamaan patut diberi kepada satu kaedah baru di mana simpanan yang begitu besar oleh negara Asia dan negara pengeluar minyak dapat digunakan di rantau ini. Dalam konteks ini Malaysia telah mencadangkan satu mekanisme diwujudkan untuk membiayai infrastruktur di rantau ini. Dalam hubungan ini, satu seminar akan diadakan pada 10 November 2008 di Kuala Lumpur untuk membolehkan negara-negara yang mempunyai sumber simpanan yang besar membiayai pembinaan infrastruktur di negara yang sedang maju.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik dalam krisis hari ini ialah cara Amerika Syarikat menangani krisis ini seakan-akan sama dengan cara Malaysia menangani krisis 1997... *[Disampuk][Tepuk]* Pada masa itu bukan sahaja Amerika Syarikat tetapi juga IMF dan Bank Dunia telah mengkritik Malaysia kerana tidak melaksanakan liberal kapitalisme tetapi hari ini mereka juga mula membantu bank-bank mereka dan mengambil tindakan lain seperti yang telah diambil oleh kita pada tahun 1998. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan memandangkan bahawa dengan krisis kewangan global yang melanda dunia sekarang termasuk Malaysia, adakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, termasuk juga membenarkan bank-bank di Malaysia membeli syarikat-syarikat bank yang mengalami kerugian seperti yang dibuat oleh Maybank yang membelanjakan RM8.25 bilion untuk membeli sebuah Bank Indonesia Internasional (BII) dengan harga yang tinggi iaitu sekali ganda daripada pasaran di mana sebaik sahaja pembelian dibuat, Maybank kalau jual, akan mengalami kerugian RM4 bilion.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Temasek Holdings, syarikat Singapura begitu ingin menjualkan sahamnya dalam BII sehingga sedia memberikan diskaun 15% atau RM760 juta untuk memastikan Maybank beli bank yang akan lingkup ini. Bukankah RM8.25 bilion ini lebih baik digunakan untuk memberikan pinjaman mudah membantu peniaga-peniaga kecil *[Tepuk]* dan juga rakyat Malaysia membeli rumah daripada menguntungkan Temasek Holdings, sebuah syarikat Singapura. Adakah ini sesuatu langkah yang digalakkan oleh pihak kementerian memandangkan bahawa serangan ekonomi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

Menteri sendiri nampaknya adalah tindakan yang memakan diri oleh bank-bank atau tindakan dasar Kerajaan Malaysia.

Dalam aspek ini, saya juga ingin bertanya, sejauh manakah peranan yang akan dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri, memandangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjadi Menteri Kewangan yang baru adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, ya, ya, ini ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Bagan, saya yang menentukan kalau ada kaitan atau tidak. Saya telah cukup sabar mendengar soalan. Jadi kalau umpamanya kesabaran saya itu juga tercabar, tidak bolehlah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, saya hanya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan. Soalan pun mengenai dengan ekonomi dunia, sekarang dengan bank-bank. Sila singkatkan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, ya. Sejauh manakah masalah ini boleh dihadapi sekiranya semua tugas dan kuasa telah diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah tugas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sekarang apabila sekarang tidak ada sebarang kuasa ke atas apa-apa portfolio. Ini macam menteri tanpa portfolio. Sekian, terima kasih... *[Tepuk] [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, jawab sahaja yang mana relevan dengan soalan asal.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat isu Maybank tidak relevan dengan isu ini sebab kita bincang tentang krisis ekonomi. Seperti yang saya sebut tadi, adalah penting kita cuba sedaya-upaya untuk menarik pelaburan dari mereka, negara-negara yang mempunyai dana yang lebih, yang setakat ini lebih ingin melabur di negara-negara Barat seperti Amerika dan kini nampaknya mereka mula memberi perhatian dan fokus kepada negara kita dan mungkin juga sebab kita mengamalkan sistem perbankan Islam dan kini nampaknya dalam krisis yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan Eropah kini nampak bahawa sistem konvensional mempunyai begitu banyak kelemahan berbanding dengan sistem kewangan Islam dan mungkin ada hikmah juga dalam keadaan begini oleh kerana dunia nampak kelebihan sistem kewangan Islam.

Saya percaya bahawa banyak negara seperti Dubai, Abu Dhabi dan Timur Tengah akan mula melabur di sini dan dalam hal ini saya tahu Yang Berhormat Bagan juga telah mengambil tindakan untuk mencari pelaburan dari Abu Dhabi dan Dubai dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat.

Isu tentang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak relevan langsung.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Yang Berhormat, tentang Maybank itu penting...

Tuan Yang di-Pertua: Batu Pahat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: RM8.25 bilion itu penting.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...kerana ini wang rakyat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cukuplah. Batu Pahat mahu tanya soalan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini perkara penting...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Bagan. Batu Pahat, Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagan duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini adalah wang rakyat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Batu Pahat relaks Batu Pahat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bahas nanti dalam bajetlah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: RM8.25 bilion itu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan, apa yang disebut itu memang mustahak...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap Yang Berhormat Menteri silalah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: ...Tetapi bukan dalam soalan sesi begini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Mengapa ada peraturan yang tidak rasional, tidak berhemah? Ini wang rakyat! Itu penting. Tolonglah jawab.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan, duduklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, semua perkara yang diujahkan dalam Dewan ini adalah penting. Akan tetapi hujah itu mesti disalurkan kepada peraturan Mesyuarat yang tertentu. Semua pun...

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Batu Pahat, duduk Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batu Pahat, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, kerana berkaitan dengan ekonomi kewangan dunia...*[Menyampuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Bagan duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *This is not one dollar, two dollars.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Teruskan soalan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Menteri telah menyatakan...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat Bagan, kan kita selepas ini akan membahaskan bajet kewangan. Boleh dihujahkan di situ. Bukan waktu sesi soal jawab.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini penting kerana melibatkan wang banyak. RM80.25 bilion yang menjejaskan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan, saya kasi amaran kepada Yang Berhormat Bagan. Kalau tidak saya gunakan kuasa saya gunakan Peraturan Mesyuarat 44.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bagan...

Seorang Ahli: Suruh dia keluarlah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Gunakan peraturan Yang Berhormat. Pembangkang ini tidak pernah berpuas hati dengan kerajaan. Apa pun kita jawab, dia tidak akan terima.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bahaslah dalam bajet.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk. Yang Berhormat Bagan, kalau ianya tidak mengikut peraturan mesyuarat, tolonglah jangan ganggu mesyuarat. Lain kali kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat buat begini, saya kasi amaran pertama, amaran kedua, amaran ketiga, saya akan gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah ternyata bahawa walaupun sebenarnya kita berhadapan dengan kegawatan ekonomi global, tetapi berasaskan yang dinyatakan tadi bahawa kita bernasib baik dan bersyukur kerana kita ada pemimpin yang berwawasan... *[Tepuk]* Sebab itulah ekonomi kita dapat dikawal. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Duduklah, mengampu sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pertanyaan tambahan saya ialah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Soalan, soalan, soalan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini soalanlah ini.

Tuan Haji Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang]: Bagi soalan, cepat sedikit. Jangan mengampu. Tolonglah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apakah kerana faktor dalaman juga boleh menyebabkan ekonomi kita terjejas terutamanya tindakan pembangkang yang cuba menuduh kerajaan melalui pintu belakang.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Apa pasal...apa ini?... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, yang relevan jawab. Yang soal politik yang tidak relevan, tidak payah jawab.

Tan Sri Nor Mohamed Yackop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari pengajaran yang kita dapat, dari krisis tahun 1997 dan krisis yang lain yang kita telah hadapi dan mengatasi ialah bahawa kita perlu banyak bersyukur kerana misalan krisis kewangan dan kegawatan ekonomi yang kita alami tahun 1997 tidak sampai tahap sebuah negara jiran misalan yang mengakibatkan perubahan drastik terhadap struktur, politik, sosial dan ekonomi dan kos yang dipikul oleh rakyat negara itu adalah amat mahal.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mempersiapkan diri dan memperlengkapkan diri setiap masa supaya kita dapat menangani dan menangkis krisis-krisis kewangan ekonomi yang akan berlaku pada masa hadapan. Sebab tidak syak lagi pada masa hadapan kita juga akan berhadapan dengan krisis yang akan datang dari pelbagai pola dan dalam bentuk berlainan. Kita perlu mempunyai satu sistem ekonomi yang fleksibel untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dan kita juga harus mempunyai satu sistem politik yang stabil dan sistem politik yang tidak stabil akan membawa banyak masalah dari segi penarikan pelaburan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini semua soalan relevan, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup sudah, Yang Berhormat Kinabatangan sudah dua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

3. Dato' Ismail Kasim [Arau] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan industri padi dan beras negara dapat dipertingkatkan dalam memastikan stok penimbal (*stockpile*) makanan negara sentiasa mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Selamat Hari Raya kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Pada bulan April tahun ini, negara berhadapan dengan satu krisis bekalan makanan khususnya kekurangan beras di pasaran tempatan di mana *stockpile* beras negara berada pada tahun 92,000 metrik tan sahaja mencukupi untuk menampung keperluan penggunaan cuma 14 hari, itu keadaan pada bulan April. Akan tetapi berkat dasar yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berkesan dan cepat, maka hari ini kita telah berjaya menangani krisis tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Arau dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini *stockpile* beras negara berjumlah 260,000 metrik tan dan ini merupakan peningkatan sebanyak tiga kali ganda.

Ini dicapai oleh kerana ketegasan dan kepantasan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional iaitu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dua tindakan utama yang diambil. Pertama kita membeli beras dari negara Thailand sebanyak

200,000 metrik tan dan beras ini sudah pun dibawa masuk ke negara kita. Kedua pada bulan Mei, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara di mana peruntukan besar disediakan iaitu kira-kira RM3 bilion untuk memastikan kita dapat menambah pengeluaran makanan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini kita berada dalam keadaan yang agak selesa dengan peningkatan *stockpile* beras negara. Tindakan-tindakan yang diambil untuk memastikan bahawa keadaan yang berterusan, ada dua bentuk tindakan. Yang pertama kita terus membantu petani sama ada dalam bentuk subsidi ataupun tambahan subsidi padi, harga padi dan juga baja. Ini kita teruskan bantuan diberikan kepada petani dalam bentuk racun perosak, subsidi untuk membajak sawah. Kedua, tindakan yang diambil adalah untuk menambah peruntukan. Peruntukan ditambah dengan ketara. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal RMK-9, peruntukan disediakan dalam sektor padi cuma RM984 juta sahaja.

Akan tetapi setelah kajian separuh penggal dibentangkan dalam Dewan ini, tambahan sebanyak RM1.7 bilion disediakan untuk sektor padi sahaja menjadikan peruntukan keseluruhan RMK-9 bagi sektor padi kira-kira RM2.7 bilion. Inilah dua tindakan yang diambil untuk memastikan bawah negara tidak berhadapan lagi dengan masalah yang kita hadapi bulan April yang lalu dan sebagai contoh, hasil daripada tindakan ini, kawasan MADA umpamanya, pada musim kedua tahun lepas, purata hasil ialah kira-kira 5.5 metrik tan satu hektar. Yang terkini musim pertama 2008, MADA telah mengalami peningkatan hasil sebanyak 11% kepada kira-kira 6.1 metrik tan satu hektar. Jelas bahawa tindakan kerajaan mula menunjukkan hasil dan pada masa ini kita sedang berusaha untuk menambah *stockpile* beras negara kepada 500,000 metrik tan. Sekarang kita ada kira-kira 300,000 metrik tan.

Kita hendak tambah lagi menjadikan 200,000 metrik tan dan perundingan sedang diadakan dengan pembekal dari dua buah negara, Vietnam dan juga Thailand, bergantung kepada harga. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga pada hari ini jauh lebih rendah pada harga bulan April dan Mei. Apabila harganya berada pada tahap yang sesuai, maka kerajaan akan menambah lagi *stockpile* negara menjadikannya 500,000 metrik tan, dengan itu kita akan berada dalam keadaan yang lebih selesa. Ini mencerminkan betapa berkesannya dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan bahawa negara tidak kekurangan ruji ataupun *staple food* iaitu beras yang merupakan makanan utama bagi hampir keseluruhan rakyat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, kalau kita melihat kepada krisis pasaran komoditi makanan beras baru-baru ini, harus diberi ingatan kepada kerajaan bahawa sebagai penggubal dasar, bahawa perkara ini tidak harus berulang. Ini kerana ada negara-negara yang mempunyai keluasan tanah yang terhad seperti Taiwan yang penduduknya sama dengan kita

iaitu menghampiri 25 juta orang. Ini hendak bagi tahu, kita baru pergi belajar, bukan pergi makan angin. Seperti Taiwan yang penduduknya hampir dengan penduduk kita tetapi keluasan tanah yang terhad, tetapi telah berjaya mengeksport beras.

Mereka tidak perlu mengimport, mereka berjaya menghasilkan produktiviti sehingga mereka tidak perlu mengimport beras dari luar negara. Akan tetapi kalau kita mempunyai keluasan tanah yang sebegini luas, subur dan sehingga membolehkan kerajaan berbuat sesuatu dengan dasar-dasar sedia ada, peruntukan yang begitu besar, apa perlu kita memikirkan untuk mengeksport kerana dalam keadaan sekarang, keadaan pasaran sekarang kita melihat bahawa kita tidak perlu membuat pengimportan dalam keadaan sekarang apabila musim ataupun apabila *peak season* yang berlaku pada negara kita.

■1040

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri, apa rasional kerajaan dalam usaha kita hendak lebih telus untuk kita meningkatkan produktiviti pertanian hasil beras ini. Kedua, perbelanjaan yang begitu besar yang terpaksa kita buat untuk kita subsidi kalau tak silap saya RM800 satu tan bagi kita mensubsidikan beras-beras yang di bawah kawalan 15% kandungan hancur ini supaya kita tak perlu lagi menambah peruntukan dari tahun ke tahun apabila kita menghadapi krisis ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita bertekad untuk memastikan bahawa krisis yang melanda kita pada bulan April lalu tidak berulang. Itu sebabnya kita telah menyediakan peruntukan yang besar dalam bentuk subsidi dan bantuan kepada petani, kepada pengilang juga seperti Yang Berhormat Arau sebutkan tadi bantuan RM800 satu tan metrik kepada pengilang. Ini dibuat oleh kerajaan dengan kos kira-kira RM400 juta bertujuan untuk memastikan gred beras ST 15% mencukupi. Ini merupakan gred yang paling rendah yang digunakan oleh ramai rakyat Malaysia. Kerajaan membelanjakan perbelanjaan tambahan RM400 juta untuk beri subsidi kepada pengilang-pengilang bagi memastikan bekalan mencukupi. Inilah keprihatinan kerajaan kepada kesejahteraan rakyat.

Jadi memang benar keluasan tanah di negara kita ini luas. Untuk padi, kira-kira 670,000 hektar yang kita lakukan hari ini ialah untuk meningkatkan produktiviti dan *yield* umpamanya dalam tempoh dua tahun selewat-lewatnya. Kita yakin bahawa ujian yang sedang dibuat untuk memperkenalkan *hybrid rice* umpamanya akan berjaya dan ini mampu untuk memastikan bahawa ia yang sekarang ini dalam sekitar 5.5 metrik tan satu hektar dapat ditingkatkan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan masalah ini tidak berulang, dua tindakan yang boleh diambil. Yang pertama kita hendak tambah pengeluaran. Tindakan untuk meneruskan subsidi Yang Berhormat sedia maklum kepada petani dan juga kepada pengilang. Yang kedua juga berkaitan dengan penggunaan per kapita beras. Pada masa ini kira-kira 80 kilogram seorang rakyat Malaysia satu tahun dan angka ini semakin lama semakin berkurangan kerana kita kurang menggunakan beras, kita guna bahan-bahan makanan lain. Ini juga tindakan

yang boleh diambil. Kita menjimatkan penggunaan beras. Dari satu aspek, kita tambah pengeluaran ataupun *production* padi dan yang kedua kita kurangkan penggunaan beras. Ini dapat membantu untuk memastikan bahawa kita tidak berdepan dengan masalah yang kita hadapi sedikit masa dahulu dan kita cukup yakin bahawa dengan tindakan-tindakan yang diambil ini, pengeluaran padi akan bertambah. Seperti yang saya pernah maklumkan Dewan ini, menjelang tahun 2010 kita dijangka mengeluarkan 86% daripada keperluan kita dan insya-Allah satu hari nanti kita akan dapat mengeluarkan beras yang mencukupi untuk memenuhi keseluruhan keperluan penduduk Malaysia.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, oleh kerana krisis makanan sekiranya berlaku lebih parah daripada krisis kewangan, Oleh kerana itu, usaha untuk menambahkan hasil pertanian dalam negeri adalah lebih strategik daripada pergantungan kita kepada eksport. China sendiri sebagai contoh ketika Barat dilanda oleh krisis kewangan sebagaimana dilaporkan oleh media sedang merancang untuk hasil pertanian makanan yang cukup bagi China.

Ke arah perancangan, itu saya lihat masih ada lagi masalah-masalah dalaman kita sendiri. Sebagai contoh masalah tanah terbiar yang masih luas. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah tanah terbiar? Masalah birokrasi di negeri-negeri, masalah tanah, ada petani-petani yang mahu berusaha tapi tidak ada tanah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah seperti ini? Sekian.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana semasa negara berhadapan dengan krisis ekonomi tahun 1997/1998, kita tidak ada masalah bekalan makanan. Ini memang merupakan strategi kita memastikan bahawa walau apa pun krisis yang kita hadapi sama ada politik, ekonomi, ataupun kewangan kita hendak pastikan bahawa bekalan makanan mencukupi. Oleh hal yang demikian, kerajaan ini Kerajaan Barisan Nasional sedang memberikan perhatian yang cukup istimewa kepada sektor pertanian. Pertanian diberikan nafas yang baru dan pertanian diberikan peruntukan yang cukup besar. Akan tetapi yang penting ialah untuk memastikan langkah-langkah ini berkesan. Tak cukup dengan kita menyediakan peruntukan yang besar tetapi ia tidak ada kesan. Oleh yang demikian, kita akan pantau dengan teliti keberkesanan perbelanjaan yang dibuat ini untuk memastikan bahawa kita dapat tambah pengeluaran makanan.

Sehubungan itu, pembangunan tanah terbiar adalah salah satu daripada strategi yang kita laksanakan untuk memastikan pengeluaran makanan negara bertambah. Kita ada banyak cabaran dalam hal ini. Yang pertama, cabaran dari segi birokrasi. Yang Berhormat sudah sebut. Yang kedua, kita perlu persetujuan daripada pemilik-pemilik tanah sebelum dapat dibangunkan.

Walau apa pun, kita bertekad untuk memastikan bahawa tanah terbiar ini tidak menjadi satu perkara yang boleh menjejaskan pengeluaran makanan negara dan strategi-strategi telah pun dirangka oleh Jabatan Pertanian dan di bawah MADA umpamanya tidak ada masalah tanah

terbiar. Di beberapa kawasan padi yang lain termasuk KADA di Kelantan ada isu tanah terbiar tetapi dengan peningkatan harga padi akhir-akhir ini, kita dapati bahawa di beberapa kawasan termasuk di Kelantan kita dimaklumkan ada peningkatan lebih 1,000 hektar tanaman padi. Maknanya sebelum ini ada tanah terbiar kawasan padi bila bantuan kerajaan ditambah dan harga padi meningkat maka ini telah *market forces*, telah memastikan bahawa penggunaan ataupun fenomena tanah terbiar ini sudah pun berkurangan.

Insya-Allah, dengan harga yang stabil yang lebih baik, dengan ketegasan kerajaan peruntukan yang besar, kita cukup yakin bahawa isu tanah terbiar ini dapat kita kurangkan dalam negara kita dan dengan itu akan menambah pengeluaran makanan.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam) tidak hadir]

5. Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan usaha untuk merapatkan 'jurang digital' di luar bandar khususnya cadangan untuk memperkenalkan komputer murah yang dikenali sebagai '*komputer makcik*'.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batu Pahat kerana mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan Program Info Desa dalam usaha untuk merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat luar bandar. Program ini telah dimulakan sejak RMK-8 dan diteruskan sehingga kini.

Program info desa merangkumi pembangunan medan info desa ataupun MID yang menyediakan kemudahan ICT dan Program Latihan ICT Desa di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2008, sebanyak 165 buah MID telah dibina di seluruh negara. Kementerian merancang untuk membina sebuah MID bagi setiap kampung pada masa akan datang.

Melalui Program Latihan ICT pula kementerian telah dapat melatih seramai 59,254 orang sehingga tahun 2007. Bagi tahun 2008, kementerian akan melaksanakan sebanyak 1,016 siri latihan ataupun kursus ICT dan dijangka akan memberi faedah kepada 15,420 orang.

Program yang telah dijalankan ini telah memberi pendedahan kepada masyarakat luar bandar mengenai teknologi baru ICT seperti '*komputer makcik*' yang baru diperkenalkan kepada masyarakat. Kementerian sentiasa menggalakkan masyarakat luar bandar khususnya yang berkemampuan untuk memiliki komputer sendiri di rumah masing-masing. Dengan yang demikian kadar pemilikan komputer di kalangan masyarakat luar bandar dapat ditingkatkan dan justeru itu kadar jurang digital antara bandar dengan luar bandar dapat dikurangkan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi perkara penting yang kami dapat belajar di Taiwan ialah... *[Dewan riu]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul, ini cerita betul. Cerita betul.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bukan macam Yang Berhormat Machang buang masa sahaja datang Taiwan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Itu baca buku pun tahulah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat.

■1050

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Bila kejayaan mereka merapatkan jurang digital ini menggunakan pendekatan di *local champion* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu ketua-ketua kampung kalau dalam konteks kita di Malaysia. Sebab, infrastruktur sahaja kemudahan seperti yang disebut tadi tidak mencukupi jika *human factor* iaitu mereka yang dapat membimbing supaya perkara ini tidak menjadi 'gajah putih' tidak dilaksanakan. Jadi apakah tindakan kita sebenarnya untuk memastikan *maintenance* dari faktor kemanusiaan ini supaya akhirnya pusat-pusat kemudahan infodesa ini digunakan sepenuhnya dan tidak terabai begitu sahaja. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada input yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat yang mereka pelajari di Taiwan. Sebenarnya kita melibatkan jawatankuasa kampung dan ini telah di *intensify*, telah kita titik beratkan penglibatan orang kampung ini. Dan selain dari itu dari segi mengambil pengurus untuk mengurus MID ini kita dengan sedaya upaya mengambil orang tempatan supaya dia berkampung ataupun setiap masa bersama-sama dengan orang yang di sekeliling MID itu.

Jadi dengan pendekatan ini harapan kita ialah orang-orang kampung bukan sahaja belajar berkursus, tetapi juga terlibat dari segi mengurus dan juga di masa yang depan nanti kemungkinan dapat memberi *service* ataupun penyelenggaraan kepada komputer-komputer di dalam MID ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Parlimen yang beragama Islam. Itu cara Selamat Hari Raya yang betul terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 165 pusat Program Info Desa yang sudah diwujudkan kalau ada maklumat berapa yang sudah diwujudkan dalam kawasan Parlimen Pasir Mas sebab saya tengok tidak nampak pun.

Saya ingin tanya juga, apakah kementerian bercadang menggunakan pusat-pusat tadika yang ada di seluruh negara di desa-desa waktu tidak digunakan dijadikan pusat tadika ini sebagai pusat info desa dengan membekalkan komputer-komputer yang cukup bagi membolehkan penduduk desa belajar mengenai dengan penggunaan komputer dan internet ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada butir terperinci sama ada Pasir Mas ada diperuntukkan untuk dibina MID ini, tetapi secara negeri, *state-by-state* ada dengan saya di sini. Dan kalau Yang Berhormat berminat saya boleh bagi selepas sidang soal jawab ini nanti.

Berkenaan dengan sama ada kita bercadang hendak menggunakan tadika KEMAS ataupun tadika Perpaduan. Sebenarnya tadika KEMAS dan Perpaduan dia ada program sendiri dari segi menggalakkan penggunaan komputer ini.

Jadi MID ini adalah untuk penggalakan kepada orang kampung bukan untuk murid-murid ataupun budak-budak yang kecil. Jadi bangunan yang dibina ini adalah bangunan yang berasingan dengan bangunan-bangunan tadika sama ada tadika KEMAS ataupun tadika Perpaduan. Terima kasih.

6. Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah acara sukan yang ditandingi oleh pasukan Malaysia yang beraksi dengan cemerlang di Asia dan juga di pentas dunia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengekalkan status ini, juga nyatakan berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan untuk perkara ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat antara beberapa kejayaan yang dicapai oleh atlet negara di peringkat dunia melalui sukan skuad badminton, *bowling*, menembak dan memanah. Di antaranya Datuk Nicol Ann David dari sukan *squash* masih mengekalkan gelaran pemain nombor satu dunia, pemain perseorangan badminton Datuk Lee Chong Wei pula berada di *ranking* pertama dunia. Baru-baru ini beliau telah pun berjaya memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Beijing 2008. Di mana kejayaan tersebut mencipta satu lagi sejarah yang gemilang bagi sukan tanah air.

Manakala Wendy Chai De Choo dari sukan *bowling* muncul pemain pertama negara menjuarai kejohanan *World Ranking Master*, dan Zulmazran Zulkifli berjaya menjadi naib juara. Bagi penembak negara, Zainal Abidin Mat Zain mencatat sejarah gemilang dalam sukan menembak negara apabila beliau buat pertama kalinya membawa pulang Piala Queen 2008, kejohanan menembak *Full Bore Rifle* dunia, di Bisley England.

Di peringkat Asia pula atlet sukan berbasikal, karate dan olahraga telah menunjukkan prestasi cemerlang dengan kejayaan Mohd Azizul Hasni Awang mendapat pingat emas di Kejohanan Berbasikal Asia 2008 dalam acara keirin dan sprint.

Atlet olahraga Roslinda Samsu acara lompat bergalah dan Lee Hup Wei acara lompat tinggi muncul sebagai pemenang pingat emas di Kejohanan Trek dan Padang Asia di Amman Jordan tahun baru. Di Kejohanan Karate-do Asia ke-8 2008 atlet negara telah memenangi empat pingat emas, lima pingat perak dan empat pingat gangsa.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua langkah-langkah yang telah diambil bagi menukarkan status pencapaian ini atlet-atlet di bawah Program Latihan Atlet Elit 2007 sehingga 2010 diberikan latihan dan pertandingan luar negara yang secukupnya berdasarkan pelan pre organisasi latihan mereka.

Kekerapan penyertaan di kejohanan-kejohanan antarabangsa adalah sangat diperlukan oleh atlet untuk memperoleh mata bagi menentukan *ranking* semasa mereka di peringkat Asia dan dunia. Selain daripada itu pelbagai bantuan dan juga program latihan berkala disediakan kepada atlet-atlet tersebut bagi mendorong mereka untuk mengekalkan reputasi dan semangat seperti berikut:

- (i) elaun atau gaji atlet;
- (ii) elaun atau gaji jurulatih;
- (iii) makan dan penginapan atlet;
- (iv) makanan tambahan;
- (v) peralatan latihan;
- (vi) bantuan pengajian dan akademik;
- (vii) lindungan insurans;
- (viii) perkhidmatan sains sukan dan juga binaan program seperti latihan dalam dan luar negara; dan
- (ix) pendedahan pertandingan dalam dan luar negara dan kem-kem motivasi dan bina semangat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua bantuan dari segi kewangan juga menjadi faktor utama dalam menjayakan program-program yang telah dirancang. Bagi kejayaan yang telah dicapai pada tahun 2007 yang lalu pihak Majlis Sukan Negara Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM57.1 juta termasuk persiapan atlet ke Temasya Sukan SEA 2007 dan penyertaan mereka ke kejohanan-kejohanan kelayakan Sukan Olimpik Beijing 2008. Bagi tahun 2008 ini pula perbelanjaan yang telah dibuat bagi Program Latihan Atlet Elit 2007 dan 2010 sehingga 18 Ogos 2008 adalah sebanyak RM25.92 juta. Dari peruntukan kewangan program berjumlah RM38.41 juta bagi tahun 2008 ini yang merangkumi Program Persediaan Atlet ke Sukan Olimpik Beijing 2008 dan Sukan SEA Laos 2009. Sekian.

■1100

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa jurulatih adalah bertanggungjawab melahirkan olahragawan dan juga atlet-atlet yang bertaraf. Saya nak tanya dengan kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil supaya jurulatih-jurulatih tempatan menikmati gaji ataupun pendapatan setaraf dengan jurulatih-jurulatih yang dijemput ataupun diambil daripada luar negara kerana kita mendapati bahawa jurulatih tempatan, gaji mereka hanya setakat sehingga mungkin RM15,000 sahaja tetapi yang

dijemput daripada luar, yang diambil untuk melatih daripada luar mencecah sampai RM50,000 satu bulan.

Jadi peningkatan taraf jurulatih tempatan ke taraf sama taraf dengan jurulatih antarabangsa juga akan melahirkan atlet-atlet dan juga ahli-ahli sukan mungkin satu hari nanti bertaraf dunia seperti yang tidak tercapai pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jurulatih memang merupakan satu aspek yang penting dalam untuk meningkatkan kualiti sukan negara dan di Malaysia memang kekurangan jurulatih yang berkualiti. Jadi, sebenarnya kalau kita lihat, banyak bidang sukan negara kita ada cuba - bukan sebab daripada luar atau dalam negeri. Yang penting ialah jurulatih boleh memainkan peranan untuk melatih atlet-atlet kita untuk menuju ke kualiti antarabangsa. Jadi bagi saya atau kementerian memang ambil beratlah. Yang penting iaitu salah satu aspek yang penting untuk melatih kepada bidang sukan kita. Contoh, badminton. Badminton, Misbun Sidek, daripada orang tempatan. Beliau telah melatih atlet-atlet kita, pemain-pemain kita dengan sehingga ke hari ini kita berjaya merangkumi pingat perak di sukan Olimpik. Jadi sebenarnya itu bukan satu isu yang boleh menjejaskan prestasi sukan negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sukan di negara kita ini ada dua tiga jenis. Satu di antaranya sukan popular seperti bola sepak, badminton dan sebagainya dan sukan yang boleh mendatangkan kejayaan ataupun hasil ataupun pingat di peringkat antarabangsa walaupun sukan itu tidak popular. Dalam memastikan kita selalu mendapat sedikit kejayaan dan berbangga dengan kejayaan itu sedangkan curahan peruntukan yang begitu besar yang terpaksa dibuat oleh kerajaan untuk kita mendapat satu hasil yang lebih gemilang, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memastikan jurulatih-jurulatih tempatan mendapat pendedahan yang lebih moden dalam teknik-teknik latihan terkini, contohnya dalam bidang bola sepak dan bidang-bidang sains sukan yang lain yang digabungkan di antara *sport sciences* ataupun sains sukan dengan teknik kejurulatihan yang boleh mendatangkan kesan ataupun kesan yang kedua yang boleh kita capai ialah dengan kita melihat bidang sukan seperti bola keranjang dan sebagainya.

Kita boleh import pemain-pemain daripada luar negara yang diberi taraf pemastautin tetap yang mereka bermain dengan pasukan negara sebagai untuk mendapat langkah kesan kejayaan segera kepada pihak negara kita. Jadi apa tindakan yang boleh kita lakukan dalam memastikan bahawa curahan peruntukan yang besar ini kita dapat janakan dan hasilkan satu keputusan yang baik dalam bidang sukan ini.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya telah cakapkan tadi bahawa jurulatih satu elemen yang penting bagi sukan dan kementerian memang sedar bahawa kita ingin menjayakan sukan di peringkat baik di dalam negeri mahupun luar negeri. Selain daripada elemen-elemen lain, jurulatih adalah satu cara yang penting. Maka kementerian

memang ambil beberapa perubahan termasuklah kemungkinan dalam masa-masa terdekat ini kementerian akan mengadakan satu konvensyen sukan kebangsaan yang akan membawakan semua ahli sukan kepada mereka yang lebih arif dalam arena sukan ini. Kita akan membincangkan dan menentukan hala tuju sukan negara ini supaya kita akan mencapai satu prestasi sukan yang lebih jauh ke depan termasuklah aspek jurulatih ini.

Maksudnya keseluruhan termasuk jurulatih ini. Maka kita akan nampak hala tuju pada masa depan negara kita, bagaimana untuk meningkatkan prestasi sukan negara kita.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Muslimin-Muslimat dalam Dewan ini dan selamat datang kepada pelawat-pelawat kita. Terima kasih kepada Menteri Pelancongan. Saya kemukakan soalan nombor tujuh.

7. **Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pelancongan menyatakan destinasi pelancongan yang paling popular dan dapat menarik bilangan pelancong teramai mengikut negeri-negeri serta jumlah hasil pendapatan yang diperolehi daripada industri ini.

Menteri Pelancongan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua yang ada di sini. Daripada bulan Januari hingga Jun 2008, daripada data kajian penglibatan hotel di seluruh Malaysia, sejumlah 10.306 juta adalah penginapan asing daripada luar negara dan seramai 17.958 juta ialah daripada jumlah penginapan domestik. Daripada jumlah tersebut, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat, antara destinasi pelancongan yang paling popular dan dapat menarik bilangan pelancong teramai mengikut negeri-negeri, yang pertama antara Januari hingga Jun 2008 adalah Pahang iaitu sebanyak 2.736 juta orang pelancong diikuti dengan negeri Perak iaitu sebanyak 1.211 juta orang pelancong dan diikuti pula... Maaf, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama adalah Kuala Lumpur iaitu 2.736 juta diikuti dengan Pahang sebanyak 2.248 juta, Perak diikuti dengan 1.211 juta dan Pulau Pinang merupakan tempat yang keempat iaitu 938 juta orang pelancong.

Setakat ini itu adalah kiraan daripada bulan Januari hingga Jun 2008. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tan Sri. Saya lihat Pahang merupakan negeri kedua memberikan sumbangan kepada pelancongan dan sudah tentulah memberikan sumbangan pendapatan kepada negara. Saya nak minta kepastian daripada menteri, negeri Pahang di samping beberapa destinasi yang termasuk seperti Telok Chempedak, Tioman dan sebagainya, banyak juga kawasan-kawasan lain ataupun destinasi lain di kawasan-kawasan luar bandar yang juga terkenal di kalangan pelancong.

Jadi saya nak ambil tahu daripada menteri, berapakah jumlah destinasi yang telah pun disenaraikan di bawah kementerian dalam negeri Pahang khususnya di kawasan Maran dan

apakah perancangan Kementerian dalam membangunkan destinasi pelancongan ini yang banyak memberikan pulangan kepada kerajaan. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di negeri Pahang, memang di segi kajian adalah antara tempat yang paling menarik terutama sekali dalam aspek eko pelancongan. Kalau kita tengok daripada jumlah kehadiran pelancong seperti tempat-tempat destinasi iaitu Cameron Highlands, Kuala Gandah, Genting, Tioman, Cherating, Tasik Chini, Bera, Taman Negara dan juga kalau kita tengok aktiviti-aktiviti pelancongan yang dilibatkan tapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, antara tempat yang paling menarik di negeri Pahang yang jumlah lebih kurang 60% daripada jumlah yang hadirnya pelancong ialah di Genting Tuan Yang di-Pertua. Sama ada mereka masuk ke dalam atau luar daripada bangunan tersebut itu Kementerian tidak begitu arif dalam bidang ini tapi sebenarnya itulah antara kiraan yang paling utama. 60% daripada jumlah kehadiran di negeri Pahang adalah di Genting.

Jadi soalan Yang Berhormat tanya apakah yang dicadangkan oleh Kementerian, Kementerian kalau kita tengok di Kuala Gandah sebagai contohnya, untuk dengan izin, *Elephant Sanctuary*, Kementerian menyedari bahawa tidak begitu banyak yang begitu berminat tetapi dengan agresif promosi yang dilakukan, setakat ini kita telah berjaya membuat penarikan sebanyak 17.5 % daripada jumlah hadir pelancong yang datang terutama sekali ke Kuala Gandah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan selamat datang kepada rombongan daripada Dewan Undangan Negeri Kelantan. Soalan tambahan saya, saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian, hasil daripada kebanjiran pelancong daripada Timur Tengah hari ini kita lihat, apakah usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk memastikan supaya kedatangan mereka memberi manfaat kepada negara kita bukan sahaja dari sudut hasil pelancongan tetapi dari sudut pelaburan dan sebagainya dan sejauh mana kajian dibuat oleh pihak Kementerian terhadap kesan sosial terhadap rakyat terutama yang melibatkan pelancong-pelancong luar yang membawa budaya negatif ke dalam negara kita. Terima kasih.

■1110

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi kajian budaya-budaya negatif, Kementerian tidak terlibat dalam menjalankan kajian ini. Akan tetapi apa yang Kementerian dapat memberikan kenyataan di sini adalah dari segi masyarakat dari Timur Tengah dilihat sebagai jumlah pelancong yang begitu tinggi. Kalau dulunya mereka sering ke Kuala Lumpur, sekarang ini mereka sudah begitu bijak dalam negara kita dan mereka sudah bersedia untuk pergi kepada tempat-tempat aktiviti pelancongan yang menarik.

Contohnya seperti di tepi pantai; kalau kita lihat walaupun dengan pakaian yang mereka ada, mereka memakai pakaian mereka untuk beriadah di tempat-tempat pelancongan air.

Mungkin ekspektasi pemaju hotel ialah mungkin kalau dia hendak berenang itu dia kena pakai baju berenang. Namun, apa yang berlaku sekarang ini selalunya tuan punya premis penginapan tidak menegur pakaian, dia menggalak.

Jadi kalau kita tengok dari segi *swimming pool* yang ada Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang yang jubah pun dia masuk dalam *swimming pool*. Kita peka kepada pelancong kita yang menyebabkan kadang-kadang kita tidak tegur. Jadi persoalan tentang isu budaya sosial sebenarnya kalau kita lihat yang boleh dilihat dari segi aktiviti yang begitu terbuka adalah baru-baru ini Rainforest Festival yang ada di Sarawak. Akan tetapi di Semenanjung selalunya festival-festival tari-menari itu tidaklah begitu banyak tetapi di Sarawak sebagai contoh.

Walau bagaimanapun jumlah kehadiran adalah lebih kurang 30 ribu satu malam dan festival ini dilaksanakan dalam masa empat malam. Kalau kita tengok dari segi pulangan kewangan daripada kehadiran mereka, kita melihat daripada apa yang kita buat kajian, memang aktiviti pelancong ini aktiviti yang mereka meletakkan apa aktiviti yang mereka hendak buat. Dari segi pelacuran dan seterusnya dari segi aktiviti negatif tidaklah begitu banyak Yang Berhormat. Jadi bagi pihak kementerian kita tengok kalau Timur Tengah banyak bawa keluarga, kalau dari China dan India mereka bawa keluarga, kadang-kadang dia melawat saudara mara mereka.

Kalau kita tengok daripada jumlah negara-negara barat mereka datang selalunya untuk bertemakan kepada ekopelancongan. Itu menjadi pilihan utama jenis-jenis pelancong yang datang daripada negara-negara tersebut.

8. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah culik kanak-kanak yang masih belum ditemui.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat dan saya juga turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam membanteras jenayah, khususnya jenayah culik yang melibatkan kanak-kanak di negara ini. Antara langkah-langkahnya ialah:

- (i) mempunyai satu pasukan khas yang menumpu perhatiannya untuk menyiasat kes culik yang terdiri daripada pegawai yang terlatih di peringkat Bukit Aman dan juga di peringkat kontinjen;
- (ii) mengadakan operasi bersepadu membanteras jenayah dengan agensi penguat kuasa yang lain;
- (iii) mengadakan operasi-operasi khususnya di kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi seperti di bandar-bandar besar;

- (iv) apabila berlakunya kes penculikan serentak dengan tindakan yang lain, pihak polis akan dengan serta-merta menyebarkan risalah-risalah dan pamflet-pamflet kepada orang ramai, kepada pemandu-pemandu teksi, kepada orang ramai yang menunggu di perhentian bas dan kepada orang ramai di sekeliling tempat kejadiannya; dan
- (v) meningkatkan lagi kerjasama dengan orang awam dalam mendapatkan maklumat mengenai jenayah melalui program Rakan Cop dan talian khas 999, dan mengadakan program kesedaran ibu bapa supaya sentiasa memantau aktiviti anak masing-masing melalui sesi ceramah dan khidmat nasihat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini selepas kejadian kes-kes penculikan seperti kes adik Sharlinie, pihak polis telah pun mengadakan lebih banyak ceramah dan program untuk ibu bapa dan didapati program-program seumpama ini memang banyak membantu supaya kesedaran di kalangan ibu bapa kian meningkat. Tuan Yang di-Pertua, memang mustahil bagi pihak polis untuk berjaya menyelesaikan setiap kes penculikan mengenai kanak-kanak. Oleh sebab dengan ketiadaan saksi-saksi dengan bukti yang tidak mencukupi dan faktor-faktor lain.

Walau bagaimanapun usaha untuk mencari dan menjejaki mangsa-mangsa culik akan tetap diteruskan sehingga individu yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan kesabaran ibu bapa Sharlinie, ibu bapa Awie dalam mereka tekun bersabar mendengar berita ataupun mendapat informasi terkini daripada penculikan ini, saya kira penguasaan yang begitu longgar dan rapuh daripada pihak polis, satu sebab peranan itu dimainkan yang membolehkan penculikan bermaharajalela dalam negara kita ini.

Soalan saya, adalah didapati bahawa sindiket penculikan kanak-kanak di Malaysia mempunyai rangkaian antarabangsa dan pihak polis berjanji akan mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan polis antarabangsa bagi mengesan sindiket berkenaan. Maka bolehkah saya mengetahui apakah hasil kerjasama yang telah dicapai setakat ini? Sekian.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat. Memang benar pihak polis sentiasa mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pihak-pihak polis dari luar negara khususnya dari pihak Interpol. Setakat ini bagi kes-kes adik Sharlinie, adik Nurin dan juga Awie, kita rasa sedih kerana setakat ini kita tidak dapat menuju ke hadapan oleh sebab begitu banyak masalah yang kita masih hadapi iaitu ketiadaan saksi tidak mencukupi, seperti saya kata tadi bukti yang tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, pada puratanya kita dapat menyelesaikan kes-kes culik kanak-kanak dalam negara ini dengan peratusan yang tinggi. Misalnya pada tahun 2006, terdapat 11 kes culik kanak-kanak dan kita dapat

menyelesaikan 7 kes. Tahun 2007 sebanyak 10 kes didapati dan pihak polis dapat menyelesaikan 6 kes. Tahun 2008 sebanyak 13 kes, setakat ini kita dapat menyelesaikan 5 kes.

Oleh yang demikian kita kadang-kadang rasa sedih oleh sebab begitu banyak masalah yang kita hadapi oleh pihak polis, maka kita tidak dapat lagi mencapai ataupun mendapat hasil dari siasatan yang diadakan oleh pihak polis. Namun, kita tidak akan melepaskan, kita akan terus menyasat hingga kita mencapai ataupun mendapat hasil. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan kanak-kanak tetapi saya ingin tanya pihak Kementerian Dalam Negeri, macam mana mengatasi kes di mana Ahli Parlimen diculik oleh polis. Tuan Yang di-Pertua pada 12 September, sebenarnya bila polis datang dan tahan saya di bawah ISA. Apa yang berlaku pada waktu itu adalah sama dengan penculikan seperti apa yang kita lihat dalam filem. Pihak polis datang kepada saya, kata saya ditahan di bawah ISA dan saya hendak diberitahu ibu bapa atau peguam saya tetapi *handphone* saya itu diambil, dirampas oleh polis begitu sahaja. Polis kata, ibu bapa saya akan baca tentang penahanan saya di bawah ISA ini melalui surat khabar besok.

Jadi saya hendak tanya dan sekarang ini kita semua tahu saya ditahan, diculik selama tujuh hari selepas itu dibebaskan. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang kata siasatan polis menunjukkan bahawa saya tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan dalam negeri. Saya memang hendak tahu apakah ini satu perbuatan yang boleh dilakukan oleh pihak polis terhadap seorang wakil rakyat dengan begitu sahaja? Tidak buat siasatan betul, culik saya, tahan di bawah ISA selama tujuh hari begitu sahaja?

■1120

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya hendak tanya siapakah akan menjalankan siasatan terhadap mereka yang telah tuduh saya yang mana tuduhan semua ini tidak ada asas. Hanya mengikut satu artikel yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan juga *blog-blog* dalam internet.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, kita dengar jawapan Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya hendak tanya pihak Kementerian Dalam Negeri. Apakah keadaan penculikan ini akan dibiarkan, diteruskan lagi begitu sahaja. Mungkin suatu hari nanti, nanti Tuan Speaker juga diculik begitu sahaja. *[Ketawa]* Kita semua akan mencadangkan kementerian menyelamatkan Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Soalan tadi itu pun sudah difahami. Yang Berhormat Menteri sudah baca juga di surat khabar. Tak perlu panjang lebar dan dia faham itu, menteri kita dengar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana saya jadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Sila Yang Berhormat Menteri jawab sama ada itu penculikan atau tidak. Saya juga mahu tahu juga. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Sebenarnya soalan tambahan yang ditanya ini tidak ada kena mengena dengan soalan asal. Saya ingin menasihati supaya Yang Berhormat, jika hendak tahu jawapan yang lanjut, buatlah satu soalan khusus mengenai penculikan Yang Berhormat sendiri, bukan kanak-kanakkan, dewasa sudah. Sekian terima kasih.

9. Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah pemantauan kerajaan terhadap SMS dan muat turun hadis yang ketulenan serta kesahihannya boleh diragui dan mengelirukan umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia membuat pemantauan terhadap muat turun hadis atau ayat-ayat al-Quran melalui SMS bagi memastikan ketulenan dan kesahihannya.

Sejauh ini, melalui pemantauan yang telah dilakukan hadis-hadis yang dimuat turunkan melalui SMS merupakan hadis-hadis sahih. Terutamanya yang dimuat turun sebagai renungan pada hari Jumaat.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada juga hadis-hadis yang telah dimuat turun yang sebenarnya menyalahi dan saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri apakah tindakan yang telah diambil ke atas pengirim SMS ataupun operator yang memuat turun ataupun antara lain sekiranya mereka ini menyalahi, memuat turun hadis-hadis tersebut, apakah bentuk tindakan yang boleh diambil ke atas operator-operator ini dengan izin ataupun pengirim SMS ini. Apakah pihak kementerian berhasrat untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian untuk memantau permasalahan pada saya yang telah menular ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Jika benar terdapat hadis-hadis daif, hadis-hadis yang tidak ada ketulennannya, maka beberapa tindakan akan kami lakukan terutamanya kami turut memantau isi kandungan SMS itu atau sebarang penerbitan mengenai ajaran agama Islam dengan kerjasama Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Pencetakan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri sendiri.

Malah dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-64 pada 27 Julai 2004, kita telah memutuskan bahawa hukum terutamanya dalam peraduan SMS yang menyentuh mengenai perkara-perkara dalam agama Islam telah diputuskan bahawa peraduan atau pertandingan melalui sistem pesanan ringkas dan seumpamanya adalah mengandungi unsur-unsur eksploitasi, kesamaran, pertaruhan dan nasib yang tergolong dalam pengertian judi.

Dari itu, hukum peraduan tersebut adalah haram di sisi syarak. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat perkara-perkara ini memang kita pantau dengan kerjasama jawatankuasa yang telah dibentuk.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya ingin penjelasan apakah pihak kementerian membuat pemantauan juga kepada pelanggaran-pelanggaran syariat bukan sahaja di sudut SMS tetapi kita lihat banyak dari sudut pentadbiran, dari sudut sistem ekonomi dan juga termasuk dari segi hiburan dalam negara kita yang banyak sangat bercanggah dengan hukum Islam itu sendiri. Sejauh mana pemantauan yang dibuat dan berapa ramaikah pegawai yang terlibat dalam pemantauan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu terkeluar langsung dari soalan asal tetapi pertanggungjawaban agama bukan hanya diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Ia adalah di bawah kerajaan negeri, di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu termasuk negeri Kelantan juga. Rujuklah kepada Al-Sultan mengenai perkara itu.

10. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apakah pencapaian program Pembangunan Teknousahawan merujuk dua program berikut:

- (a) Program Inkubator Teknologi; dan
- (b) Program Pemerolehan Teknologi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau (MECD) telah merangka Program Pembangunan Teknousahawan sebagai salah satu teras untuk melahirkan 150,000 usahawan baru di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pembangunan-pembangunan teknokeusahawan mensasarkan untuk melahirkan usahawan yang berteknologi yang berdaya saing dan berdaya maju. Program Pembangunan Teknousahawan ini difokuskan kepada dua pendekatan dan dilaksanakan oleh MARA melalui Program Inkubator Teknologi dan Program Pemulihan Teknologi.

- (a) Melalui Program Inkubator Teknologi, beberapa memorandum persefahaman telah pun ditandatangani antara MARA dengan Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia, *Management & Science University* dan *Multimedia Development Corporation* bagi menjayakan program berkenaan.

Sebanyak empat buah inkubator teknologi telah dibangunkan sebagai infrastruktur sokongan kepada pembangunan teknousahawan yang telah pun dimulakan sejak tahun 1999 sehingga sekarang. Seramai 107

peserta telah memperoleh manfaat daripada program inkubator ini dengan seramai 54 orang daripadanya telah pun memulakan perniagaan manakala baki peserta seramai 53 orang masih dalam proses untuk memulakan perniagaan.

- (b) Manakala Program Pembangunan Teknousahawan MARA merupakan satu pakatan strategi di antara MARA dengan pembekal teknologi. Dalam program ini, MARA telah melaksanakan Program Pembangunan Teknousahawan pada dua peringkat iaitu peringkat persijilan dan peringkat sarjana yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan, GLC, IPTA dan juga pihak swasta.

Antaranya yang terlibat sebagai pembekal teknologi di peringkat persijilan ialah *Multimedia Development Corporation* - bidang teknologi, *Malaysian Industry-Government Group of High Technology* dalam bidang pertanian, MARDI dalam bidang pemprosesan makanan dan juga Universiti Putra Malaysia dalam bidang pertanian. Manakala pembekal teknologi yang terlibat di peringkat sarjana ialah Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan juga *Management & Science University*.

Seramai 100 orang peserta telah mengikuti program di peringkat sarjana yang mana 47 orang daripada telah pun berjaya memulakan perniagaan. Bagi program di peringkat persijilan, seramai 252 peserta telah mengambil bahagian dan seramai 151 orang daripadanya telah berjaya memulakan perniagaan manakala selebihnya masih dalam proses untuk memulakan perniagaan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya merupakan komponen kedua terhadap soalan asal berkenaan dengan Program Pemerolehan Teknologi

Yang saya faham ialah tabung ini kerajaan wujud untuk komersialkan pendidikan dan teknologi. Banyak bajet kerajaan untuk *research and development* tetapi yang dikomersialkan sangat kecil, tidak sampai 5% pun. Jadi, tabung pemerolehan teknologi ini antara lain hendak siapkan bantuan kepada syarikat untuk mereka gunakan dana ini bagi mendapatkan teknologi luar negara yang strategik. Itu yang saya faham.

Soalan saya pada Yang Berhormat Menteri ialah, berapa syarikat sudah memanfaatkan tabung ini. Apa pula yang kita kelaskan dengan industri strategik, teknologi strategik daripada luar negara yang melayakkan syarikat mohon daripada tabung ini. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, yang saya nyatakan tadi bahawa program pemulihan teknologi setakat ini kita memberikan tumpuan kepada

individu, kepada peserta-peserta di mana diberikan kepada dua bahagian. Satu sarjana dan juga persijilan.

■ 1130

Ini bermakna penumpuan yang MARA beri ialah untuk melahirkan usahawan-usahawan itu sendiri. Kemungkinan tabung Yang Berhormat maksudkan mungkin tabung di bawah MOSTI. Tabung yang berada di bawah MARA ialah untuk melahirkan individu-individu usahawan itu sendiri terutamanya usahawan bumiputera. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima juta ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. **[29 Ogos 2008]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk memulakan perbahasan.

11.31 pg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan rasa hormat kepada Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan berbahas di hadapan Tuan Yang di-Pertua yang saya kenal sebagai orang yang pendekar dan petah berbicara, berbahas sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada bekas Menteri Kewangan, Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana membentangkan Belanjawan Negara bulan lalu. Meskipun terdapat perbezaan dasar yang ketara di antara kami dalam Pakatan Rakyat dan Perdana Menteri, bekas Menteri Kewangan, saya ingin melahirkan rasa hormat dan menghargai usaha beliau sehingga dapat membentangkan satu belanjawan dalam keadaan krisis yang besar yang hampir melanda pada ketika itu.

Hanya setelah setengah purnama berlalu, keadaan negara bertambah meruncing. Keadaan dianggap sudah sampai ke tahap parah. Persoalan yang pertama yang harus kita bahaskan, adakah wajar untuk kita meneruskan perbahasan tentang satu belanjawan yang sudah ketinggalan melihat kepada unjuran, akta, data, satu setengah purnama yang lalu dengan keadaan sekarang. Apakah wajar Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini diminta untuk terus berbahas satu belanjawan yang sudah tidak realistik, tidak menepati fakta dan tidak mampu mengangkat ekonomi dan menyelamatkan negara kita dari kemelut ekonomi yang kian meruncing.

Saya hargai usaha menteri dan negara, Perbendaharaan, Unit Perancang Ekonomi yang bekerja bertungkus-lumus menyediakannya. Akan tetapi mereka juga arif dan tahu benar bahawa

kenyataan dan kegawatan sekarang sudah jauh berbeza. Ini bukan sahaja akibat dari krisis kewangan bermula dari masalah *sub prima* yang menelan hampir USD1 trilion. Pasaran kredit hampir lumpuh, ia bukan sahaja melibatkan industri kewangan besar tetapi telah mengancam kekuatan industri kewangan dan syarikat kewangan paling besar di dunia, Freddie Mac, Fannie Mae, Lehman Brothers, Meryll Lynch dan juga AIG yang dianggap satu kekuatan induk dalam institusi kewangan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, nak bagi peluang dengan..., awal sangat Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, kalau boleh saya akan beri ruang sebentar lagi. Kalau sekadar meminjam dengan izin, Warren Buffet "*Financial weapons of mass destruction*".

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, bukan lagi isu yang menyangkut ekonomi gergasi seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun tetapi untuk kita menafikan kesan dan dampak yang serius yang akan melanda negara kita, itu adalah sesuatu yang tidak munasabah. Sebab itu saya ingin menggesa Menteri Kewangan yang baru yang harus menghormati dan mendengar hujah Ahli-ahli Dewan dan tidak sibuk kempen mempertahankan jawatannya kerana isu yang berada di hadapan kita ini isu yang serius.

Dan saya ingat Tuan Yang di-Pertua bahawa sepanjang saya menjadi Menteri Kewangan sepanjang lapan tahun, saya tidak pernah meninggalkan Majlis di Dewan ini tatkala Ketua Pembangkang menyampaikan ucapan... [*Tepuk*] Akan tetapi kerana keangkuhan, *arrogance of power* pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, tidak langsung menghormati, bukan sekadar pandangan pembangkang, Perdana Menteri baru merasakan bagaimana pandangan rakan-rakannya begitu kasar dan ganas sehingga berjaya menghumbankan beliau awal daripada jadual.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan ini kerana cara realistik. Lihat sahaja Singapura, Singapura tentunya secara relatif punyai kekuatan ekonomi yang jauh lebih kukuh dari negara kita. Akan tetapi dalam pada itu pun setelah melihat dua suku tahun pertama pertumbuhan yang negatif. Pertumbuhan negatif dua kali berturut-berturut, itu akan menyebabkan negara mulai mengalami kemelesetan. Dan bila *recession* ini berlaku, Perdana Menteri Singapura segera membuat kenyataan bahawa Singapura sudah pun mula menerima kesan kemelesetan.

Di Malaysia, keadaan di sebaliknya kerana Menteri Kewangan yang baru sibuk dengan kelulusan projek-projek meganya dan membuat kenyataan bahawa kekuatan ekonomi dan fundamental di Malaysia amat kukuh. Inilah saya ucap tahniah kerana inilah Menteri Kewangan satu-satunya di dunia yang anggap ekonominya kukuh... [*Tepuk*] Akan tetapi kenyataannya berbeda kerana kesan harga barang yang meningkat, harga minyak, harga keperluan asas melambung. Pertumbuhan mengecut, pengangguran bertambah dan parahnya dirasakan oleh

peniaga kecil, petani, nelayan dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua lebih merasai kerana di Sarawak dan Sabah harganya jauh lebih tinggi daripada yang dialami di sini.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi ingin menekankan kepada Menteri Kewangan yang baru supaya mengumpulkan seluruh kekuatan pakar-pakar ekonomi kita dalam dan luar kerajaan di Perbendaharaan Bank Negara, Unit Perancang Ekonomi dan lain-lain untuk melihat semula dan menjana kekuatan. Jika tidak kita akan terus lumpuh. Pakar ekonomi dunia tidak ada yang menyanggah keperluan kita mengkaji semula. Friedrich Hayek dengan izin, tatkala menyampaikan ucapan hadiah Nobel ekonominya, *'The Pretends of Knowledge'*, menyatakan kalau tidak kita terima dan sedia belajar bahawa pengurusan ekonomi itu begitu kompleks dan pengetahuan asas itu sangat penting. Bagaimana kepintaran kita merangka tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah kalau kita tidak cepat membuat beberapa penyesuaian mengikut persekitaran semasa.

He will therefore with the use of what knowledge he can achieve, not to shape the results as the craftsman shapes his handy work but rather to cultivate a growth by providing the appropriate environment in the manner in which the gardener does this for his plants.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang dilanda krisis kewangan dan ekonomi yang besar. Bagi semua penganalisis tanpa pengecualian dari yang pemerintah dan yang di peringkat swasta, institusi kewangan tempatan dan luar negara dan internasional, tanpa kecuali mengatakan bahawa dalam keadaan sekarang, masa terdekat mungkin satu atau dua tahun lagi, tidak ada ekonomi yang mungkin selamat. Justeru itu harus ada sesuatu pendekatan yang lebih kreatif, yang dapat membendung serangan yang hebat ini.

Kita pernah dulu menyebut tentang kupasan Joseph Schumpeter, pakar ekonomi yang mengandaikan gejala krisis dari semasa ke semasa ini sebagai dengan izin, *differential gates of creative destruction*. Apakah kita sedia untuk memanfaatkan kegawatan yang ada ini untuk menolak cara yang rosak, rasuah, penyelewengan, kesediaan memberikan projek kepada keluarga dan rakan-rakan atau mengangkat semula ekonomi berdasarkan kepada pertimbangan yang lebih rasional, yang lebih *transparent*, telus dan lebih bertanggungjawab. Tentunya *creative destruction* itu pedih kerana ia hanya mampu dilakukan sekiranya kita terima hakikat apa yang disebut oleh Nabi Allah Shuib dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] iaitu perubahan sedaya upaya kita.

Akan tetapi kalau kita terima masalah, kekal dengan kecenderungan untuk bertindak secara angkuh dan cara mengaut keuntungan secara tamak haloba, mengizinkan rasuah tanpa kawalan, mustahil... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Perubahan itu dapat berlaku. Sekiranya kita bicara soal pembaharuan atau *reform*, ia juga mencangkup perubahan yang diungkapkan oleh pakar dalam isu *political economy*, pengurusan yang lebih baik, sistem politik yang lebih munasabah dan persekitaran yang membantu mengangkat pertumbuhan ekonomi.

Siapa kita Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat jika kita tidak peka dengan permasalahan ini dan mengetahui setiap pandangan kita dan kupasan kita. Dasar ekonomi kita akan mencangkup kepentingan bukan sahaja negara, angka dan statistik tetapi kehidupan rakyat iaitu pendidikan anak-anak kita. Harga barang rakan-rakan kita di kampung dan di desa, kesusahan mereka mendapat peluang dan kemudahan yang baik. Apa yang kita lakukan di sini, belanjawan diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri akan memberi kesan bukan saja kepada Ahli Yang Berhormat tetapi kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua masih ingat bila Brutus menentang Julius Caesar yang diktator itu, dia bertanya kepada orang-orang Romawi, "*Who is here, so based that would be a bondman?*" Siapa di kalangan kita? Dia bertanya kepada rakyat Romawi. Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat di sebelah sini dan lebih-lebih lagi di sebelah sana. Siapa di antara kita yang begitu lemah, jelik dan tidak ada keupayaan sehingga sanggup menjadi hamba. Menghina diri mereka sendiri, mengiakan kepada keganasan, kepalsuan, rasuah dan kezaliman. Mengiakan kepada sikap *racist* dan penghinaan etnik. Menelan begitu semata-mata kerana kita terlalu kecil dan merasa diri terlalu hina dan tidak mempunyai kekuatan untuk bangun mengatakan Ahli Yang Berhormat atau Yang Amat Berhormat *enough is enough. Enough of this..., enough of this corruption, enough of this racist remark against us*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu, kita tidak boleh mampu berbicara soal pengurusan ekonomi dari kalangan yang mempunyai hati kecil walaupun keupayaan dan kekayaannya melimpah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh sedar bahawa *term wave of creative destruction* adalah satu *term* yang sangat berbahaya. Saya ingat satu dekad dahulu apabila terma ini kali pertama digunakan, ia menyebabkan satu krisis di mana Yang Berhormat daripada Permatang Pauh dijatuhkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, dilucutkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri kemudiannya dan memulakan satu bab penjara di Sungai Buloh dan sekarang sudah sebelas tahun.

Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh percaya bahawa selepas satu dekad dan kita menghadapi satu krisis ekonomi dunia yang lebih besar dan nampaknya negara kita dan Kerajaan Barisan Nasional tanpa ada apa-apa persediaan untuk menghadapi krisis ini bahawa negara kita bersiap sedia untuk menghadapi satu *wave of creative destruction* supaya kita boleh memulakan bab yang baru negara kita *or how* kita tengok Ahli-ahli Parlimen khasnya Barisan Nasional apa yang mereka menumpukan bukan *wave of creative destruction* tetapi mahu pergi Taiwan sahaja.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Ini dengan izin *differential gate of creative destruction* ini kita harus terima. Saya tidak terasa terlalu kesal enam tahun dalam penjara, tidak lama. Hanya sekejap saja. Kini kita berjumpa semula dan itu satu pengalaman. Saya berdiri atas keyakinan kita. Ada teman bersama, ada teman lari entah ke mana. Ini biasa dalam kehidupan... [*Tepuk*]

Ada teman baik yang sampai sepuluh tahun belum tanya khabar dan telefon Assalamualaikum pun. Itu biasa Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bagan Datok.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik, saya tidak sebut Bagan Datok...
[Beberapa Ahli ketawa]

Seorang Ahli: Sudah lupa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak. Tuan Yang di-Pertua, tetapi pengalaman ini penting. Kita tahu pandangan bagaimana sejarawan, pemikir minta kita menggali khazanah lama, belajar dari pengalaman lama dan menimba daripada pengalaman itu. Oleh yang demikian, saya akan sentuh hal yang demikian bagaimana harus kita pelajari dari pengalaman silam. Tidak semua fakta sama tetapi adalah merupakan satu kesilapan besar sekiranya kita memilih untuk mengetepikan pengajaran yang harus kita timba dari krisis sepuluh tahun yang lalu.

Yang malang sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah dalam semua data dan angka yang kita peroleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sebenarnya satu penjelasan saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Nak kena bagi laluan dekat pembangkang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak. Bagilah peluang dekat saya. Saya sentiasa menyingkatkan. Yang Berhormat memang mempunyai banyak pengalaman dalam *Treasury* dan juga di luar *Treasury* sekarang yang sangat berpengalaman.

Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa dengan peruntukan bagi setiap kementerian, bagaimana kita dapat membahaskan dalam dua bulan ini kerana tidak ada peruntukan, perubahan dan pergolakan ekonomi dunia ini sudah menyebabkan kita tidak mempunyai cukup peruntukan untuk dibahaskan di dalam bajet ini.

■1150

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Benda ini benar sebab itu saya menanyakan tadi peringkat awal tetapi seperti biasa kita berdepan dengan corak pimpinan yang terlalu angkuh. Tidak ada kesediaan mendengar dan menilai. Ada satu soalan yang paling asas, Tuan Yang di-Pertua. Unjuran angka, data yang diberikan satu setengah purnama yang lalu, kalau tak faham purnama bulan yang lalu sudah berbeza. Peruntukan untuk kementerian harus disusun semula. Pendapatan negara, defisit, harga minyak itu akan saya sentuh. Maknanya, sekiranya Menteri Kewangan itu benar-benar bertanggungjawab, harus mengemukakan

belanjawan baru. Apa yang dijanjikan kepada rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak, *“Meleset, wangnya enggak ada pak”... [Ketawa]* Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang Sarawak tidak cakap macam itu ya Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, itu orang Sarawak yang belajar di Jakarta. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cakap Sarawak lain Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan bagi cakap Sarawak macam itu. Tidak ada.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ada sedikit tapi boleh gitu, bagi yang naik belon itu lain dia punya taraf pendidikannya. Terima kasih. Jadi yang saya tekankan di sini ialah mendesak Menteri Kewangan untuk menjawab permasalahan ini dulu kerana unjuran pendapatan, unjuran pertumbuhan, defisit, keupayaan perbelanjaan semuanya sudah meleset. Tidak mungkin kita bahaskan berdasarkan fakta satu setengah bulan yang lalu.

Pertama, kita bicara soal kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. 44% pendapatan bergantung kepada minyak dan gas. Ini berdasarkan harga belanjawan sekitar USD125 satu tong. Sekarang USD77 satu tong. Tidak perlu pakar ekonomi, anak Darjah Enam pun mampu membuat perkiraan bahawa pendapatan negara itu jauh berbeza dari unjuran yang awal. USD77 berdasarkan unjuran USD125. Semasa saya diminta berdebat dengan Menteri Penerangan, harga minyak USD135. Sebab itu saya berani minta supaya diturunkan RM0.70 supaya harga minyak turun RM2 agar rakyat tidak dibebankan dengan harga barang. Tetapi Menteri Kewangan memilih turun 15 sen, minggu depan 10 sen. Dia tidak memberikan kesan penurunan harga barang secara menyeluruh. Kalau harga minyak pada ketika itu RM2.70 tatkala harga minyak di pasaran USD135 satu tong, sekarang harga minyak USD77 satu tong. Apakah tidak munasabah kita mengurangkan beban yang ditimpa oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau harga minyak begini, ia akan memberikan dampak yang nyata kepada pertumbuhan negara, defisit dan untuk menampung ini, dalam kajian sebahagian dari penganalisis kewangan, kerajaan terpaksa mengeluarkan bon baru untuk menampung defisit sekitar RM60 bilion. Dengan bahaya ancaman krisis kredit di Amerika, di Eropah, Jepun, kita khuatir apakah kita mampu menampung defisit sebesar itu. Sebab itu unjuran perbelanjaan harus dirombak dengan segera.

Kedua, pendapatan dari kelapa sawit, CPO, minyak sawit mentah di kemuncaknya RM4,486. Sekarang, hari Jumaat yang lalu RM1,773. Satu per empat hampir daripada harga kemuncak. Kalau kenyataan ini sahaja minyak petrol dan gas dan CPO, minyak sawit mentah, memadai untuk membuktikan bahawa unjuran pertumbuhan perlu dikaji semula.

Ketiga, Malaysia masih bergantung kepada eksport. Menteri MITI menyebut walaupun 26% eksport barang elektronik dan berkaitan kepada Amerika Syarikat tapi kita boleh alih, kita boleh cepat pindah-pindah. Ini macam hendak jual durian, tidak boleh jual di Pulau Pinang boleh hantar ke Singapura cepat. Barang elektronik ini hanya dibeli oleh negara yang ada kekuatan industri dan ekonomi. Keupayaan pengguna di Amerika Syarikat memerlukan 26% dalam masa lima, enam bulan mustahil boleh kita alihkan ke negara lain. Lebih baik Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan UMNO Barisan Nasional ini berupaya untuk mengalih dan mendapatkan pasaran baru dalam masa singkat. Kesatuan Eropah akan mengimport jumlah yang lebih kecil. Selain dari Amerika Syarikat yang mengimport hasil elektronik, keseluruhan import dari negara kita ke Amerika, 13% dan ke Singapura, 13.2%. Singapura, sepertimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, sudah mengalami kemelesetan.

Keempat, tekanan aliran wang keluar meningkat dan kebetulan meningkat mendadak setelah belanjawan yang lalu. Selalunya belanjawan itu beri keyakinan baru tetapi belanjawan diikuti dengan krisis kewangan dahsyat telah menyebabkan pengaliran wang keluar. Setengah tahun pertama 2008 ini, RM125 bilion keluar. Dua minggu akhir bulan Ogos sahaja, dalam dua minggu, RM4 bilion keluar. Apa jawapan kerajaan, "*Kita masih berupaya menarik pelaburan asing*". Keluar RM125 bilion, masuk yang diumumkan, belum lagi yang memulakan projek RM31 bilion. Saya tidak tahu matematik apa yang mereka pelajari tetapi perkiraan ini tentu akan menjejaskan negara.

Tahun 2007 sahaja mengikut kajian yang *third* kita di tempat yang cukup rendah. Dulu tahun 90-an di tahap di mana ekonomi Malaysia itu relatif baik walaupun ada kelemahan-kelemahan di sana sini, kita masih di tangga iaitu tahap empat, enam di kalangan negara-negara yang mampu menarik pelabur asing.

■1200

Sekarang kita di tangga ke-71 dan ini tidak dilaporkan oleh akhbar *Utusan Malaysia...* [Tepuk] Berikutnya, selain daripada perusahaan pelaburan yang sudah mengecut dan bila pelaburan mengecut, pertumbuhan ekonomi pastinya mengecut. Berikutnya ialah soal perbelanjaan negara. Tahun 2009, bekas Menteri Kewangan mengumumkan perbelanjaan RM204.7 bilion iaitu tambahan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, dari mana akan kita peroleh RM204 bilion ini? Satu setengah bulan yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan asasnya. Satu setengah bulan kemudian, asasnya itu tidak boleh diterima pakai lagi.

Jadi yang kita hendak minta bahaskan ini apa? Jumlah di atas angin atau yang disebut oleh pemimpin-pemimpin UMNO biasanya yang menuduh saya igauan siang atau mimpi di siang hari, sekarang ini fakta menunjukkan mereka bukan sahaja mengigau dan bermimpi tetapi nampaknya tertidur di siang hari... [Tepuk] Unjuran defisit tahun 2008 mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah, Menteri Kewangan pada ketika itu ialah 4.8% daripada

Keluaran Negara Kasar. 4.8% maknanya defisit di sekitar RM34.5 bilion. Defisit ini akan membengkak. 4.8% adalah dengan andaian yang berlaku satu setengah bulan yang lalu. Defisit ini tidak boleh diterima lagi kerana akan bertambah jauh lebih tinggi dari 4.8%.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu bahawa kalau defisit itu terlalu membengkak melebihi paras yang dianggap *sustainable*, yang mampan, ia akan mengakibatkan suatu hilang keyakinan kepada sistem dan keutuhan ekonomi kita. Maka apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu mengumumkan bahawa tahun 2009, Keluaran Negara Kasar, penurunan defisit adalah 3.6%, turun daripada 4.8%. Defisit pada tahun ini adalah 4.8%, defisit pada tahun 2009 - 3.6%, berdasarkan angka yang ada, ini adalah tidak benar. Ini adalah kerana kita tahu dan tidak boleh sesiapa, tidak mungkin pakar ekonomi mana pun yang boleh pertikai bahawa defisit kita akan jauh membengkak berbanding dari tahun ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang, kalau boleh timbalan atau wakil Ahli Yang Berhormat yang setia kepada dia, bagi mesej segera. Apakah wajar kita teruskan perbahasan sekarang? Yang kalau berani kata wajar itu hanya yang 'Pak Turut' yang disebut oleh *Socrates*, yang disebut oleh Julius Caesar dan Brutus tadi, yang sedia jadi hamba tanpa berfikir dengan waras... [*Tepuk*] Dewan yang mulia ini dewan Ahli Yang Berhormat, bukan hamba abdi... [*Ketawa*] Maka kalau kenyataan kita berikan, semua fakta ini apakah munasabah kita diminta terus bahaskan? Saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua berdasarkan krisis yang ada sekarang dan belanjawan ini dijadikan alat mainan dan tidak serius.

Tuan Yang di-Pertua harus membantu memikirkan, apakah langkah yang harus kita lakukan? Apakah mahu kita teruskan dengan ketiadaan Yang Berhormat Menteri Kewangan, dengan ketiadaan angka yang baru hendak bahaskan Belanjawan Negara tahun lalu. Ini kita hendak bincangkan sejarah atau hendak bincangkan ekonomi negara? Kalau bincangkan sejarah, kita berpegang dokumen belanjawan satu setengah bulan yang lalu. Kalau tidak, kita harus menunggu jawapan kerana bagaimana kita harus maju begini dengan angka yang ada sekarang ini? Jadi saya pohon nasihat Tuan Yang di-Pertua... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Teruskan? Tuan Yang di-Pertua memberikan nasihat untuk teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Jadi sebelum Yang Berhormat bercakap, saya cakap dahulu ya?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat duduk dahulu ya. Biasanya kita memberi hormat kepada Ketua Pembangkang untuk membuat ucapan. Kita melihat aliran pemikiran dari seseorang itu. Kita

hendak dengar keseluruhannya. Jadi kalau banyak sangat dia buat jadi *debate* macam itu, jadi kadang-kadang bukan sahaja memanjangkan masa tetapi juga menghakiskan peluang Yang Berhormat selepas itu untuk berucap nanti. Masa kita tidak panjang sangat. Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh hendak bagi dengan Yang Berhormat mana?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sekadar berkongsi dan membantu Yang Berhormat menyebut tentang, adakah bajet ini sudah ketinggalan zaman ataupun berdasarkan kepada fakta-fakta baru yang perlu kita lihat semula? Yang Berhormat Ketua Pembangkang mungkin telah membaca sebuah buku yang bertajuk, "*An Enemy Called Average*" oleh John L. Mason. Saya...

Seorang Ahli: Yang Berhormat, sudah lama.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak mengapalah sudah lama pun tetapi sindrom *average* ini adalah sindrom yang tidak mahu lagi melihat dan berfikir secara proaktif. Melihat kepada penurunan harga minyak di pasaran, aliran keluar yang bernilai berbilion-bilion ringgit dan seumpamanya. Jadi dengan berwajahkan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru, kita mengharapkan supaya ada suatu anjakan paradigma di dalam memikirkan tentang kepentingan negara dan rakyat. Kita berbahas di sini bukan untuk kepentingan satu parti. Belanjawan adalah untuk negara dan rakyat.

Jadi saya berfikir dan mencadangkan supaya apakah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya apa yang ada pada hari ini tidak harus terikat dengan sindrom *average* ini. Kita harus melihat tentang dinamik ekonomi, dinamik dunia kewangan yang ada pada hari ini di peringkat global supaya kita dapat membahaskan suatu belanjawan yang lebih bertanggungjawab untuk kepentingan negara dan rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Ini bukan soal *average* sahaja. Ini soal jumud, soal *mediocrity* dan lebih daripada itu soal *responsibility*. Ini dia Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam keadaan krisis, tidak mahu dengar, tidak mahu bicara dan tidak mahu terima kenyataan bahawa fakta sudah berubah dan minta kita terus bahas. Setakat dia saya faham, yang pengikut-pengikut dia ini, apa hal?... [*Ketawa*] Bukan setakat dalam UMNO sahaja, yang MCA, MIC, Gerakan ini apa dia? Soal hendak pertahankan apa dia? Saya bagi bukan sentimen politik, saya bagikan angka, unjuran

harga minyak, harga kelapa sawit, harga minyak mentah, unjuran defisit, hendak pertahankan apa ini?... [Disampuk]

Seorang Ahli: Bagi cadangan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, saya cadangkan. Saya sudah cadang. Saya cadangkan kita kena tengok angka terbaru, baru boleh kita buat perbincangan belanjawan. Belanjawan ini adalah *realistic proposition* tentang kekuatan ekonomi perbelanjaan tahun berikutnya. Itu maksudnya belanjawan. Sekarang ini, saya sudah tolak bahawa *proposition* itu tidak realistik. Bukan sahaja *average* Yang Berhormat Kubang Kerian. Ini memang sudah keluar dari pertimbangan. Akan tetapi oleh sebab saya ini patuh kepada Tuan Yang di-Pertua, saya sambung... [Ketawa] Baik, dalam keadaan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bahaskan soal ekonomi.

Dalam keadaan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bicara soal krisis kewangan yang akan melanda di dalam negara kita. Apakah fokus dan keutamaan Menteri Kewangan sekarang?... [Disampuk] Jawapan saya pertama, Menteri Kewangan lebih fokus kepada projek mega menelan belanja berbilion-bilion ringgit tanpa proses tender terbuka. Pada 16 September tahun ini... [Disampuk] Ya, kalau hendak bangun boleh. Kalau berani bangun, jangan jerit macam tukang jerit lain.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun] [Tepuk]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, sila.

■1210

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih. Itu yang saya hairan bila Yang Berhormat Permatang Pauh kata bahawa bajet ini adalah jumud dan membangkitkan perkara-perkara yang dulu pun pernah juga berlaku. Oleh sebab itu saya ingin meminta penjelasan yang disebut, siapakah yang begitu lemah sehingga sanggup menjadi hamba? Ini saya rasa sebenarnya adalah satu kenyataan yang membuktikan bahawa sebenarnya tidak sesiapa yang hendak menjadi hamba.

Oleh sebab itulah kita hendak membahaskan bajet ini dan tidak timbul soal fakta-fakta lama. Saya fikir yang lebih penting ialah berikanlah cadangan-cadangan, kalau ingin memberi perkara baru di dalam perbincangan mengenai bajet dan bajet ini sebenarnya adalah bajet keprihatinan rakyat. Itu yang menjadi keutamaan. Kalau hendak sebut tentang soal kroni, rasuah dan rakan-rakan - dulu saya tengok ada satu kompeni bernama ABRAR yang orang sebut maksudnya Anwar Ibrahim dan rakan-rakan. Terima kasih.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: [Bangun meninggalkan Dewan]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, Yang Berhormat. Mudah-mudahan bila menteri-menteri kanan termasuk Menteri Dalam Negeri tersingkir dari Kabinet baru,

Yang Berhormat Batu Pahat ada peluanglah. Itulah dia!... *[Disorak] [Ketawa]* Maaf, Yang Berhormat Menteri. Janganlah keluar awal sangat, Yang Berhormat...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Duduklah dulu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Batu Pahat nampak terdesak untuk mempertahankan. Jawablah secara fakta. Kalau dikatakan belanjawan yang dicadangkan itu memberikan jaminan dan keselesaan kepada rakyat, sumbernya dari mana? Sumbernya, sebanyak 44% adalah dari minyak dan gas yang harganya USD125 setong sekarang ini USD77. Oleh sebab itulah saya katakan buat perkiraan baru. Yang Berhormat Batu Pahat ini belajar apa di universiti dulu? Ini satu contoh, yang hendak marah itu sebab apa?

Saya minta buat, kalau ditanya apa cadangan saya, saya katakan cadangan pertama ialah buat unjuran berdasarkan harga semasa! Itu pun tidak faham! Buat unjuran berdasarkan harga semasa atau harga yang realistik. Itu *basic rule in any budget submission*, dan ini diketepikan sekarang. Oh, beratnya kalau ahli UMNO hendak bincang perkara ini! Soal ABRAR dibangkitkan, saya tidak ada masalah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat. Kalau bertanya kena tunggu jawapannya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Soal ABRAR, saya belum habis jawab. Soal ABRAR boleh bawa. Siapa meluluskannya? Tanya Menteri Kewangan Kedua dan Unit Perancang Ekonomi mengenai prosesnya, ia tidak melalui Kementerian Kewangan. Tanyalah Menteri Kewangan Kedua dan tanyalah Unit Perancang Ekonomi. Sepuluh tahun saudara serang saya, saya dalam penjara dan berada di luar. Sekarang saya dalam Dewan, *you* serang biar saya jawab.... *[Disorak]*

Dulu memang ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan majlis ini sebagai bacul, menyerang semasa saya tiada. Sekarang, bangkit dan saya jawab mudah. Ada sahaja penyelewengan sama ada di zaman Anwar atau Mahathir atau siapa sahaja ada penyelewengan. Buat kajian terbuka dan hukum yang menyeleweng. Jangan bersandiwara, sembunyi di sebalik tabir kekuatan... *[Tepuk]*

Jadi, itu yang saya hendak sebutkan di sini. Walau bagaimanapun ABRAR pun sudah bankrap sekarang ini. Namun tanya Menteri Kewangan Kedua, ini kekuatan Ahli-ahli UMNO. Menteri Kewangan Kedua itu terlibat, pengerusi syarikat-syarikat yang berkaitan dengan 'ABRAR' dan MunLoong. Tanya dia, kalau berani. Kalau tidak berani menyorok di balik tabir.

Saya hendak sambung, Tuan Yang di-Pertua. Saya kesal dan dukacita. Bila Menteri Kewangan tahu beliau akan diangkat menjadi Menteri Kewangan, berebut betul-betul, segera, sebagai pengerusi jawatankuasa - 16 September Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi atau *High Speed Broadband* yang bernilai RM11.31 bilion diluluskan oleh kerajaan tanpa proses tender terbuka! Yang hendak berebut sangat itu apa dia? Tidak bolehkah tunggu sehingga dua

minggu? Ini kerana kalau dalam masa dua minggu dijamin sekurang-kurangnya boleh menyelamatkan negara ini sebanyak RM2.4 bilion. Tidak sabar hendak tunggu dua minggu kerana hendak *sign* juga. Menteri Kewangan ini *super efficient* bila meluluskan projek tetapi *very inefficient* bila hendak buat bajet baru dan penilaian baru.

Inilah yang menjadi masalah kepada kita. Penjelasan yang diberikan tidak munasabah sama sekali kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet untuk jalur lebar, sehari sebelum dilantik secara rasmi sebagai Menteri Kewangan telah meluluskan dengan begitu segera dan begitu cepat, harga yang umum menganggapnya terlalu tinggi. Salah siapa? Dalam keadaan ekonomi di mana orang hendak makan pun susah, dan beli barang pun susah, kita senang-senang ambil buat projek, hendak selamatkan RM2 bilion duit rakyat itu cukup susah.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat terima kerana setelah tsunami politik 8 Mac dan keputusan Pilihan Raya Permatang Pauh, sekurang-kurangnya ada sedikit tawaduk atau *humility*, di kalangan kepimpinan. Istighfarlah kepada Allah SWT dan mudah-mudahan bawalah perubahan kecil pun tidak mengapa. Dengarlah sikit, janganlah hina. Saya bukan hendak tunjuk simpati kepada ahli-ahli komponen Barisan Nasional yang lain tetapi kenyataan-kenyataan mereka daripada Sabah, Sarawak, MCA, MIC dan Gerakan macam tidak harga langsung. Kadang-kadang saya kasihan melihat orang MCA macam melukut di tepi gantang, hendak mengemis juga. Saya tidak faham ia untuk apa lagi, termasuklah sahabat saya dari Pensiangan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, satu lagi pembelian yang mengejutkan, yang merupakan skandal besar, segera diterima dan diluluskan oleh Menteri Kewangan yang baru sebab itulah tidak sempat hendak kaji angka dan data belanjawan negara kerana sibuk meluluskan projek besar. Ya, Kinabatangan? 30 September yang lalu, Maybank telah membeli 56% saham Bank Internasional Indonesia daripada Sorak Financial Holdings yang dipunyai Kookmin Bank dari Korea dan Fullerton Financial Holdings sebuah subsidiari Temasek Holdings.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian tersebut di antara yang paling tinggi kerana *book value* nya dengan izin 4.2% daripada nilai yang sebenar. Kos pembelian adalah RM4.26 bilion. Saya minta Yang Berhormat Batu Pahat dengar baik-baik dan jawab berdasarkan fakta. Saya berikan fakta ini. Pada tahun 2000, Temasek Holdings membeli Dao Heng Bank dari Guoco, tiga kali ganda dari *book value*. Pada tahun 2000 keadaan ekonomi baik. Dalam keadaan ekonomi yang baik, Yang Berhormat Putrajaya bersetuju dengan saya nampaknya - ia tiga kali ganda. Sekarang ini dalam keadaan ekonomi merosot Maybank beli lima kali ganda *book value*. Ini pertimbangan ekonomi apa negara kita ini? Seluruh kewangan dan institusi bank dan perdagangan itu jatuh merudum dan kita memilih untuk membuang dan membazir wang negara. Soalnya, tentu ada udang di sebalik batu.

Sewajarnya ia lebih rendah. Sekarang ini andaiannya sesudah dibaca semua kajian ekonomi mengenai pembelian tersebut tidak ada satu pun penganalisis termasuk di Jakarta yang

menganggap pembelian itu pembelian yang munasabah. Mereka menganggap sekurang-kurangnya RM1 hingga RM2 bilion hangus. Hangus ke mana? Ke kantung siapa? Itu soalnya.

Pada Oktober 2007, Tun Daim Zainuddin menjual sebanyak 11% Bank Internasional Indonesia kepada Temasek.

■ 1220

Ini bermakna nilai BII Oktober 2007 sekitar RM4.7 bilion - Oktober 2007 sebelum krisis ekonomi melanda, dahsyat, sub prima mula memberikan bayangan. Sekarang September 2008 dalam keadaan ekonomi yang lebih parah, harga yang dulunya 4.7 bilion, kalau kita beli, kita tengok setengah bilion ringgit 11%, nilai Bank Internasional Indonesia lebih kurang 4.7 bilion ringgit. Maybank beli dengan nilai lebih kurang 8 bilion ringgit.

Tidak ada pakar atau penganalisis menganggap ini satu pembelian yang munasabah. Banding ini dengan keputusan Menteri Kewangan sebelum ini tatkala menjadi Menteri Pertahanan, jual Affin Bank yang dipunyai oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera, 20% kepada David Lee Bank of East Asia, dengan *book value* sekitar dua kali dalam keadaan ekonomi kukuh, dalam keadaan kepentingan bumiputera yang dijaja begitu rupa, dijual dengan mudah dengan harga yang relatif murah.

Dalam keadaan ekonomi meleset, dijual kepentingan kita dengan harga yang lebih tinggi. Jadi hak kita, kita jual dengan murah, hak orang kita beli dengan mahal. Ini kepintaran ekonomi Barisan Nasional. Terima Kasih... [Tepuk] Dan Yang Di-Pertua, kenapa saya tekankan ini ialah kerana dua minggu setelah mengambil alih jawatan Menteri Kewangan, segera diluluskan beri tempoh melengah-lengahkan lagi. *Very efficient* bila datang soal meluluskan kepentingan yang akan mengaut keuntungan berbilion ringgit. Saya ingin tanya, seperti mana kes pertama, *high speed broadband* dan kes kedua, Maybank, siapa memininya, siapa ejennya yang menyebabkan Menteri Kewangan terdesak menyegerakan kelulusan dan di mana wang yang dikatakan hangus kepunyaan bumiputera itu... [Tepuk] Saya nak sambung Yang di-Pertua, dengan suatu pendedahan baru yang lebih mengejutkan iaitu keputusan Menteri Kewangan membeli 12 buah unit helikopter baru kepada angkatan tentera menggantikan pesawat Nuri, berdasarkan surat Ketua UMNO bahagian PJ Selatan, Kapt. Zahar dan surat ini memang kita terima dari pos, entah dari mana, dan saya terpaksa minta pengesahan sama ada surat ini benar, saya tidak mahu gunakan Dewan yang mulia ini mengedarkan surat layang.

Hanya setelah saya dapat sahkan bahawa surat ini tepat dari Mentari Services, ditandatangani oleh pengkerusinya, Kapten (B) Datuk Zahar Hashim merangkap Ketua UMNO Bahagian, menulis kepada Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri, membuat tuduhan yang cukup membimbangkan, proses penilaian belum selesai tetapi dengan secara tiba-tiba arahan diberi kepada pihak tertentu supaya, LOI atau *Letter of Intent*, dikeluarkan kepada Eurocopter.

LOI ditandatangani oleh seorang pegawai paras menengah di Kementerian Pertahanan bertarikh 15 September, dua hari sebelum Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib berpindah daripada Kementerian Pertahanan ke Kementerian Kewangan. Apa yang luar biasa, keputusan secara tergesa-gesa oleh Menteri Kewangan dan dari syarikat Mentari bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tahu atau tidak, kerana dokumen kontrak disediakan segera dan kerajaan ingin menandatangani dalam kadar terdekat. 4 syarikat pembekal Eurocopter menawarkan helikopter yang memenuhi sepenuhnya atau hampir sepenuhnya spesifikasi ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan, harga yang ditawarkan melalui tender oleh Eurocopter bagi 12 unit helikopter model Cougar EC725 adalah euro 463.44 juta atau 2.317 bilion ringgit, bilion lagi, komisen setengah bilion lagi.

Sampai bila negara ini hendak dibiarkan punah ranah kerana kita sanggup membiarkan diri kita menjadi hamba abdi kerana tidak berani menyuarakan, membetulkan keadaan. Ini harga yang paling tinggi, harga yang ditawarkan oleh Kelowna Flightcraft Ltd. pula untuk 12 unit helikopter model Kazan Mi-172KF buatan Rusia adalah USD427.2 atau 1.452 bilion ringgit iaitu harga yang paling rendah. Perbezaannya 865 juta ringgit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Biasanya kita pilih yang lebih mahal kerana komisennya lebih tinggi. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pun ada dapat surat ini, tapi angka ini sudah dipinda, sebenarnya harga untuk Kelowna Flightcraft Ltd. itu yang surat asal, yang diberikan, yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh USD427 juta ringgit atau 1.452 bilion ringgit adalah silap, angka yang sebenar yang ada dibetulkan oleh Kapten Zahar ialah sebenarnya USD312 juta ringgit atau 1.501 bilion ringgit, perbezaan yang lebih besar daripada angka yang diberikan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, dia nampak cekap bab-bab ni, berbeza Menteri Kewangan cekap lulus kontrak, dia cekap check sama ada kontrak itu betul atau tidak... *[Tepuk]* Saya ucap tahniah.

Sebenarnya memang saya diberi makluman tapi oleh kerana bila saya dapat pengesahan hanya berdasarkan surat ini maka saya tidak bersedia memberikan pindaan yang disebut walaupun asasnya ada, maknanya perbezaan hampir RM1 bilion. Dan yang anehnya, apakah wakil dari Eurocopter atau Augusta Westland dipanggil oleh pasukan penilai untuk berbincang dengan tawaran, mengenai tawaran tersebut, tetapi pembuat Kelowna Flightcraft Ltd. dan Sikorsky pembuat helikopter Nuri tidak dihubungi sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya, apakah negara kita boleh terus menelan dan menerima kecurangan-kecurangan sedemikian, yang cukup mengaibkan. Sebelum ini seperti mana kita tahu, pembelian Scorpene sampai sekarang belum selesai, pembelian dua kapal selam dari Perancis sampai sekarang menjadi satu masalah kerana berkaitan dan terus dibangkitkan kerana

ada kaitan dengan kes pembunuhan wanita Mongolia dan ada kaitan dengan pembelian dua kapal selam tersebut. Kes pembelian Sukhoi *jets* dari Rusia belum selesai. Memang kita tidak berupaya dalam sistem sekarang, mengharapkan suatu penyiasatan yang telus dan bebas, tetapi yang amat dikesalkan ialah setelah ini semua berlaku, ditelan bulat dan diminta rakyat menerima tanpa soal, seperti mana Ahli Yang Berhormat Puteri UMNO telan tanpa soal, diminta rakyat juga telan tanpa soal.

■ 1230

Akan tetapi soalnya sekarang, bertambah lagi. Hari ini sahaja saya mengemukakan tiga kes besar yang menelan belanja puluhan bilion ringgit di mana tidak ada ketelusan sama sekali. Tidak ada tender terbuka, tidak ada penilaian yang dapat dipertahankan dan mungkin Menteri Kewangan akan memaksa satu dua orang pegawai kerajaan membuat kenyataan mempertahankan tetapi ini bukan jalan keluarnya. Kita tidak boleh bebaskan soal-soal ini kepada pegawai-pegawai kerajaan. Jikalau pimpinan membuat keputusan, dengan membebaskan kepada pegawai, untuk memberikan penjelasan, saya fikir tidak munasabah sama sekali. Tuan Yang di-Pertua, jika Menteri Kewangan sibuk dengan urusan-urusan sedemikian, saya tidak yakin beliau mampu mengemukakan satu agenda perubahan ekonomi untuk menyelamatkan ekonomi negara. Kita hanya mampu melakukan sedemikian andainya kita dapat memberikan saranan-saranan yang munasabah.

Jadi sekali lagi saya menekankan kepada Tuan Yang di-Pertua, betapa sukarnya kita membahaskan belanjawan ini. Kita ada persediaan cukup dengan data dan angka tetapi semua data dan angka yang diberikan dalam kertas belanjawan. Kalaupun saya gagal menyeru Menteri Kewangan membuat demikian, saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan dari Barisan Nasional yang tidak semuanya akan kekal di sebelah sana, untuk memberi, meminta mengadakan suatu inisiatif meminta Menteri Kewangan berbuat sesuatu, memberikan cadangan sekurang-kurangnya cadangan belanjawan pindaan kalau tidak pun belanjawan baru. Kalau tidak, secara jujur sudah tidak boleh dibahaskan. Ambil sahaja peruntukan setiap kementerian, peruntukan setiap negeri.

Janji kepada Sabah dan Sarawak, janji subsidi kepada nelayan dan petani Orang Asli, mustahil ini boleh dibahaskan dengan jujur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa angka-angka ini diubah dan disesuaikan semula. Biasanya dalam tempoh sebulan Tuan Yang di-Pertua, ada angka yang lari sedikit dan ini bisa dimengerti. Saya ada pengalaman sedikit dalam hal ini, kadang-kadang harga minyak dia lari satu *dollar*, setengah *dollar* tetapi kalau harga minyak lari dari 125 unjuran ke-77 ia tidak boleh dipertahankan lagi. Jadi sekarang ini saya tekankan untuk menyelamatkan ekonomi negara kita untuk tidak mempermainkan hak-hak Ahli Yang Berhormat.

Janganlah satu dua orang pemimpin kanan UMNO merasakan mereka kebal dari segala-galanya sehingga boleh menjadikan dasar ekonomi dan belanjawan ini suatu mainan dan minta kita bahas tanpa asas yang cukup. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang

di-Pertua telah berikan keputusan dengan sabar dan juga sabar dengan saya untuk saya teruskan dan oleh yang demikian saya tidak ada pilihan tetapi untuk teruskan. Boleh Tuan Yang di-Pertua minta kami teruskan dalam keadaan gawat sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada konvensyen dalam amalan demokrasi berparlimen bermodalkan Westminster Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh menarikan balik agenda kerajaan dengan begitu sahaja Yang Berhormat. Jadi berlandaskan amalan inilah saya minta Yang Berhormat teruskan. Kalau ada alternatif bajet yang perlu dibentangkan, sila bantangkan Yang Berhormat sebagai alternatif yang berkaitan... [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya terharu kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi keyakinan yang baik dan minta kita... insya-Allah, pada masa yang singkat, bila kita bersedia kita akan bantangkan belanjawan yang baru Yang Berhormat tetapi soalnya sekarang ini saya bukan minta keputusan Yang Berhormat untuk menangguhkan sidang atau minta supaya perbahasan ini dihentikan. Saya hanya minta budi bicara dan pertimbangan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan kerana ini sudah ke tahap krisis besar negara dan walaupun dari segi prosedur Westminster itu betul, tetapi dari segi substantif ia salah. Tidak pernah berlaku dalam *tradition* Westminster di mana semua angka itu terbalik, dia minta kita bahaskan. Oleh sebab itu di antara prosedur dan substantif yang kita bahaskan. Walaupun saya hormat pandangan Timbalan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Yang Berhormat Permatang Pauh. Bukankah sebenarnya ada sekurang-kurangnya ada tiga sebab kenapa perlu satu kajian dibuat khasnya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru sama ada patut kita teruskan perbahasan ini, tidak ada contoh dalam apa-apa tradisi Westminster di mana ada bajet dikemukakan pada satu hari iaitu pada 29 Ogos dan Parlimen ditangguhkan untuk enam minggu. Selepas itu baru memulakan perbahasan, yang pertama. Yang kedua, saya percaya tidak ada contoh tradisi Westminster yang lain di mana bajet dikemukakan oleh seorang Menteri Kewangan kemudian apabila mula perbahasan sudah tukar Menteri Kewangan... [Tepuk]

Dan ketiga, di mana dalam enam bulan semua angka-angka sudah ditunjuk tidak benar oleh kerana krisis kewangan dunia dan sebab itu Yang Berhormat Permatang Pauh ada sebut adakah kita membahaskan sejarah atau kita membahaskan bajet ini? Adakah Yang Berhormat yang pergi ke Taiwan dapat contoh di sana di mana kita membahaskan sejarah dalam Parlimen Taiwan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... Dan kita tahu bahawa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa dalam bidang ini, tetapi sekurang-kurangnya ambil kira perkembangan ini supaya kita meminta bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh kaji perkara ini oleh kerana kalau tidak datang ke Dewan ini dengan satu bajet yang baru atau disemakkan, ini menunjukkan beliau sudah gagal dalam satu ujian pertama dalam Parlimen Menteri Kewangan yang baru.

Dia sudah *fail as a Finance Minister* dan untuk kewibawaan Parlimen, kita perlulah tangguh sekejap supaya memberi masa untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan menjadi Perdana Menteri lima bulan sahaja akan menjadi menteri, *Prime Minister in waiting*. Kita mahu satu *Prime Minister in waiting* ada kredibiliti, kewibawaan dalam perkara kewangan, krisis. Bolehkah kita tangguh sekejap supaya perkara yang penting ini, seluruh negara tunggu, *revised* bajet bagaimana kerajaan..., yang baru untuk menghadapi krisis dunia. Kalau tidak, kita menjadi benda ketawa, *laughing stock, Parliament debating history. What kind of Parliament is this?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Political* Tsunami 8 Mac bukan untuk Parlimen berbahas *history*...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu cerita lamalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah kita pertimbangkan perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Soalan yang dibangkitkan itu tepat. Ini bukan soal perbezaan politik, ini soal arah ekonomi negara kita. Saya ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, kita boleh berbeza pendapat dalam soal dasar yang lain, tetapi dalam hal Parlimen, kita tidak boleh berbeza pendapat hal ini, tidak pernah berlaku dalam sejarah negara demokratik di mana belanjawan itu kita dipaksa bahaskan dengan semua angka yang lari daripada asas. Jadi oleh yang demikian, saya tidak ada pilihan Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk memilih untuk merayu kepada rakan-rakan kita, pendirian daripada Pakatan Rakyat jelas, ini bukan soal perbezaan politik, bukan maknanya kita mengatakan kita mahu menolak belanjawan yang akan dibentangkan. Kita hanya hendak beri kesempatan lihat angka dan angka yang saya tahu dalam pengalaman saya, rakan-rakan dari Perbendaharaan, Bank Negara dan Unit Perancang Ekonomi mereka bersedia, cuma buat ubahsuai unjurannya dan terima bahawa dalam keadaan krisis, dalam keadaan ekonomi mengecut, defisit membengkak, pendekatan berbeza daripada keadaan yang biasa atau konvensional.

■1240

Pendekatan kita mesti pendekatan yang lebih memaksa kita berbuat sesuatu yang baru. Jadi saya tidak tahu kalau boleh rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang boleh membantu memberikan cadangan apa yang harus kita lakukan. Apakah patut kita diam sahaja macam Brutus sebut tadi ataupun harus bangkit.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Mohon laluan sedikit.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya cuba memahami kaitan pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh bila menyebut bahawa selepas satu setengah bulan berlalu data-data yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan saat membentangkan belanjawan sudah jauh lari. Apakah yang dimaksudkan ialah misalnya pada muka surat 32 saya teliti ucapan Menteri Kewangan waktu itu, setelah mengambil kira hasil sebanyak RM161.6 bilion. Ini anggaran hasil negara. Waktu itu anggarannya berasaskan kepada harga minyak USD135.

Ini penting sebab dalam bajet ini dianggarkan bahawa pendapatan negara kita 22% datang daripada hasil minyak. 22% menyumbang kepada pendapatan negara dan waktu kita buat bajet itu RM161 bilion anggarannya. Hari ini minyak sudah tinggal USD70 satu tong. Maknanya jauh lebih separuh turunnya. Sudah tentu anggaran hasil juga akan merosot teruk dan kalaulah perbelanjaan persekutuan itu meningkat kekal RM197 bilion, maknanya defisit fiskal kita akan jauh lebih tinggi daripada anggaran 4.8%. Angka ini akan menjadi *double digit*. Itu maksudnya Yang Berhormat Permatang Pauh sebut bahawa data itu sudah ketinggalan dan mohon agar Ahli-ahli Parlimen UMNO kita khususnya Yang Berhormat Batu Pahat buka mata luas-luas... [Tepuk]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan pandangan daripada Yang Berhormat Machang. Memang itu salah satu daripada lima alasan yang saya berikan mengapa belanjawan ini tidak boleh diteruskan perbahasannya iaitu harga minyak. Walaupun harga minyak mungkin masa itu USD135 tapi unjuran yang dibuat ialah USD125. Sekarang ini USD77 dan ke bawah. Maknanya pendapatan kita akan jauh lebih rendah. Kelapa sawit turun, getah turun, eksport tak dapat dijamin, pengeluaran daripada elektronik seperti mana yang kita tahu di Pulau Pinang sekarang dia ikut *shift*. Dia tidak sepenuhnya lagi. Ada lima kilang elektronik penting di Pulau Pinang yang mengeluarkan setengah daripada kapasiti biasa.

Oleh yang demikian tidak boleh kita teruskan dan seperti mana Yang Berhormat Machang kaitkan itu dari sudut pendapatan negara. Saya sebut dari segi unjuran pertumbuhan pun tidak betul, defisit pun tidak betul. Jadi saya tidak tahu mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tidak boleh bangun dan segera menyeberang ke sebelah sini supaya kita buat belanjawan baru... [Tepuk]

Beberapa Ahli: Boo!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tak, tak. Tak payah boo. Tak payah boo. Saudara dipilih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, dipilih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduklah Yang Berhormat. Tunggulah. Yang Berhormat Permatang Pauh belum habis satu baris perkataan pun belum habis. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dipilih untuk menjadi Ahli Parlimen mewakili kepentingan rakyat, membela nasib rakyat, membahaskan belanjawan negara. Ini salah satu tugas penting Ahli Parlimen. Sekarang saya sebut belanjawan ini tidak boleh dibahaskan kerana semua angka itu lari daripada keadaan sebenarnya.

Kalau lari satu, dua dolar tak apa Tuan Yang di-Pertua. Saya pun boleh terima seperti mana juga kesabaran Tuan Yang di-Pertua tapi kerana larinya jauh. Kita hendak bahaskan sejarah belanjawan Malaysia. Kalau itu judul baru kita bolehlah sabar dan terus bahas iaitu Menteri Kewangan mencadangkan supaya kita bahaskan sejarah belanjawan lalu, itu boleh. Kalau hendak bahas belanjawan 2009, saya hendak tanya pendapat kalau tak boleh menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil daripada Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi mereka pasti setuju dengan saya dan mesti ada *revision*, mesti ada *revision* dan tidak ada pilihan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak merujuk kepada satu angka yang dikeluarkan baru-baru ini pada 11 September 2008 iaitu berkenaan dengan penyata aset dan liabiliti Bank Negara Malaysia. Menurut laporan ini, jumlah rizab SDR pertukaran asing dan emas yang menjadi simpanan, angka dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah sebanyak RM403 bilion lebih. Hampir RM404 bilion dan jumlah ini adalah hampir 91% daripada jumlah keseluruhan aset dan imbangannya dibandingkan dengan liabiliti yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Oleh kerana jumlah RM403 bilion ini adalah dilandaskan kepada jumlah nilai mata wang Amerika Syarikat USD iaitu USD123689 juta yang mempunyai nilai kandung persamaannya pada tarikh 15 Ogos 2008 iaitu semasa perniagaan ditutup pada hari Jumaat, 15 Ogos 2008. Adakah landasan ini juga boleh diterima pakai? Kenapa kita perlu mengadakan *revision* dengan izin ataupun pindaan semula kepada kadar pembentangan nilai cadangan belanjawan negara kita apabila kadar pertukaran telah jatuh sebanyak 3.8% secara perbandingan atau relatif.

Sekiranya perkara ini boleh diterima pakai, memang teramat wajar untuk kita menyelaras dan membentangkan semula belanjawan yang dicadangkan pada 29 Ogos kerana *fluctuation* ataupun turun naik dengan izin sebanyak 3.8% ini menyebabkan terhakisnya jumlah peruntukan sebanyak sekurang-kurangnya 30% daripada nilai muka sebagaimana yang dibentangkan pada hari tersebut. Saya mohon Yang Berhormat Permatang Pauh untuk memberi pandangan terhadap perkara ini. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota kerana keterangan dan data tambahan berkaitan dengan kekuatan nilai kewangan dan ringgit kita tetapi seperti mana yang saya sebut berdasarkan keterangan kita tentang minyak dan gas, minyak kelapa sawit, tekanan aliran wang keluar RM125 bilion dan pelaburan asing yang berkurangan, unjuran defisit, itu sudah cukup untuk menyatakan bahawa tidak boleh kita teruskan dengan perbincangan belanjawan cara baik.

Dalam keadaan biasanya yang saya tahu pengalaman paling kurang Menteri Kewangan itu patut buat beberapa pindaan supaya perkiraan itu dibuat semula. Kalau beliau tak upaya, pegawai-pegawai kita memang mampu melakukan itu supaya bila dibuat begitu kita berbahas dalam keadaan yang berbeza cuma saya tidak menjangka ini sebagai satu penyelesaian yang baik. Penyelesaian yang baik ialah kita menghadapi krisis ini dengan berani.

Perdana Menteri pagi tadi membuat kenyataan baru tidak seperti Singapura, Malaysia tidak akan menghadapi kemelesetan ekonomi. Ini kenyataan longgar biasa. Kalau pun tidak mahu berbahas, saya tidak mahu berbalah dengan Perdana Menteri dalam kes ini. Saya pun simpati dengan keadaan dia pada masa sekarang tetapi memadai untuk mengatakan tidak ada kemelesetan tidak apa tapi krisis melanda itu berat dan krisis itu bukan dibahaskan di sini. Krisis itu mengancam, mempersulit kehidupan rakyat. Ini isunya. Seperti yang saya sebut tadi pendapatan berkurang, harga barang meningkat, pengangguran bertambah, pengeluaran dan hasil negara terencat.

■1250

Ini yang menjadi permasalahannya. Sebab itu dalam perbincangan kita dalam belanjawan ini, kita tidak dapat lari dalam menghadapi masalah ini. Kalau saya diizinkan, Tuan Yang di-Pertua kerana...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan Yang Berhormat daripada Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada membuat satu cadangan yang sangat mustahak, oleh kerana bahan senario ekonomi, perlulah satu *revise* Bajet 2009. Akan tetapi, dalam Dewan ini, mana Menteri Kewangan? Mana Menteri Kewangan II, mana Timbalan Menteri Kewangan? Tiada seorang yang layak untuk memberi satu balasan yang menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak hormat Parlimen ini, langsung tidak hormat Tuan Yang di-Pertua yang duduk di atas ini. Yang Berhormat Batu Pahat tidak layak untuk menjawab bagi pihak

kerajaan, belum. Mungkin dalam kabinet yang baru mungkin dia harap boleh naik pangkat menjadi menteri tetapi sekarang mana wakil rasmi kerajaan yang untuk membuat satu balasan.

Bukankah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudah hilang kelayakan, hilang kewibawaan, hilang maruah untuk terus memerintah negara ini. Mana? *Where is the government?* Langsung tiada, inilah satu *condemnation*, satu kerajaan *helpless government*, *helpless administration*. Oleh sebab itu, bolehkah kita ditangguhkan supaya kita boleh dapat balasan daripada wakil kerajaan, bukan wakil *back-bencher* yang pergi Taiwan... [Ketawa] Kita mahu orang yang di sini ada kewibawaan atau autoriti boleh berdiri, jawab kenapa tidak perlu satu *revise* Bajet 2009. Bukan *total silence on the fund bank empty*, seorang pun tiada, satu hantu pun tidak ada... [Ketawa] Ini malu, *the greatest shame of this Parliament, what is happening?*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kutuk kerajaan kutuk belakang lagi tidak ada wibawa. Janji banyak kali hendak tubuh kerajaan baru, tidak pernah tubuh pun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hantu sana tidak guna, kita mahu hantu yang rasmi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tipu rakyat dengan berbagai-bagai dalih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hantu bukan rasmi tidak guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, baik Yang Berhormat. Sudah, sudah, sudahlah Yang Berhormat, bagi peluang dengan Yang Berhormat Permatang Pauhlah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita hendak dengar juga Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Betul, betul, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi saya rasa kalau kita hendak habiskan masa dengan debat ini, saya sudah dengar dah. Buat fakta, sokong Permatang Pauh, lagi seorang bangkit, beri fakta lain, sokong juga. Saya pun banyak benda-benda boleh sokong, jadi habis berapa banyak masa kita hendak debat nanti Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua tetapi ini soal... walaupun banyak saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua tetapi izinkan saya hanya berikan pandangan bahawa Tuan Yang di-Pertua ini soal serius, bukan soal perbezaan parti. Saya tekankan ini sekali lagi sebagai seorang rakyat, saya juga mahu belanjawan ini dibahaskan secara bertanggungjawab. Yang Berhormat, Perdana Menteri kata tidak ada kemelesetan. Saya tidak mahu berbalah tetapi tidak ada siapa waras yang tahu kedudukan ekonomi, yang dapat menangkap...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat Kuala Langat, tunggu, Yang Berhormat Permatang Pauh belum habis lagi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Dapat menyangkal kenyataan bahawa ekonomi negara kita dilanda krisis besar, tempias dari krisis luar dan akibat beberapa masalah yang tidak dapat kita rungkai dalam negara sendiri. Ini termasuk penyelewengan, pembaziran yang saya sebutkan tiga contoh besar puluhan bilion dengan komisen ratusan juta dan biar rakyat merempat dalam keadaan yang ada sekarang. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang kita tidak boleh nafikan, sebab itu apabila Yang Berhormat Ipoh Timur bangkitkan, tengok Parlimen dalam keadaan ekonomi menghadapi krisis tidak seorang. Saya, kalau Yang Berhormat Batu Pahat tahu, lapan tahun Menteri Kewangan saya duduk di situ dengar sepanjang ucapan Ketua Pembangkang. Kalau...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Bila ada ahli pembangkang lain bahas timbalan menteri wajib hadir untuk mendengar sepanjang perbincangan. Yang senior ingat dalam Dewan ini, itu pendirian dalam keadaan tidak *perfect*, Yang Berhormat masa itu pun ada. Itu dalam keadaan saya akui dengan penuh tawaduk kekurangan dan kelemahan yang ada. Akan tetapi, sekurang-kurangnya, hormat pada Dewan yang mulia dan Tuan Yang di-Pertua itu ada. Sekarang ini tidak ada sama sekali kerana apa, *sheer arrogant of power*, kerana tidak ada yang berani bangun tegur, maka semuanya lari dan menyepi hilang entah ke mana. Cuba bayangkan, bahaskan Parlimen di depan pemerhati kita termasuk wakil Permatang Pauh pun ada. Kita bahaskan, tidak ada yang sanggup mendengar, serahkan kepada pegawai-pegawai. Lebih baik angkat pegawai mengisi kerusi-kerusi depan.

Ini diminta pegawai catat tolong jawab, mereka ini duduk tidak ambil tahu dan peduli langsung. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan di sini, ini bukan soal pertikaian politik belah sana belah sini. Ini soal krisis ekonomi negara kita dan saya dukacita, kesal Perdana Menteri sebut dalam beberapa bulan yang akan datang beliau akan menghabiskan masa untuk buat *reform*. Wahai Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri, *reform* pertama betulkan sikap rakan-rakan kamu yang memimpin di Parlimen ini. Dengar tidak mahu, hujah tidak bersedia, fakta tidak sanggup dirubah, sedikit pembetulan tidak sanggup dilakukan. Jadi oleh yang demikian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Langat ya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh, ingin saya rungkaikan setelah saya tekun mendengar hujah-hujah Ketua Pembangkang. Saya ingin mengimbuai kembali pada saat ketika ini tahap pengangguran berada dalam kadar 3.2% tetapi saya cukup khuatir apabila diteruskan bajet yang tidak menentu ini. Saya percaya kadar pengangguran yang akan berlaku dalam negara ini akan

melempi 12% yang saya dikhabarkan banyak kilang akan menutup kilang mereka, pekerja akan dipecat.

Dan ini akan menjurus kepada masalah yang begitu kritikal iaitu masalah sosial penghidupan. Saya memohon bersetuju sangat dengan Ketua Pembangkang, tolonglah pertimbangkan bajet ini dibahaskan kembali dan dipinda untuk sesuai dalam keadaan sekarang kerana saya takut mangsanya ialah pekerja-pekerja yang 11 juta ini yang akan menghadapinya. Itu saya minta pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, apakah ini akan melibatkan kaum pekerja dalam krisis ekonomi sekarang. Ini yang menakutkan saya. Saya mohon supaya Ketua Pembangkang mengambil sikap proaktif tentang kaum pekerja dalam negara 11 juta ini. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Inilah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua suara pemimpin kesatuan sekerja yang sebenar, prihatin tentang masalah pekerja. Akan tetapi kalau hendak dengar Menteri Kewangan, dia prihatin masalah syarikat yang dapat komisen. Ada beza besar di sini. Tidak ada siapa yang percaya bahawa kadar pengangguran di Malaysia ini 3.2%, tidak ada sesiapa yang percaya. Dalam keadaan ekonomi yang merosot, kilang-kilang yang macam saya sebut di Pulau Pinang yang pengeluarannya itu tinggal setengah, pemberhentian pekerja telah bermula, mustahil kita dapat pertahankan kadar pengangguran 3.2% sudah pun meningkat.

Jumlahnya ini tentu akan meningkat bertambah lagi, sebab itu tidak kesemuanya kesalahan itu dibebankan kepada kerajaan. Saya akui tetapi kesalahan besar ialah mereka tidak bersedia menangani masalah itu dengan kadar yang segera dan terus dengan kerja. Ada masalah pengangguran itu menimbulkan kerunsingan dia, tidak. Masalah harga barang meningkat itu menimbulkan merunsingkan dia, tidak. Masalah orang hendak dapatkan nafkah yang halal, yang sedikit untuk tingkatkan supaya dapat di mana keupayaan kita termasuk mengurangkan beban mereka dengan harga minyak, tidak. Oleh yang demikian, kita terpaksa berdepan dengan masalah yang lebih perit dan getir lantaran kecuaiannya pimpinan UMNO dan Barisan Nasional sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana inilah satu keadaan yang *unprecedented* yang sangat mustahak pun bukan satu perkara yang perlu patut dimainkan. Bolehkah Dewan ini menimbang Peruntukan 53(2) mengenai meminda usul di hadapan kita ialah usul *supply bill* supaya ia dibaca bukan hari ini tetapi selepas satu *revise* bajet 2009 dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekarang pun dekat pukul 1.00, mungkinlah ada masa untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan dan penasihat-penasihat beliau untuk menimbang perkara ini supaya menunjukkan dia *on top of the job* mengenai Kementerian Kewangan supaya Parlimen bahas satu bajet yang relevan dan bukan di mana semua angka sudah menjadi *obsolete*.

Oleh kerana mengikut 53(2) apabila satu cadangan dibuat sekarang ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang boleh dipinda dengan masa digantikan. Mungkin ini satu acara baik bukan untuk pihak sini atau pihak sana, untuk ekonomi kita, untuk negara kita supaya Parlimen dihormati sebagai satu institusi di mana kita bahas masalah terkini dan bukan bahas sejarah. Saya harap bahawa dalam *lunch break* Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh berhenti semua kegiatan UMNO, UMNO *election* berhentian ini ketepikan bukan mustahak. Apa mustahak ialah *economic crisis* bukan UMNO *crisis*. UMNO *crisis* yang *the least of all problems* itulah *world crisis economic crisis* sekarang. Timbang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat cuba baca 53(2) itu Yang Berhormat saya hendak dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya 53(3) ialah...[Membaca Peraturan Mesyuarat]

"...Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang kali yang kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat maka suatu usul "laitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perbahasan meliputi asas dan burukbaiknya Rang Undang-undang itu pada amnya.

53(4)...Apabila sesuatu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua, maka boleh dicadangkan pindaan yang mana telah diberi pemberitahuan dengan bersurat sekurang-kurangnya satu hari kepada masalah, "laitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", itu dengan ditinggalkan perkataan "sekarang" dan tambah di hujung masalah itu, "enam bulan dari tarikh hari ini", atau ganti daripada itu boleh dicadangkan suatu pindaan meninggalkan semua perkataan-perkataan selepas perkataan "laitu" ..." dan seterusnya.

Sungguhpun adalah dikehendaki notis satu hari tetapi kalau ini diterima oleh kerajaan menjadi satu urusan rasmi, kita tidak perlulah satu hari notis dan boleh serta-merta dikemukakan. Inilah untuk kebaikan negara, untuk meninggikan maruah Parlimen. Saya harap semua *Backbencher*, semua Barisan Nasional pun boleh bersetuju menunjukkan bahawa dalam perkara ini kita boleh bersatu padu tidak kira Ahli Parlimen Barisan Nasional, Ahli Parlimen Pakatan Rakyat untuk kepentingan negara. Kita semua Ahli Parlimen rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Saya juga telah membuka sebenarnya saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur membaca 53(2) dan Yang Berhormat Ipoh Timur juga membaca 53(4). Akan tetapi sebenarnya di bawah 53(2) rang undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli. Ini telah kita hantar jauh lebih lama daripada yang kita jangka, Yang Berhormat. Jadi hakikatnya Peraturan ini Yang Berhormat, mengikat tangan saya mengatakan tidak boleh saya buat keputusan selain daripada apa yang dikatakan ini.

Saya tidak hendak berbincang Yang Berhormat soal ini sebab yang ke-4 begitu juga kalau hendak mengadakan satu perubahan iaitu perubahan ini sepatutnya memang datang daripada pihak yang menghantarkan usul dan dengan notis satu hari. Jadi ini juga tidak tepat,

jadi saya tidak boleh membuatkan satu peraturan yang berlainan daripada apa yang ditulis dalam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak apa tidak boleh buat keputusan tetapi harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh timbang perkara. Tentu dia ada orang-orang di sini boleh sampaikan apa yang saya cadangkan supaya dalam 90 minit dalam *lunch break* beliau boleh timbangkan perkara dan bertindak atas kepentingan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, saya memahami Yang Berhormat sebut sebab Yang Berhormat tidak meminta saya membuat keputusan tetapi permohonan dituju kepada Kementerian Kewangan dan saya tidak boleh menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan. Dengan itu Yang Berhormat Permatang Pauh, jam sudah pun 1.04 dan kita tangguh dahulu. Ini kalau Yang Berhormat hendak sambung pada petang nanti, Yang Berhormat sambung. Jadi kita tangguhkan dahulu dan kita akan bermula semula pada pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk meneruskan perbahasan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tak cukup kuorum macam mana?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung dengan menekankan isu krisis kewangan yang melanda dunia dan tempas yang agak berat kepada negara dan menyarankan agar pimpinan negara kita khususnya Menteri Kewangan mula menerima kenyataan tersebut.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya minta bangkit satu peraturan mesyuarat (*point of order*) di bawah Peraturan Mesyuarat 26 dan saya ingin membangkitkan di bawah 26(i)(c), usul untuk menangguhkan perbahasan yang sekarang dibuat terhadap belanjawan atas alasan... usul saya dulu. Saya usulkan untuk menangguhkan perbahasan atas belanjawan sehingga esok pagi untuk membolehkan Menteri Kewangan hadir dan memberi jawapan atas *point* utama yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, dalam perbahasan sebelum tengah hari bahawa *the factual foundation*, dengan izin ataupun fakta-fakta yang menjadi asas belanjawan, yang telah dikemukakan telah jadi sejarah dan belanjawan ini tidak boleh dipakai lagi, dan jumlah-jumlah yang digunakan patut dikaji semula untuk mengadakan satu perbahasan yang bermakna.

Jadi sekarang kita tidak boleh membincangkan secara bermakna satu belanjawan yang sedia ada sekarang. Jadi itulah usul saya, sebab tadi Yang Berhormat Permatang Pauh telah membangkitkan soalan itu kepada barisan di hadapan kita tapi tanpa apa-apa jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So itulah usul saya dan usul ini Tuan Yang di-Pertua tidak perlu apa-apa pemberitahu. *This is a* usul tanpa notis dan yang dibenarkan di bawah 26(i)(c) dan saya pohon mengusul itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebelum rehat tadi ada beberapa butiran dan perkara dalam peraturan mesyuarat yang telah dibawa dan telah pun diputuskan oleh Yang di-Pertua sebelum ini mengenai perkara 53 dan juga 54 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan saya rasa sudah jelas diputuskan bahawa usul untuk menangguh mengikut perkara yang sedemikian haruslah dibawa pada bacaan kali yang kedua.

Maknanya perbahasan mengenai rang undang-undang ini boleh kita teruskan dan jika ada keperluan sedemikian oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat, kita akan putus apabila bacaan kali yang kedua dijalankan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi sebelum kita tangguhkan persidangan hari ini adalah berkenaan... memang Yang Berhormat Ipoh Timur membangkitkan 53(2) dibaca dengan (3) dan (4) dan dia simpulkan dengan 53(4) dan memohon ini berkaitan dengan pemindaan (*amendment*) di mana perlunya satu hari notis juga dan itulah yang diingatkan oleh Timbalan Yang di-Pertua tadi, tapi saya tidak bergantung pada itu sebab bagi saya, saya ada pendapat yang berbeza dari Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu keputusan Yang Berhormat. Saya katakan bahawa jika ada keperluan untuk menangguh perbahasan ini, hendaklah dibuat ketika bacaan kali yang kedua nanti dan kita bawa kepada Majlis Mesyuarat untuk memutuskannya. Kita teruskan perbahasan ini sehingga bacaan kali kedua nanti.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, tapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia berkaitan Yang Berhormat. Isu yang dibawa oleh Yang Berhormat ini berkaitan dengan jawapan yang saya bagi ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak, isu saya sekarang adalah tidak perlu ataupun tidak berguna Dewan ini meneruskan dengan perbahasan belanjawan. Sebab itu saya mengusulkan di bawah 26(i)(c), perbahasan sekarang ditangguhkan, dengan jelas di sana sebab tak guna lagi kita meneruskan dan sehingga esok saja untuk membenarkan Menteri Kewangan hadir dan memberi pendirian beliau sama ada dia akan kaji semula belanjawan ataupun mana-mana, tapi itu saja yang diusulkan oleh saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadikan perbahasan Yang Berhormat ini sebagai sebahagian daripada perbahasan yang akan kelak digulung oleh Yang

Berhormat Menteri, Yang Berhormat. Tidak ada keperluan untuk menanggung, hendaklah dibuat menerusi perkara 54, 52 dan 53.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Seorang ahli Dewan ini di bawah 26, boleh bila-bila pun membawa mana-mana usul yang disenaraikan di bawah 26(i), mana-mana usul itu yang wajib ataupun yang patut/ yang wajar pada keadaan sekarang adalah (c) – usul untuk menanggungkan Majlis Mesyuarat...bukan, usul untuk menanggungkan perbahasan. Itu sahaja tujuan usul saya sebab keadaan yang telah timbul daripada hujah-hujah bernas yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Jadi itulah asas usul saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...dan saya memohon usul itu sekarang disokong oleh

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya sokong? Boleh saya sokong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...dan lepas itu diputuskan oleh Majlis ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, di mana keperluan untuk menyokong dan meluluskan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bila ada satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia harus kembali kepada Majlis Mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, boleh saya sokong? Saya tahu Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada peruntukan untuk mengusul dan menyokong.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini usul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu saya katakan bahawa ia akan balik kepada Majlis Mesyuarat, sebab itu saya katakan bahawa perkara ini boleh dibuat apabila bacaan kali kedua nanti dibuat. Jadi maknanya Yang Berhormat, saya tidak melihat keperluan terhadap 26(i)(c) yang dibawa oleh Yang Berhormat ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Boleh? Kita kena faham apakah tujuan kita ada Peraturan Mesyuarat 26. 26(i) menyenaraikan lebih kurang hampir 20 jenis keadaan atau usul yang boleh dibawa oleh mana-mana ahli Dewan yang mulia ini tanpa pemberitahu, itulah dia.

■1440

Kebanyakan usul - ini adalah prosedur. Usul kalau katakan ada untuk menggantung kerja seseorang sebagai ahli, usul untuk mengeluarkan orang-orang luar, dan sebagainya,

beberapa jenis. Salah satu daripada usul ini adalah usul untuk menangguhkan perbahasan sekiranya perlu. Bagi hemat saya, sudah timbul satu keadaan di mana usul ini perlu bersebab hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Tidak berguna kita teruskan lagi perbahasan yang kita sudah mula tentang belanjawan sehingga kita dapat tahu sama ada belanjawan ini akan dikaji semula akan tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalnya, soal belanjawan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, betul. Jadi usul saya sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Isu yang dibawa bahawa belanjawan yang dikemukakan ini tidak relevan, itu isunya. Saya katakan bahawa sama ada perkara ini relevan atau tidak relevan itu merupakan pendapat masing-masing dan kerajaan mempunyai pendapatnya sendiri.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi walau bagaimanapun apabila tamatnya nanti perbahasan dan jika ada keperluan untuk melihat sama ada diteruskan atau tidak, keputusan diambil atau tidak, kita akan gunakan nanti pada bacaan kali yang kedua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya buat *point* saya sekali lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Peraturan mesyuarat ini ada untuk memberi bantuan kepada kita, hak kita, peraturan kita untuk memandu perbahasan dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya katakan bahawa saya ingin perkara perbahasan diteruskan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi kita berhak membawa usul itu, itu *point* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, saya hormat pandangan Yang Berhormat. Akan tetapi saya katakan bahawa saya ingin melihat perbahasan diteruskan nanti jika ada keperluan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekatan waktu dalam 26. Tidak ada sekatan. Pendekatan yang ada di sini adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada peruntukan yang menghendaki menteri ketika ini untuk menjawab sama ada perlu diteruskan atau tidak perbahasan, tidak ada sekatan, tidak ada keperluan dalam peruntukan yang ditentukan oleh Yang Berhormat di sini yang digunakan oleh Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Maksud saya seorang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu saya katakan bahawa perbahasan hari ini kita teruskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kalau kita meneliti 26(1)(c), dia jelas memperuntukkan ahli boleh bangun mengusulkan tanpa memberi pemberitahu untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan. Ini hak setiap ahli, bukan sahaja peruntukan diberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, saya putuskan bahawa Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang habiskan dulu. Bukan peruntukan ini dipakai sahaja oleh pihak eksekutif, kerajaan sahaja. Mana-mana ahli boleh menggunakan 26(1)(c).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Inilah juga isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat tidak payah ekor lagi isu ini. Isu ini dibawa oleh Yang Berhormat Subang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang benar saya ingin menjelaskan bahawa ini bukan boleh diguna pakai untuk oleh kerajaan sahaja dan kalau tengok Peraturan 31(i), apabila seorang Ahli bangkit, seorang boleh sokong usul itu, itu sangat jelas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biarlah Dewan yang buat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Kita buat keputusan di sini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya bantu sedikit Dewan yang mulia ini dan juga Tuan Yang di-Pertua. Pada awal pagi ini apabila Yang Berhormat Ipoh Timur membangkitkan Peraturan Mesyuarat 53(4). Tujuannya adalah untuk memberikan mesej kepada pihak kementerian khususnya menteri supaya diberikan ruang untuk datang semula ke Dewan ini dan memberikan angka dan unjuran serta data-data yang baru sebelum perbahasan diteruskan. Jelas Tuan Yang di-Pertua pada pagi tadi memberitahu beliau tidak boleh membuat keputusan, hanya menteri yang boleh membuat keputusan sama ada beliau bersedia datang untuk membawa angka yang baru atau tidak.

Namun setelah kita beri tempoh selama 90 minit, nampaknya keangkuhan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru ini masih terserlah. Dia enggan datang ke Dewan yang mulia ini untuk memberikan data dan unjuran yang baru sebelum perbahasan diteruskan seperti yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua pada pagi tadi iaitu hanya menteri yang boleh menyatakan sama ada kesediaan beliau untuk tampil semula ke dalam Dewan ini. Namun sehingga jam 2.30 petang nampaknya beliau tidak muncul. Sebab itulah kami Tuan Yang di-Pertua, menggunakan peraturan yang sedia ada iaitu 26(1)(c). Ini bukan soal perbezaan pandangan politik ataupun ini pandangan Pakatan Rakyat, pandangan Barisan Nasional, lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini soal hak kami sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk membawa usul dalam Parlimen mengikut peraturan yang sedia ada. Peraturan ini cukup sedia, jelas di mana kita berhak untuk bangun bawa usul tanpa notis di mana kita hendak tolak kesemuanya kita beri ruang, kesempatan kepada kerajaan untuk tampil semula dengan bajet yang baru, angka yang baru supaya kita boleh meneruskan perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi saya pohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua, bukan kita hendak tanggung sebulan, hanya beberapa jam supaya pegawai-pegawai Bank Negara, Kementerian Kewangan boleh teliti semula dan memberi nasihat kepada Menteri Kewangan yang baru, tampil pagi esok, bawa unjuran baru, kami akan teruskan perbahasan dalam Bajet 2009, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah bangunlah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir ada satu *point* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, jangan ada *estimate* Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya faham dan penuh hormat saya hujah. Satu *point* yang penting, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk menjadi *referee* untuk perbahasan di sini tetapi akhirnya kuasa juga pada Ahli Parlimen di sini, Yang Berhormat di sini dan kita ada kuasa untuk mengusulkan ini. Sekarang setelah usul ada, kita perlu seorang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya hendak menjawab usul...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta seorang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Belum lagi sampai ke tahap itu Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat, ini tidak ada sokong-sokong lagi. Cukuplah Yang Berhormat, saya hormat pandangan Yang Berhormat Subang, duduk Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Adakah maksud Tuan Yang di-Pertua usul itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ingin respons kepada perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih saya hormat pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu ini. Walaupun ada empat orang yang bercakap bangun tadi tetapi isunya adalah satu isu yang sama. Kalau kita baca Perkara 26(1)(c), ianya adalah

usul-usul yang tidak memerlukan notis, itu saya setuju tetapi semua butiran dalam Perkara 26 ini adalah usul-usul yang *general*.

Makanya untuk Perkara 26 ini harus dibaca kepada isu-isu yang spesifik melalui Perkara 53 dan Perkara 54. Kalau kita baca Perkara 54, rang undang-undang terserah kepada jawatankuasa, ianya boleh dirujuk semula boleh diperbaiki, tetapi perkara itu hanya diizinkan setelah bacaan kali kedua. Perkara 53 juga menyentuh perkara yang sama, ini lebih spesifik. Kalau Perkara 26 adalah usul-usul yang *general* dan kita harus baca 26 ini mengikut perkara yang spesifik umpamanya 54(2), 53(4). Maknanya Yang Berhormat boleh kemukakan perkara ini kelak setelah tamat perbahasan dan sebelum bacaan kali kedua dijalankan seperti apa yang berlaku dalam Rang Undang-undang DNA yang lalu.

Jadi untuk perbahasan hari ini dan untuk teguran-teguran Yang Berhormat saya hargai tetapi keputusan saya ialah saya akan teruskan perbahasan ini dan jika ada keperluan nanti untuk menengguhkan perbahasan ini ianya haruslah dibuat melalui Perkara 54(2) sebelum bacaan kali kedua. Itu sahajalah Yang Berhormat dan saya tidak izinkan melalui perbahasan mengenai isu ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat, tafsiran Tuan Yang di-Pertua mesti ikut perkataan yang nyata dalam peraturan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak payah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi tafsiran yang diberi tadi langsung tidak selaras dengan perkataan yang kita ada dalam peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: 54 disebut oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan keputusan saya? Usul perlu dibuat Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan tidak puas hati, kita kena hujah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada peraturan mesyuarat untuk mengkaji keputusan yang telah dibuat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya faham tetapi untuk mengkaji kemuliaan Dewan ini, tafsiran yang diberi mesti mengikut apa yang kita ada, mesti munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh buat usul bantahan terhadap perkara itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya bagi pandangan untuk ditimbang.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya hargai, saya hormati teguran-teguran Yang Berhormat tetapi keputusan saya adalah saya mengizinkan perbahasan ini dibuat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tadi saya dengar Tuan Yang di-Pertua menggunakan 54. 54 jauh beza daripada keadaan yang kita...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order 43*. Tuan Yang di-Pertua sudah membuat keputusan dan mengikut *standing order* ini keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Untuk membantu Tuan Yang di-Pertua dengan pandangan iaitu 54 yang disebut tadi Tuan Yang di-Pertua tidak digunakan dalam keadaan sekarang. Saya tidak usulkan di bawah itu. Usul yang digunakan sekarang adalah 26 tentang penangguhan perbincangan, itu sahaja, *simple*.

■1450

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya katakan tadi Yang Berhormat. *You have to accept*. Saya sudah katakan bahawa 26 itu *general, very general*. Usul...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Of course is general. We understand that and appreciate.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi untuk 26 *here,...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *54 is a different situation it's for Select Committee and so on.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apalah Yang Berhormat, itu keputusan saya dan jika tidak puas hati Yang Berhormat boleh kemukakan bantahan kepada usul.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: 26.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh untuk teruskan perbincangan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi sekadar memberikan pandangan tentang mengapa perkara ini dibangkitkan dan kebetulan Yang Berhormat Menteri dan lagipun hadir termasuk Yang Berhormat Kota Marudu.

Kita bangkitkan bukan soal membantah keputusan kebijaksanaan Yang Berhormat. Ini 26(1)(c) memandangkan usul belanjawan ini sudah sukar diterima pakai. Tuan Yang di-Pertua boleh sebut ini pandangan kami berbeza dengan pandangan kerajaan. Saya hendak tekankan pandangan kerajaan mana yang boleh bantahan dan bahas belanjawan dengan angka yang sudah yang tidak boleh dipakai, defisit yang tidak boleh dipakai, pendapatan tidak boleh dipakai, pertumbuhan tidak boleh dipakai.

Jadi, Yang Berhormat sebab itu pagi tadi saya minta nasihat Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua menjawab saya tidak mampu buat begitu, biarlah Yang Berhormat Menteri jawab. Sebab itu kita bawa pandangan, minta satu usul bagi sedikit tempoh supaya menteri datang bagi jawab. Sebab kalau tidak minta saya dan Ahli Yang Berhormat ini bincang kertas sejarah.

Satu setengah bulan yang lalu, Yang Berhormat Kota Tinggi, angka dan data sudah berubah, berubah besar. Saya bagi contoh, saya bagi contoh satu sahaja kerana kebetulan kedua-dua menteri ada. Unjurannya USD125 juta untuk pendapatan negara. Sekarang ini USD77. Jadi, kita hendak kira bagaimana? Defisit kata Menteri Kewangan ketika itu 4.8% tahun ini dan akan berkurangan tahun depan. Saya kata tidak mungkin berlaku dalam keadaan sekarang. Ini bukan soal perbezaan pandangan politik. Ini soal kenyataan yang menyebabkan kita sukar meneruskan perbincangan. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua mengatakan guna bidang kuasa yang tidak boleh dipertikaikan lagi, saya terpaksa hormati.

Cuma saya hendak beri tekanan ini minta supaya sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat, Menteri yang ada walaupun tidak mewakili Kementerian Kewangan memahami bahawa kita dalam keadaan krisis dan diperbodohkan untuk bahas angka yang tidak betul. Kalau umpamanya menteri bangun dan kata kami akan pertahankan angka yang ada, saya kata okeylah kita sambung tetapi kalau menteri mengatakan mustahil kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu setengah bulan ini menyebabkan angka itu lari jauh. Jadi, saya mintalah sekali lagi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua sekadar meminta jasa baik ahli-ahli anggota Kabinet yang ada untuk sekadar berikan pandangan mereka sama ada mahu diteruskan atau tidak perbincangan belanjawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa tidak ada keperluan sedemikian Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak perlu mewakili Menteri Kewangan untuk menjawab pertanyaan. Saya buat keputusan bahawa, saya minta Yang Berhormat teruskan sahajalah berbincang mengenai...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kita ada usul. Di sini, usul ini adalah satu kuasa yang diberi yang ada dalam peruntukan peraturan ini kepada semua ahli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan mengenai perkara ini Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Di sini kita boleh rujuk kepada majoriti *on the floor* ini dengan izin untuk membuat keputusan sama ada kita ingin teruskan satu perbincangan yang pada anggapan majoriti di dalam Dewan ini tidak lagi bermakna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, saya sudah buat keputusan Yang Berhormat Batu...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Atau, kita. Saya hanya merayu supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dan saya sudah perelaskan sejelasnya-jelasnya. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua ini memberi ruang supaya ahli-ahli Dewan ini dapat membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh buat usul sedemikian apabila bacaan kali kedua dibuat kelak.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Akan tetapi, masalah sekarang, kita akan membazir masa untuk perubahan sesuatu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu diizinkan oleh peraturan mesyuarat. Kalau Yang Berhormat memilih untuk tidak berbahas, melibatkan diri dalam perbahasan, itu pilihan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini bukan pilihan saya atau pilihan setiap individu tetapi ini adalah satu keputusan yang harus dibuat secara kolektif oleh Dewan ini sama ada kita mahu teruskan satu perbahasan yang tidak bermakna atau kita ingin memberi ruang supaya kerajaan dapat meneliti semula dan kembali. Kalau keputusan kerajaan ialah kita teruskan apa yang dipertahankan ini. Kita akan hadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, perkara yang dibawa ini Yang Berhormat telah pun diputuskan dan perkara yang sama yang dibawa oleh Yang Berhormat Subang tadi. Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, memang sama tetapi kita belum dengar pendapat ataupun pendirian oleh semua ahli-ahli Dewan ini. So, cadangan kita ialah usulkan supaya setiap ahli Dewan ini dapat memutuskan sama ada mereka setuju untuk teruskan atau tidak. Ini adalah satu hak demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu dibuat sebelum bacaan kali kedua. Saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh untuk teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan. Mengenai isu ini, saya rasa yang kita boleh buat ialah untuk yang setuju menangguhkan Dewan ini boleh berdiri dan kita tengok majoriti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada. Ia harus dilakukan mengikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Tidak ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak apa. Kita tengok di sini. Ini adalah jelas bahawa pada waktu ini majoritinya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Very clear, very clear. [Ahli-ahli Pembangkang berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk menanggungkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan Yang Berhormat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekiranya tidak. Yang kedua, sekurang-kurangnya dari pihak kerajaan ada menteri di sini boleh mewakili kerajaan untuk memberi *respond* kepada ini. Ini merupakan kolektif *responsibility* dalam Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita harus...

Tuan M. Kula. Segaran [Ipoh Barat]: Menteri guna ISA sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita harus lakukan perkara ini. Jangan ikut perasaan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini walaupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita buat mengikut peraturan mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menggunakan, di *guide* oleh peraturan tetapi di sini jelasnya majoriti berpendapat bahawa menanggungkan Dewan ini adalah merupakan cara yang terbaik untuk...

Seorang Ahli: Apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk menyelamatkan kemuliaan ataupun integriti Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Dewan ini ada peraturan Yang Berhormat. Ada peraturan okey.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ataupun...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kita...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ataupun, sekurang-kurangnya, seorang menteri di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:Boleh mewakili pihak kerajaan untuk memberi pendirian kerajaan mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya telah memutuskan bahawa perkara itu tidak diperlukan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini untuk sekurang-kurangnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan kerana ...Tidak perlu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk integriti kerajaan ini. Ini adalah perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh untuk meneruskan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, satu pertanyaan saya minta mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak tanyalah alasan daripada kerajaan. Yang mereka ini berdegil sangat sampai petang ini tidak mahu bentangkan angka baru, unjuran baru, data baru mengapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apakah mereka tidak mampu hendak mengurus ekonomi secara baik. Saya tahu Yang Berhormat Kota Tinggi bukan Menteri Kewangan walaupun cita-citanya ada... [*Ketawa*] ...tetapi sekurang-kurangnya

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, sudah salah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti, saya ...

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Yang Berhormat Gombak tidak usah bercakap macam tu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, tidak.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tidak ada, tidak payah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, tidak. Okey. Saya tidak tuduh. Adakah tidak ada cita-cita? [*Ketawa*] Tidak ada cita-cita. Okeylah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jangan nanti dia guna ISA pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak cukuplah Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya tidak faham walaupun dia bukan Menteri Kewangan, dia mewakili Jemaah Menteri Kabinet. [*Dewan riuh*] Ya, ini bukan bajet Pekan, ini bukan bajet Kepala Batas. Ini bajet kerajaan yang membentangkan pada 29 Ogos.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi, saya hendak dengar yang degil sangat kenapa? Yang susah hendak beri angka baru kenapa? Walaupun dia tidak faham, pegawai di belakang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bank Negara ada, EPU ada, kewangan ada. Sebab itu saya setuju Yang Berhormat Permatang Pauh angkat pegawai jadi Ahli Parlimen, Ahli Parlimen duduk di belakang. [*Tepuk*] Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak perlu komen, Yang Berhormat Permatang Pauh sila teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai duduklah Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi saya hujah panjang mengapa dalam mana-mana negara sekalipun, sebaik keadaan ekonomi dan angka-angka berubah, belanjawan itu harus diubahsuai.

■ 1500

Malaysia mungkin dalam keadaan sekarang merupakan satu-satu negara yang enggan berbuat demikian. Dan ini akan memberikan kesan yang parah kepada ekonomi kita. Tuan Yang di-Pertua bayangkan, dalam beberapa minggu ini kita akan bahaskan dan Tuan Yang di-Pertua terikat dengan beberapa peraturan dan tafsiran, walaupun saya kurang bersetuju tetapi saya hormati. Hanya akan memaksa Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas isu yang tidak relevan, angka yang tidak relevan, unjuran yang tidak tepat.

Jadi cadangan memangkin ekonomi, memacu pertumbuhan dalam keadaan biasa jelas berbeda dengan keadaan ekonomi yang kian getir atau gawat. Saya tidak mengerti sama sekali mengapa Menteri Kewangan masih terikat, apakah kerana dia takut nak ubah satu ayat pun dari cadangan belanjawan Menteri Kewangan terdahulu. Apakah negara harus dikorbankan kerana silat dan sepak terajang politik mereka. Saya tidak mengerti mengapa Dewan ini harus dihina demikian rupa sehingga dipaksa berdebat dan berbahas isu belanjawan yang tidak tepat dengan angka dan unjuran dan keadaan semasa.

Saya kebetulan semasa rehat makan tengah hari tadi, dapat juga maklumat daripada pegawai-pegawai yang hadir, setuju dengan pandangan kami dan menyatakan bahawa mereka sudah pun memberikan maklumat sedikit sebanyak kepada menteri berkenaan bahawa unjuran itu tidak boleh dipertahankan. Bagaimana boleh kita jangka pertumbuhan ekonomi, defisit, pendapatan dengan angka satu setengah bulan yang lalu. Kalau tidak ini dianggap keangkuhan kuasa, apa lagi? Kalau dikatakan kejahilan, kedangkalan dan keangkuhan kuasa, tidak peduli. Bagilah angka, bagilah fakta, kami berkuasa, kami raja, raja apa begini?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Raja kapur!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan tentang...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, nak bagi sedikit maklumat. Apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyedari bahawa sebelum Mesyuarat ditangguhkan pada pukul satu, Menteri Kewangan berada di perkarangan Parlimen, dia berada di *tower block*. Saya ada nampak dia. Mengapakah

Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru mengambil alih jawatan sebagai Menteri Kewangan enggan masuk dalam Dewan untuk mendengar hujah-hujah rakyat yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang? Apakah harapan yang ada, saya nak tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang terhadap bakal Perdana Menteri ini, kalau baru ambil alih jawatan Menteri Kewangan dah bersikap sedemikian. Apakah harapan yang ada untuk masa depan negara ini?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya kebetulan Tuan Yang di-Pertua tidak nampak dia di perkarangan tetapi kalau dia ada, dia tidak datang, nampaklah Menteri Kewangan yang paling tidak bertanggungjawab dalam sejarah negara. [*Dewan tepuk*] Kita bahaskan belanjawan, krisis ekonomi melanda, angka harus dirubah, dia tidak sanggup berdepan. Akan tetapi yang saya tahu pasti, tiga contoh yang diberikan tadi termasuk Eurocopter, Maybank dan *broadband*, dia sempat kerana projek itu berbilion-bilion ringgit komisennya, sempat diluluskan segera.

Sebelum saya sambung tentang krisis kewangan negara, saya nak tambah sedikit saja maklumat tentang Maybank, pembelian BII oleh Maybank. Saya nak tunjukkan betapa dari maklumat saya perolehi dari Jakarta, betapa Maybank telah bertindak luar daripada pertimbangan kewangan perniagaan biasa. Menetapkan harga 4.7 kali lebih dari segi *booked value* nya, berbanding dengan pembelian lain. UOB beli Buana 2.5 kali, Khazanah membeli Lippo 2.4 kali, OCBC membeli NISP 2.5 kali, Standard Chartered membeli Permata 2.3 kali. Maybank membeli BII dalam keadaan ekonomi merudum sekarang 4.7 kali.

Saya ucap tahniah kepada Bank Negara kerana peringkat awalnya pertahankan menolak permohonan Maybank itu. Hanya pada saat akhir dengan ketegasan Bank Negara dan sedikit penurunan harga maka saya percaya Bank Negara diarah oleh Menteri Kewangan untuk meluluskan tetapi ini menunjukkan keputusan yang tidak bijak sehingga saham Maybank jatuh 6% pada hari diumumkan pembelian. Dan sejak itu merudum 30%, maknanya hampir RM13 bilion lesap dari kantung Maybank. Siapa punya yang menguasai Maybank? Ini jaguh-jaguh yang bicara, jerit kuat tentang kepentingan bumiputera. Bila amanah bumiputera dikhianati, siapa yang menanggung kerugian?

Yang paling besar, Amanah Saham Bumiputera 36%, PNB 14%, KWSP 8%. Saya difahamkan bahawa dalam Mesyuarat Lembaga KWSP, mereka bimbang dengan keputusan Maybank dan mendesak supaya Maybank menanggung kerugian seandainya pembelian ini diteruskan. KWSP maknanya pencarum, pekerja seperti yang dibimbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bicarakan tadi. Maka sebab itulah saya menekankan di antara hujah mengapa dalam kegagalan mengurus ekonomi, kepentingan peribadi, keluarga dan kroni mengatasi kepentingan ekonomi negara. Hal ini berlaku dahulu dan nampak diteruskan tanpa rasa tertekan, segan silu untuk membetulkan kepincangan yang ada.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita bicara soal krisis dan kemelut ekonomi dan kewangan yang dahsyat. Kita tahu bila keadaan ekonomi melanda seperti mana berlaku di Amerika, *rescue*

package, bail out diteruskan. Kita juga mengalami krisis yang sama pada tahun 1997, 1998. Kalau kita imbau, singkap semula pengalaman sejarah. 1930-an dalam waktu kemelesetan ekonomi dunia yang dahsyat, *Federal Reserve* pada ketika itu enggan membantu. Dan bila keengganan itu berterusan, parah ekonomi lebih dahsyat lagi. Maka oleh yang demikian, kita akui keperluan membantu tetapi ibarat Titanic, kapal yang hebat dan gagah itu bila jalan laju tanpa kawalan kerana simbol kepada kuasa dan keangkuhan.

Sebaik sahaja menimpa malapetaka, Tuan Yang di-Pertua pun tahu, paling kurang menonton filem Titanic - Di Caprio dan Kate Winslet, bila berlaku kemalangan dahsyat dan ngeri, sanak saudara, anak pinak, menantu diselamatkan, rakyat yang di bawah dilemparkan ke laut, tenggelam semua. Sebab itu bila kita minta Tuan Yang di-Pertua membantu menasihati Menteri Kewangan supaya segera mengambil sikap cara serius mengendali isu krisis ekonomi kerana kita tahu sebaik sahaja keparahan melanda, kontrak besar kepada kroni diteruskan.

Orang-orang kaya yang menjadi pemimpin-pemimpin utama politik dipertahankan tetapi rakyat yang miskin dengan harga barang meningkat, dengan pengangguran dilempar keluar sepertimana nasib penumpang-penumpang bawahan di kalangan pekerja-pekerja miskin yang menaiki Titanic untuk mencari nafkah termasuklah Di Caprio yang tenggelam sama dalam filem tersebut. Sebab itu langkah-langkah harus diambil dari sekarang supaya apa yang berlaku tidak berulang.

■1510

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Nampaknya peristiwa Titanic ini saya kira sedang berlaku juga dalam negara kita di bawah pentadbiran yang sedia ada. Saya ingin pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Pada tahun 1997 dan 1998, ketika negara menghadapi krisis dan kegawatan ekonomi, banyak tuduhan yang dilemparkan sepanjang sepuluh tahun khususnya ketika Yang Berhormat Permatang Pauh berada di dalam Penjara Sungai Buloh ekoran kezaliman dan kerakusan kepimpinan UMNO khususnya.

Tuduhan dilemparkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu tunduk kepada Bank Dunia dan IMF. Saya kira kami dalam Pakatan Rakyat mempertahankan bahawa perkara ini tidak pernah berlaku. Maka, oleh kerana hari ini Yang Berhormat Permatang Pauh sudah berada dalam Dewan Rakyat dan pagi ini juga Yang Berhormat Permatang Pauh mencabar Ahli-ahli Parlimen yang celupar selama enam tahun membuat tuduhan ini. Bolehkah Yang Berhormat Permatang Pauh memberikan penjelasan apakah benar ketika itu kita tunduk kepada IMF dan Bank Dunia supaya perkara ini dapat kita perjelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak kerana memberikan kesempatan untuk saya ulas. Dalam membahaskan belanjawan tahun ini, sewajarnya kita mengambil iktibar daripada pengalaman yang lalu. Sebab itu saya ulangi betapa

perlunya Yang Berhormat Menteri Kewangan datang, belajar dari pengalaman lalu dan memberikan pandangan, usul dan rangsangan supaya kita dapat menghindar. Pada tahun 1997 dan 1998, memang ada gejala nampak dari percubaan pelabur asing dan pengurus dana untuk mengambil kesempatan tetapi tidak dapat disangkal dalam sebarang kajian bahawa kekuatan ekonomi kita juga rapuh.

Puluhan bilion ringgit kekuatan dalam institusi kewangan dan bank dikuasai, dipinjam oleh sepuluh syarikat kroni, 70% daripada kewangan negara. Yang lain itu siapa? Hampas dan sampah. Yang lain itu bukan bumiputera. Puluhan juta yang lain dari Perlis ke Sabah dan Sarawak. Siapa di kalangan orang Melayu yang miskin di Pahang atau orang Dayak di Sarawak atau Kadazan di Sabah yang mendapat manfaat daripada ini semua. Sebab itu tidak mudah kita merumuskan untuk menyalahkan yang lain dari luar sahaja. Dalam kes krisis yang terbaru di Amerika Syarikat, nyata ia berpunca dari apa yang disebut oleh semua pengkaji, *Greed and aversion to take risk* dengan izin.

Sistem yang membolehkan segolongan kecil anak-anak pembesar mengaut kekayaan, membolot, mengenyangkan tembolok mereka dan membiarkan negara dan rakyat sebagai sampah seranah. Menggunakan untung mereka membeli undi di sana sini. Itu memang boleh bertahan pada sekejap masa tetapi akhirnya rakyat yang dimusnahkan dan ekonomi negara yang dimusnahkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang berlaku. Akan tetapi untuk mengelakkan daripada pertuduhan itu, dia boleh menjerit daripada belakang kerana tidak berani bangun. Sebab itu saya beritahu awal Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan UMNO yang tukang-tukang jerit nak bangun, bangun. Ini dikatakan hujah yang baik dan teliti tetapi kerana tidak berani, kerana terlibat daripada perompakan kekayaan semasa bapa-bapa berkuasa, kalau berani bangun sekarang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, tatkala saya menjadi Menteri Kewangan, saya memang mempengerusikan *Development Committee of The World Bank* dan IMF. Apa keputusan yang kita ambil? Pertama, membatalkan hutang negara-negara paling miskin di Afrika yang disebut HIPC Initiative, *Heavily Indebted Poor Countries*. Menggesa negara-negara dan bersama dengan Manmohan Singh dari India pada masa itu, Gordon Brown dari United Kingdom mendesak supaya negara-negara Eropah dan Amerika membatalkan hutang kerana tanpa ada sikap yang sedemikian, mereka tidak mungkin bernafas semula.

Pada tahun 1993, saya menulis kepada Bank Dunia selalu Menteri Kewangan menghentikan pinjaman dari Bank Dunia kerana keadaan belanjawan kita sudah seimbang pada ketika itu. Kalau tidak yakin boleh semak dengan dokumen di Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia. Kita menulis mengatakan kita tidak perlu lagi pinjaman dari Bank Dunia pada tahun 1993. Sayalah yang kemudian dihukum dan mengatakan saya ini bersama dengan Bank Dunia. 1993, kita hentikan. Saya masuk penjara 1998, 1999 semasa saya di penjara, Menteri

Kewangan pada ketika itu dan Kabinet menulis semula kepada Bank Dunia minta pinjam dan Malaysia mula meminjam dari Bank Dunia pada tahun 1999 dan ini fakta yang tidak boleh disangkal oleh sesiapa. [Tepuk]

Yang berani jerit di luar dan lapor dalam Utusan Malaysia dan TV3 kerana tidak akan melaporkan kenyataan kita. Ini bezanya di antara fakta dan fitnah. Saya kemukakan di sini fakta. Ini faktanya. Kemudian soal IMF. Kita diserang dan institusi kewangan kita lemas. Kekuatan ringgit terhakis. Tidak separah rupiah di Indonesia atau Baht di Thailand tetapi cukup parah. Rundingan dengan IMF itu siapa sekalipun Menteri Kewangan termasuk Menteri Kewangan sekarang apa yang disebut *Article IV* mengehendaki rundingan diadakan. Soal setuju atau tidak soal lain tetapi sekarang ini dalam sistem kita sejak Tun Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan, sampai sekarang *Article IV* itu diguna pakai dan rundingan mesti diteruskan. Itu yang saya lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan Malaysia pada masa itu tidak pernah sehingga kita menulis kepada IMF meminta *rescue package* dari IMF. Boleh *check* rekodnya sekarang kerana selama ini Dewan ini dibohongi dengan fitnah orang-orang yang *corrupt* untuk mempertahankan kuasa mereka. [Tepuk]

Apa yang berlaku ialah beberapa rencana yang kita ambil dalam keadaan gawat. Tidak seperti mana Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang *complete state of denial* dengan izin. Kita pada masa itu kita kata *yes ada problem*. Bulan Disember bentang belanjawan baru, bawa pindaan dan penyesuaian dan beberapa langkah. Kita buat beberapa langkah tetapi nampak tidak menjadi. Ubah lagi. Memang betul. Ada langkah pada peringkat awal untuk membatalkan projek-projek mega. Mahu buat jambatan dari Melaka ke Sumatera. Wang tidak ada tetapi jambatan mahu didirikan. Mahu buat kabel bawah dasar lautan supaya syarikat-syarikat keluarga dapat keuntungan. Itu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini ialah percubaan-percubaan ini ada kalanya berhasil, ada kalanya kurang berhasil. Dalam keadaan bila kita kenal pasti kurang berhasil, cepat kita bawa dan ambil langkah. Sebab itu ada beberapa projek *pump priming*. Kita mahu bantu syarikat. Kita tubuh dana harta dan dana modal. Tujuannya agar mereka cukup *transparent* dan telus. Jangan pakai ambil wang Petronas untuk bantu anak, bantu keluarga dan bantu kroni. Mesti ikut peraturan yang cukup telus. Baru munasabah jawabnya.

Jadi oleh yang demikian, saya ingin menggunakan ruang ini untuk menjelaskan kita kena belajar dari pengalaman yang lalu dan kemudian menghindar daripada menjadikan ini sebagai percaturan dan mainan politik kotor, gunakan kebijaksanaan yang ada untuk menentukan hala tuju ekonomi, pemacuan ekonomi dan pertumbuhan itu lebih segar dan meyakinkan.

■1520

Hari ini berbeza dengan sepuluh tahun yang lalu, puncanya itu di paksi kekuatan kapitalis dunia Amerika Syarikat. Akan tetapi, seperti mana kita tahu kalau ikut Teori Hayek Amerika

sendiri kecundang kerana amaran awal yang diberikan diketepikan. Amerika di bawah presiden George Bush bukan sahaja *state of denial* seperti mana menteri-menteri yang ada sekarang di Malaysia. Perang Iraq, *state of denial*. Serang Afganistan, *state of denial, war on terror* terhadap Islam, *state of denial* dan termasuklah kekacauan ekonomi yang berlaku. Antara lain kerana dana yang diperuntukkan untuk perang Iraq itu terlalu tinggi yang menelan kekuatan kewangan Amerika Syarikat sendiri. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat daripada Permatang Pauh ada memberi sedikit latar belakang apa yang berlaku masa sepuluh tahun dahulu, apabila beliau ada sebut yang kali pertama mengenai *way of creative destruction* dan masa itu ada menimbulkan beberapa kontroversi yang nampaknya menjadi sebab musabab kenapa Yang Berhormat Permatang Pauh memulakan satu bab yang baru melalui *library* penjara Sungai Buloh. Antara isu-isu kontroversi-kontroversi ialah mengenai usaha untuk *bail out* MISC yang dapat tentangan khasnya oleh Perdana Menteri masa itu. Oleh kerana ada berbagai versi dalam perkara ini mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh boleh menerangkan isu ini oleh kerana pun mungkin ada sangkut paut dengan keadaan sekarang sama ada isu MISC atau Perwaja

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak bercadang untuk mengungkit banyak kerana Tun Dr. Mahathir pun sudah lama bersara dan saya selalunya mengetepikan sahaja serangan-serangan peribadi beliau sebagai agak kurang *steady*. Jadi saya cuma hendak khusus sedikit tentang fakta sahaja dan tidak berkait lebih daripada itu kerana saya bercadang untuk melihat ke depan dan melihat pengalaman yang lalu itu sekadar pengalaman yang boleh bantu kita untuk menyelamatkan ekonomi negara. Isu konsortium perkapalan MISC itu hanya manakala Petronas bawa kepada saya membantah rencana menggunakan dana hampir RM2 bilion daripada Petronas untuk menyelamatkan syarikat tersebut.

Pada masa itu saya keberatan untuk campur tangan kerana Petronas bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, di bawah Perdana Menteri. Akan tetapi oleh kerana desakan Petronas untuk mempertahankan kewibawaan Petronas dan menghormati wakil Petronas - usaha mereka, khidmat mereka, pengorbanan mereka selama ini untuk mengangkat kekuatan Petronas maka saya terpaksa mengemukakan pandangan mereka walaupun telah menimbulkan sedikit sebanyak masalah. Soalnya sekarang ini kalau kita ikut pengalaman itu ialah bahawa pengurusan ekonomi harus dijalankan cara teratur.

Kalau hendak selamatkan mana-mana syarikat, mesti ikut penilaian seperti mana kita biasa lakukan melalui dana modal, dana harta dan tidak memilih untuk menyelamatkan dua tiga kerat orang berlegar di kalangan kita dan meninggalkan rakyat di bawah. Saudara bayangkan RM2 bilion, RM1 bilion, RM0.5 bilion itu bermakna besar bagi satu daerah, tidak untuk satu keluarga. Perwaja pun begitu, bila keadaan krisis melanda Perwaja sangkut, walaupun Eric Chia

sekarang sudah mendiang, masalahnya sama. Penyelesaian itu hanya untuk menyelamatkan kroni dan rakan. Akhirnya tanggungannya sampai sekarang. Tanggungan Perwaja itu RM13 bilion. Sebab itu dalam mengurus ekonomi, kita harus berupaya memastikan kepentingan kroni dan keluarga tidak mengatasi kepentingan negara.

Sepertimana yang saya sebut dalam kes Perwaja, sampai sekarang negara terpaksa menanggung bencana ekonomi akibat penyelewengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang dipertahankan oleh pemimpin-pemimpin pada ketika itu. Sebab itu kita bawa tiga contoh baru hari ini, *broadband*, Maybank umpamanya Eurocopter. Hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional hanya dengar dan terima baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Akan tetapi soalnya satu keputusan yang kita buat yang parah akan menyebabkan tanggungan dan kerugian itu berpindah kepada generasi yang akan datang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan yang berbangkit di sini ialah ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh berada di dalam kerajaan yang memerintah dan mempunyai kedudukan yang tinggi. Kenapa perkara ini tidak dihalang dan dibiarkan. Ini yang saya bangkitkan di awal tadi tentang menjadi hamba ini. Ketika itu ada kuasa. Kenapa tidak ditentang, terbiar begitu sahaja. Oleh sebab inilah bila dibangkitkan tentang Maybank. Dalam perbincangan yang lepas kita daripada *back-benchers* juga menghentam tentang pembelian ini, BII oleh Maybank dan kita memang menentang habis-habisan. Bukan kita tidak mengatakan pendirian kita dan memang kita menentang. Saudara-saudara pun tahu. Mungkin ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh belum masuk dalam Parlimen, dia tidak sedar perkara ini. Sudah kita tentang daripada awal sudah. Itu saya kata bahawa kalau begitu mahu dibangkitkan kenapa yang dulu pun boleh terlepas begitu sahaja tentang MISC ini. Kita memang tidak setuju, sebab itulah saya kata dalam perkara ini yang penting ialah bagaimana kita memastikan sesuatu perkara yang tidak setuju itu tidak dilaksanakan. Jangan sekarang mahu hendak cakap.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, saya tidak setuju, saya lawan. Saya masuk penjara enam tahun, dihina, diaibkan Tuan Yang di-Pertua. Orang yang sekarang tidak setuju tunggu giliran hendak jadi menteri dalam kabinet baru. Dia ada beza, jadi jangan bawa hujah masa itu. Kalau benar Yang Berhormat Batu Pahat tidak setuju mengenai pembelian Maybank, saya ucap terima kasih. Akan tetapi mengapa diluluskan? Sekarang mengapa hendak bantah bila saya hendak bantah. Sepatutnya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bangkitkan perkara yang lepas tentang MISC bukannya tentang Maybank. Maybank sehingga ke hari ini saya tetap membantah dan tidak bersetuju.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey, terima kasih. Baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak apalah, alhamdulillah. Mahu cakap macam itu pun okeylah.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa inilah budaya di dalam Barisan Nasional *Back-benchers Club*. Apabila membantah, bercakap berapi-api. Tetapi bila diminta untuk mengundi sokong. Lalu saya rasa begini, sekiranya benar...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Isu Maybank kita tidak ada mengundi.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Saya tidak habis lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada prosedur macam itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dia sebenarnya kalau tidak ada mengundi lagi pun boleh buat. Apa yang kita katakan *personal* punya usul. Sebagai usul Ahli Dewan secara peribadi bawa. Kita bukan tidak hendak bawa, kalau kita bawa selama ini yang kita lihat semua yang kita bawa akhirnya *shut down*. Pasal apa? Pasal *Back-benchers Club* cakap sahaja. Soal naik harga minyak, semua kata "*Oh, tidak setuju*". Tapi bila minta undi, "*Setuju*". Marilah kita mulai sekarang ini kita ada satu budaya politik yang baru. Yang mana apa yang kita nyatakan kita laksanakan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kita tidak setuju sebab pembangkang eksploit perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Jangan sekadar cakap tapi bila hendak mengundi, tidak sanggup. Seperti mana yang telah dicadangkan oleh Ketua Pembangkang.

■1530

Kita semua faham, angka-angka yang dikemukakan untuk bajet tidak betul, tidak boleh pakai. Saya rasa kalau ada orang di dalam Dewan ini masih hendak mempertahankan angka-angka yang dikemukakan sebulan setengah yang lalu, dia tidak layaklah duduk di dalam Dewan ini... [*Tepuk*] Betul tak? Ini kerana ia adalah satu perkara yang *so obvious*, dengan izin. Lalu sekiranya benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Habis, kalau bentang bajet baru, kemudian harga minyak turun lagi, buat lagi bajet baru.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Inilah dia. Ianya satu perubahan yang sebenarnya saya pun pagi tadi tidak sempat datang. Akan tetapi hakikatnya kalau apa yang dicadangkan, minta maaf oleh abang saya dahulu. Jangan turunkan harga minyak sampai bulan Ogos. Dia akan dapat lihat bahawa permainan spekulator akan terbukti bahawa harga

minyak naik bukan oleh sebab *supply and demand*, tetapi oleh sebab permainan spekulator dan tidak perlu naik. Akan tetapi oleh sebab tidak sabar-sabar hendak naik, walaupun sebut kata hendak naik pada bulan Ogos, akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, "Esok naik harga", maka inilah akibatnya. Barang semua sudah naik, harga minyak naik, harga barang semua naik, tiba-tiba bila harga minyak hendak diturunkan, harga barang tetap akan kekal dan ini adalah satu masalah yang menunjukkan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Permatang Pauh sedang berucap, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya, okeylah saya akan berhenti. Akan tetapi pokoknya, itulah *point* nya. Saya minta *Back-benchers Club* sekarang ini, mulai sekarang jangan cakap sahaja, akan tetapi bila kita perlukan undi daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat sokong. Insya-Allah... [Tepuk] Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbincangan mengenai belanjawan walaupun belanjawannya sudah tempang dan meleset.

Pertamanya dalam menguruskan ekonomi. Seperti mana pengalaman yang kita peroleh dahulu pada 10 tahun yang lalu, dan dalam pengalaman Amerika Syarikat sekarang, ternyata ada kelemahan besar di dalam apa yang disebut *price structure* teori *Hayek*. kerana maklumat termasuk *rating* agensi tidak tepat dan didorong oleh tamak haloba dan keghairahan mendapat keuntungan sehingga sanggup mengambil risiko yang besar dan membebankan pencarum dan pelabur.

Bagaimana kita boleh pelajari kalau kita tidak berbuat sesuatu daripada sekarang untuk memperbetulkan? Sebab itu saya menekankan di sini, kalau kita sedia terima baik pandangan rakyat dan kehendak menyelamatkan ekonomi negara maka seluruh pendekatan tentang belanjawan harus berubah. Kita harus melihat apakah kelemahannya sekarang? Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan membuat andaian bahawa semuanya sudah baik dan kalau orang tidak puas hati, bagi sedikit RM20 rebat kepada orang di Sabah dan Sarawak, bagi kepada petani dan nelayan, dia ingat boleh pertahankan sokongan, ini saya anggap satu kesalahan yang besar. Rakyat tidak boleh ditipu sebegitu rupa. Lebih parah lagi, keadaan ekonomi akan terjejas.

Sebab itu saya mencadangkan sekali lagi, untuk mengambil satu pendekatan yang lebih realistik. Ambil tahu berapa jumlah yang kita boleh peroleh dari segi pendapatan negara. Yang Berhormat Batu Pahat sewenang-wenangnya mengatakan, "Oh, kalau turun sedikit, buat belanjawan baru". Memang benar. Kalau dia belajar sedikit tentang teori belanjawan, kalau belanjawan itu turun kepada paras beberapa peratus, memang itu disebut sebagai

supplementary budget ataupun *revised budget*. Akan tetapi oleh sebab terlalu keras kerana cadangan kebetulan daripada pihak yang lain, beliau hanya menolak ia, hendak kekalkan pendekatan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya sebut, jurang di antara fakta tatkala belanjawan dibentangkan dengan sekarang itu terlalu besar. Dengan izin, *is no longer realistic or tenable proposition*. Akan tetapi kita tunggulah, mana tahu kalau-kalau esok pagi Yang Berhormat Menteri Kewangan akan datang dan pohon ruang untuk membentangkan kalau sempat dia lupa projek-projek mega yang ada. Kalau ini dilakukan, maka kita boleh tentukan keutamaan kita. Apakah masalah di negara kita? Jauh, lama sebelum kita hadapi krisis sekarang ini, kita sudah kalah dengan beberapa negara jiran dalam persaingan. Memang benar kalau kita bandingkan dengan Somalia, Zimbabwe, kita menang. Akan tetapi kita harus bersaing dengan negara-negara yang setara dengan kita dahulu. Tahun 80-an kita Malaysia, Singapura, Korea Selatan dan Taiwan. Itu yang disebut *league* kita. Lebih hebat daripada apa yang disebut *East Asian Economic Miracle* yang kemudiannya berbangkit pada tahun 90-an. Kalau kita ambil empat buah negara ini, kekuatan ekonomi asas dan *fundamentalnya* hampir sama iaitu Malaysia, Singapura, Taiwan dan Korea Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaannya sekarang begitu berbeza. Singapura, Korea Selatan dan Taiwan mengatasi kita jauh melonjak lebih tinggi. Sebabnya apa? Singapura tidak mempunyai minyak. Kita, negara pengeluar minyak dengan dana yang besar, kelapa sawit. Tiga negara lain ini tidak mempunyai kekuatan sumber asli yang besar, tetapi mempunyai dasar ekonomi dan kewangan yang jauh lebih positif dan membina...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin menyambut dengan membawa perhatian Dewan yang mulia ini. Kalaupun Ketua Pembangkang mahu kita bersaing dalam liga yang seharusnya kita berada, hakikat menunjukkan bahawa dalam liga di mana kita seharusnya memintas mereka jauh ke hadapan. Masih lagi kita terkial-kial khususnya dalam erti dan konteks pelaburan asing ataupun FDI, pelaburan langsung asing yang apakah boleh Ketua Pembangkang memberi komentar di sini?

Mutakhir sumber daripada *United Nations Conference and Trade Development*, laporan paling mutakhir. Sementara *South East Asia*, sepuluh *members Asian Countries* ini dan *South East Asian Countries* sendiri mengalami FDI paling tinggi sebanyak aliran masuk RM209.2 bilion dalam tahun 2007 berbeza dengan RM115.5 bilion pada tahun 2006. Negara kita mengalami kedudukan dan prestasi paling parah. Paling mutakhir dirakamkan bahawa buat pertama kalinya,

dana *outflow* ataupun *fund outflow* melebihi *fund inflow* sebanyak RM8.99 bilion. Dalam senggang waktu 15 hingga 29 Ogos yang lalu, *outflow or fund* berlaku sebanyak RM3.8 bilion dalam waktu yang disebutkan sedemikian.

Di dalam suasana seperti ini di mana kita sedang menghadapi dan boleh kita persalahkan dengan *the global meltdown* sebentar lagi, yang sehingga kini pun kita tidak menunjukkan kepekaan kita, bagaimana pula kalau boleh kita minta komentar Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam suasana di mana *outflow* ini sudah semakin ketara melebihi *inflow*. Kita masih boleh membeli seperti yang disebut-sebut dan diuar-uarkan sebentar tadi, BII dengan *book value* melebihi 4. Kalaupun ada diskaun paling mutakhir sebanyak 15%, tetapi analisis yang lebih *prudent* mengatakan bahawa ia merupakan *outflow investment* dalam suasana hari ini paling tidak wajar dan tidak *prudent*. Banyak lagi perkara yang boleh kita sebut Tuan Yang di-Pertua, tetapi tumpang Ketua Pembangkang hendak menyebutkan tentang hendak bersaing dalam liga yang sepatutnya *South Korea*, Jepun dan Singapura, sepuluh *member Asian countries* ini pun kita paling corot dalam menggamit *FDI's* paling mutakhir ini. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya sebut pagi tadi bahawa pengaliran dana keluar menjangkau RM125 bilion dan ini berbanding dengan kemasukan dana pelaburan asing itu sangat kecil. Ini seharusnya membimbangkan dan ini berkaitan dengan masalah yang harus kita hadapi. Kita tewas dari sudut daya saing. Mengikut kajian UNCTAD, kita di tahap 71.

■1540

Apakah yang harus kita lakukan untuk mengangkat daya saing negara? Dasar ekonomi kita harus mempunyai daya saing. Bagaimana hendak memacu pembangunan ekonomi negara sedangkan belanjawan pun ketinggalan zaman? Kalau pelabur asing dan pengurus dana yang teliti, siapa yang hendak datang melabur apabila tengok belanjawan kita ini *clearly out of date*? Saya betul-betul tidak boleh faham bagaimana Ahli-ahli Barisan Nasional boleh duduk dan angguk dengan keadaan yang ada sekarang? Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Bagaimana kalau saya adalah pelabur Arab, China atau Amerika datang hendak tengok bajet kita, dengan *facts* yang ada sekarang, *obsolete* dengan izin. Namun mereka berkeras dan oleh yang demikian kita hilang keyakinan dan lebih terhakis lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini bermakna kita mesti berganjak sedikit daripada pendekatan lama untuk mampu berdaya siang. Ia bermakna *market driven*. Bila saya sebut *market driven* ekonomi ini ada orang bimbang. Oleh kerana hayat ini ia *market forces completely*. Namun kita juga tahu dalam keadaan tertentu ada kalanya pasaran itu harus diteliti supaya jangan mengetepikan pertimbangan keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya dengar bahawa daya saing kita di tahap nombor 71 dan juga bagaimana pendapat daripada pelabur-pelabur luar yang akan datang. Hari ini dalam Dewan yang mulia ini saya melihat rakan-rakan kita daripada *Back-benchers* mereka terpinga-pinga bagaikan soldadu yang ditinggal oleh jeneral yang telah melarikan diri. *Where is the general?* Mana jeneral itu yang seharusnya pada hari ini duduk di sini? Di luar Dewan apabila dikaitkan dengan Altantuya, ghaib. Balasubramaniam dedahkan satu affidavit, Balasubramaniam dan seluruh keluarganya ghaib. Tiba-tiba datang Raja Petra mendedahkan, ghaib juga.

Apa ini? *What is happening?* Rakan-rakan daripada *Back-benchers*, *what is happening?* *Where is your general?* Mana dia jeneral yang seharusnya mempertahankan kamu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua yang paling bijaksana, saya terguris bila saya mendengar Yang Berhormat Batu Pahat tadi cuba bangun mempertahankan. Walaupun dalam hati nalurinya - *one corner*, dengan izin...

Seorang Ahli: Sanubarinya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...di sanubarinya, beliau cuba bangun tetapi oleh kerana ditinggalkan oleh jeneral yang seharusnya pada hari berada dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang akan terjadi kepada negara ini? *What is going to*

happen, dengan izin? *What is going to happen to this country when we have generals who are on the run?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, yang sedang berucap ialah Yang Berhormat Permatang Pauh! *[Ketawa]* Kalau ada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu ulasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh yang memang apabila saya berada di dalam Barisan Nasional, pada masa itu saya begitu kagum terhadap beliau. Namun apabila beliau dihina dan diaibkan oleh Barisan Nasional, apabila beliau difitnah dan dilukakan, keluarga beliau dihumban ke dalam penghinaan...

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat Permatang Pauh untuk berucap.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya keluar daripada Barisan Nasional, tetapi hari ini saya mahu mendengar daripada wira ini.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana mahu dengar kalau diganggu? *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu dengar...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa akan berlaku kepada negara ini kalaulah...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mahu dengar Yang Berhormat Permatang Pauh, jangan banyak pencelahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:jeneral yang telah melarikan diri itu menjadi Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Silakan, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Saya pun dengar dialog di antara soldadu dengan jeneral tadi. Terima kasih. Nombor yang saya sebut 71 tadi itu bukanlah daya saing nombor 71 itu ialah dari sudut jumlah dana pelaburan asing dalam negara kita, iaitu kita jatuh dari nombor 4 pada tahun 90-an ke nombor 71 sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut tadi tentang bahawa perimbangan ini perlu. Oleh sebab itu dalam kerangka pertumbuhan kita harus tekankan proses tender. Ada orang bicara, kalau tender dikenakan maknanya Dasar Ekonomi Baru dibatalkan dan kepentingan bumiputera dan Melayu terjejas. Saya ingin menekankan di sini, pendirian kita dalam Pakatan Rakyat, soal kedudukan hak keistimewaan Melayu bumiputera tidak pernah dipertikai. Kepentingan menjamin penyertaan Melayu di semua peringkat tidak akan dikhianati. Soalnya,

jangan guna Melayu, jangan guna Dasar Ekonomi Bumiputera untuk mengaut kekayaan untuk sebahagian kecil dan yang lain diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua lebih arif tentang kedudukan di Sabah. Saya juga mengikut keadaan di Sarawak dan di Semenanjung, majoriti rakyat miskin di peringkat bawah ini kurang manfaat. Ada projek RM5 bilion, keuntungannya RM800 juta pergi kepada keluarga. Tiris sedikit puluhan ribu diagihkan kepada orang-orang kampung, itu pun kalau dapat. Apakah ini tujuan dan matlamat asal Dasar Ekonomi Bumiputera?

Kalau kita tumpukan perhatian mengangkat mutu pendidikan di seluruh negara, anak Melayu, anak Cina, anak India, anak Bajau, Iban, Kadazan dan lain-lain, bukankah itu pendekatan yang jauh lebih baik kerana manfaatnya itu langsung di peringkat bawah. Oleh sebab itu saya ingin menegaskan di sini, bila kita menekankan *market economy* supaya jangan ada rakyat kita, Cina atau India yang merasa terpinggir seperti mana kita di kalangan orang Melayu tidak mahu anak-anak kita di kalangan Melayu, Cina, Iban, Dusun dan Bajau merasa terpinggir.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Boleh beri laluan?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Oleh yang demikian saya ingin menekankan di sini, pokok permasalahan tentang pendekatan dasar itu harus berganjak. Kalau tidak ada tender seperti *broadband* tadi, kita rugi RM2.4 bilion. Yang ruginya siapa? Negara. Kalau kita adakan tender, selamatkan RM2.4 bilion, saya hendak jamin sekurang-kurangnya 60% atau 70% daripada dana keuntungan itu pulang kepada rakyat terutamanya yang miskin dan terabai.

Ini pendekatan pada hemat saya yang perlu kerana dalam masa yang sama ia boleh menarik keyakinan domestik dan asing. RM125 bilion yang mengalir keluar itu bukan semuanya dana asing, termasuklah pelabur tempatan dan peniaga tempatan yang hilang keyakinan kepada kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional pada hari ini.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon mendapat sedikit penjelasan daripada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi, dari pagi hingga ke petang kita telah menyentuh pelbagai perkara mengenai belanjawan.

Pada pagi ini kita mendengar ucapan jawapan Menteri Kewangan atau menteri yang tidak ada portfolio seolah-olah masalah ekonomi, krisis ekonomi yang melanda negara Malaysia ini disalahkan kepada sistem kapitalisme liberal. Saya terkejut. Bukankah Malaysia sebuah negara kapitalis? Adakah sistem yang lain? Kalau liberal mesti ada konservatif, ada juga tradisional. Saya tidak faham. Walaupun saya tidak dapat peluang pada pagi ini, saya mahu bertanya apakah itu kapitalisme liberal? Seolah-olah Malaysia ada sistem sosialis. Namun menteri juga mengatakan bahawa kita melangkah kepada satu sistem yang baru, alternatif.

■1550

Apa itu alternatif? Janganlah temberang dalam Dewan yang mulia ini bahawa semuanya salahkan kepada sistem kapitalis liberal. Seolah-olah Malaysia ini mungkin tidak senang dengan sistem kapitalis liberal. Ini saya rasa sukar diterima, datang daripada seorang Menteri Kewangan yang diperkatakan dalam Dewan ini bahawa kerajaan ini tidak salah. Saya tidak boleh menerima itulah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya rasa kita terikat dengan sistem yang ada, sistem dunia kapitalis yang ini, yang hegemoni ini dilakukan oleh Barat. Maka kita tidak boleh salahkan memang ada salah sistem pun, memang saya rasa kerajaan yang bertanggungjawab.

Maka saya minta Ketua Pembangkang, Permatang Pauh, memberi penjelasan sama ada ini masalah sistem yang di mana kerajaan ini tidak salah. Ini yang disampaikan sekarang. Semua ini mereka tulis tidak salah, jujur. Kalau begitu jujur, ini hilang daripada sini pagi ini. Kalau berani, datanglah, tetapi inilah kita perlu satu penjelasan bahawa sama ada sistem yang salah, sistem kapitalisme liberal yang dominan di dunia ataupun Kerajaan Malaysia. Saya rasa ini saya ingin dapat sedikit penjelasan daripada Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Batu Kawan. Sebelum Permatang Pauh menjawab, ingin saya ingatkan Yang Berhormat, kalau mencelah kepada Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah, biarlah celahan itu timbul daripada apa yang di hujah oleh Yang Berhormat yang sedang berhujah. Bukan berdiri mencelah mengambil kesempatan pula untuk berhujah seolah-olah *floor* itu Ahli Yang Berhormat punya dan mengaitkan perkara yang telah timbul awal seperti yang disebut tadi, apa yang disebut oleh Menteri Kewangan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara umum. Cuma saya bagi contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebagai perkara umum tetapi pencilahan itu biarlah ada hubung kait yang rapat, kalau boleh kepada apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah. Sekarang ini yang berhujah, Permatang Pauh dan kalau diganggu dan jika hujah itu mengambil kesempatan semata, saya rasa itu saya tidak boleh terima juga. Sila Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Batu Kawan tadi, dia mencelah bila saya sebut Friedrich Hayek dan Keynes. Dia sebagai profesor, jadi dia ulas macam profesor, tetapi *pointnya* itu, celahannya itu kerana teori kapitalis yang ekstrem memang kita tolak kerana kita masih ambil prinsip "*ausathoha*", pertengahan, dalam hadis Rasulullah SAW dalam Quran dan juga apa yang disebut sebagai *golden mean*. Chung Yung kalau dalam bahasa Confucius Cina, tetapi dalam pendekatan yang disebut oleh Menteri Kewangan pagi tadi ini, seolah-olah salah semua. Ini *problem* kita. Ini kita sebut dalam tahap penafian.

Krisis ekonomi, kita tidak salah, kita mengurus dengan paling cekap, tidak ada rasuah, bilion-bilion bukan kita ambil, itu hilang di angkasa, entah ke mana. Oleh yang demikian kita tidak boleh selesaikan, tetapi kalau kita jujur, umpamanya mengatakan baik, kita ambil pengalaman dari Barat tetapi ada beberapa celaan, kelemahan yang harus kita baiki termasuk faktor yang disebut sekarang ini, *price structure*, ikut teori Hayek, pengimbangan, tetapi didorong bukan oleh kesaksamaan, penilaian yang adil tetapi didorong oleh sifat tamak haloba, mahu kaya, kaya, kaya, kaut. Negara punya pun kaut, komisen kapal selam pun kaut. Jadi kalau itu semua pertimbangan kita, sampai bila tidak dapat kita jamin “*al wal ihsan*”, keadilan dan ihsan yang kita dengar dalam khutbah setiap Jumaat yang mengungkap ayat Quran mengenai keadilan dan ihsan.

Oleh yang demikian, saya ingin tekankan perbezaan Hayek dan Keynes ini, Keynes ini di mana kerajaan mengambil alih campur tangan pada tahap tertentu menjamin. Umpamanya sekarang orang mengatakan bila kita sebut jaminan, pertama negara mesti mampu dipacu ekonominya dengan begitu pantas. Untuk pacu ekonomi dengan pantas, tender harus terbuka, peraturan mesti benar, orang yang mengendalikan mesti jujur, Akta Rasuah ketat dan pelaksanaannya itu benar. Kalau tidak, jerung semua terlepas. Kalau ambil lebih daripada setengah bilion, dia tidak nampak. Ambil RM500 tertangkap.

Ini polemik jerung dengan bilis yang kita tahu selama ini. Berikut daripada hujah ini, kita sebut bila ekonomi jadi pancur, pertumbuhan ekonomi itu meyakinkan, pendapatan melimpah, ia tidak selesai kerana kalau teori kapitalis yang ideal, ia tidak bercakap soal agihan. Tidak ada prinsipal yang disebut oleh Rawls sebagai *distributive justice*, keadilan pengagihan. Sebab itu bila kita teliti, kita lihat masalah Melayu di Semenanjung, Orang Asli, orang Cina di kampung baru, India di estet, kemudian kita lihat bagaimana masyarakat kita di Sabah dan Sarawak yang begitu lama merasa diri mereka terpinggir.

Kalau ada Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional mengatakan saya tidak menyatakan yang benar, mungkin mereka menafikan kenyataan sebenar. Kita bicara dengan siapa sahaja di Sabah dan di Sarawak, mereka merasa diri mereka tertekan, harga barang meningkat dan keprihatinan pemerintah tidak ada. Sebab itu dalam Pakatan Rakyat, kita mengatakan negeri-negeri ini hasilnya besar, Sabah, Sarawak, Terengganu, tiga negeri paling miskin tetapi hasil yang paling besar. Oleh yang demikian, kita telah mengusulkan dan saya ingin tekankan di sini, tanpa ragu-ragu walaupun diserang, walaupun dalam masalah krisis ekonomi yang berlaku sekarang, saya katakan adalah wajar dan munasabah untuk royalti 20% untuk Terengganu, Sabah dan Sarawak dikekalkan. [Tepuk]

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Semasa menjadi Menteri Kewangan tahun 1998, Yang Berhormat membentangkan belanjawan dengan formula iaitu untuk liberalisasi pasaran kewangan. Jadi kalau ingin saya petik satu perenggan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu, “Kita

harus komited kepada liberalisasi sektor kewangan dan akan melaksanakannya secara berperingkat. Justeru itu sistem kewangan perlu lebih cekap, berdaya saing, dinamik dan moden. Kekukuhan sistem kewangan semata-mata tidak dapat menjamin kestabilan pasaran kewangan seperti yang disaksikan baru-baru ini. Dengan demikian, daripada masa kita meliberalisasi sistem kewangan, kita perlu mempunyai mekanisme perlindungan dan peraturan yang cukup supaya ekonomi kita dapat dilindungi daripada tekanan luar dan manipulasi.“

Pagi tadi semasa Menteri Kewangan Kedua menjawab soalan berkaitan soal krisis 10 tahun yang berulang, menyebutkan bahawa Amerika Syarikat sekarang yang sedang mengalami krisis kewangan meniru daripada formula-formula tahun 1998 yang diperkenalkan oleh Tun, khususnya dalam soal tambatan ringgit dan juga liberalisasi kadar *interest* perbankan dan sebagainya. Jadi saya mohon penjelasan, adakah formula liberalisasi kewangan ini masih relevan untuk menyelesaikan krisis ekonomi negara pada hari ini ataupun diserang dan keduanya, adakah tekanan daripada luar, khususnya daripada kuasa besar dan juga manipulasi pihak-pihak tertentu akan memberikan kesan yang sama berbanding dengan kelemahan-kelemahan pengurusan ekonomi dalaman yang menyebutkan soal rasuah, penyelewengan dan sebagainya. Pohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya memang dari dulu sampai sekarang menekankan liberalisasi ini kerana kalau kita mahu institusi kewangan kita mampu bersaing, kita harus tahu kekuatan dalaman, domestik dan peraturan peringkat antarabangsa. Di antara sebab institusi kewangan kita mampu, umpamanya menjelajah ke ASEAN, termasuk Maybank, walaupun malangnya cara pengendalian itu menyebabkan harga itu terlalu tinggi, tidak munasabah, tetapi kekuatannya kerana proses liberalisasi.

■ 1600

Akan tetapi liberalisasi itu, sebab itu saya kata mesti melindungi kepentingan negara kita. Makna liberalisasi itu bukanlah seperti mana yang dituntut oleh Washington *Consensus* ataupun syarat *prescription* IMF. Kita ada had dia dan sebab itu dalam ucapan saya tadi sudah bacakan tadi sebab kita sebut pada peringkat dan perlindungan, dua istilah yang penting. Berperingkat dan perlindungan mesti ada. Tetapi dalam soal Menteri Kewangan kedua mempertahankan bahawa semua orang belajar daripada dia, saya ingat parahlah. Kalau dia terus begitu lagi sekali Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebut kalau semua orang belajar pengalaman beliau, maka *foreign exchange laws* berpuluh-puluh bilion ringgit itu tidak terjawab nanti. [Tepuk] Jadi saya ingin nasihatkan Menteri Kewangan kedua itu supaya tumpukan kepada fakta dan jangan terlalu banyak propaganda.

Kalau benar orang belajar pengalaman kita Tuan Yang di-Pertua, *fundamental Malaysia* 1997-1998 itu jauh lebih baik daripada Indonesia, daripada Thailand. Sebab itu Thailand, Indonesia terpaksa meminjam daripada IMF. Ini disebut *lender of the last resort*. Semua wang

tidak ada, hendak bayar gaji tidak ada terpaksa pinjam. Pinjam dari bank, tidak ada bank hendak bagi pinjaman. Terpaksa pergi IMF dan IMF bagi syarat sebahagian munasabah, sebahagian tidak munasabah. Apa yang tidak munasabah? Batalkan subsidi serta-merta, apabila batalkan subsidi minyak serta-merta, rakyat di bawah akan memberontak, tidak boleh tahan kerana mereka miskin dan ini kelemahan besar IMF.

Tetapi sebelum Indonesia pergi ke IMF, masalah dia besar, sebab apa? Sebab kroni. Sebab anak-pinak, sebab keluarga yang mengaut semua projek besar. Bank bagi pinjaman bukan kerana prinsip tanggungjawab dan ketelusan, bank bagi pinjaman kerana itu syarikat anak. *You like it, you don't like it* dengan izin, *you have to lend*. Akhirnya berlaku masalah. Jadi kita kena faham cara lebih objektif tentang permasalahan. Kesalahan IMF ini kerana dia tidak faham *moral hazards*, derita rakyat di bawah. Dia tahu seperti mana *banker*, dia tengok boleh bayar, tidak boleh bayar. Tidak boleh bayar, paksa mesti bayar. Tidak boleh bayar, lelong. Ini *problem* yang dihadapi. Sebab itu dalam pengendalian kes ini, untuk Menteri Kewangan kedua mengatakan kita semua bagus, orang belajar daripada kita, ini propaganda.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia ini tidak ada yang, ada alhamdulillah yang kita banggakan. Tetapi bersaing kita tewas. Pasaran saham, saya ada angka menunjukkan betapa pasaran saham dirantau kita berbanding dengan negara-negara yang dilanda krisis ekonomi dahulu. Tengok. Korea, sebelum krisis 97,779 mata, pasaran saham. Sebelum krisis, sekarang 10 tahun kemudian 2,028 tiga kali ganda meningkat. Jepun lima kali meningkat tidak apa. Tidak payah masuk Jepun, Singapura sebelum krisis 2,387 sebelum krisis, 10 tahun kemudian 3,800 tambah 1,500 mata. Jakarta meningkat dua kali ganda.

Thailand meningkat. Malaysia. Tahap tertinggi 1997; 1,332 sekarang ini tambah 150 di tahap masa paling tinggi dan sekarang mulai menjunam semula. Maknanya kekuatan kita tidak sampai kepada kekuatan *height* 1997 dahulu. Berbanding dengan negara-negara lain yang menghadapi krisis yang telah berjaya melonjak lebih tinggi termasuk Korea Selatan dan Jakarta walaupun kita tahu bahawa beberapa aspek daripada kekuatan ekonomi Indonesia itu lebih lemah kerana mereka bergantung kepada import minyak, kita eksport. Inilah satu-satu negara di dunia pengeksport minyak yang menghadapi masalah harga minyak yang parah terutama bagi rakyat dan lebih bagi Sabah dan Sarawak kerana harga barang tidak boleh difahami seperti mana Ahli-ahli Parlimen di Semenanjung faham, mereka akan fikir beban, tetapi yang ditanggung oleh orang Sabah dan Sarawak itu lebih parah lagi.

Ia memerlukan pimpinan baru yang faham masalah rakyat seluruhnya dan tidak seperti mana pimpinan UMNO, Barisan Nasional sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat simpati tentang perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung dan mengatakan, pertama kita bawa isu daya saing dan ini sahaja mampu membawa perubahan bagi struktur ekonomi kita. Ini akan menjelaskan beberapa pendekatan Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar Ekonomi Baru ini sudah dianggap usang dan sudah terlalu banyak digunakan untuk dipungah

kekayaan oleh segelintir kecil. Sebab itulah rakyat orang Melayu umumnya kalau kita terang bahawa orang Melayu mesti pertahankan hak mereka, bumiputera akan pertahankan, dia faham.

Tetapi pemimpin UMNO tertentu cukup takut apabila kita bicara soal Dasar Ekonomi Baru kerana peluang dapat kontrak tidak payah tender ini dia rasa rugi, kehilangan. Sebab itu saya ingin beri jaminan di sini bahawa dalam pendekatan kita, belanjawan dan kita minta perkara ini diberi perhatian oleh Menteri Kewangan. Yang penting ialah prinsip keadilan masyarakat. Kalau kita dapat agihkan dengan begitu baik dana yang secukupnya saya tidak percaya kita tidak akan catat masalah-masalah yang kita hadapi sekarang. Menteri Kewangan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi tatkala membentangkan belanjawan menyebut kemudahan-kemudahan tambahan dalam bidang pendidikan, kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, kita ada masalah sekarang hendak debat.

Hendak debat ini angka mana? Peruntukan mana? Kalau peruntukan yang dia sebut, sudah jumud, ketinggalan. Kalau kita tidak sebut, kita bahas apa? Tetapi Tuan Yang di-Pertua dengan petahnya mengatakan terus, saya terus. Tetapi hendak sebut angka apa saya tidak tahu. Jadi kita terpaksa dan saya hendak nasihat Ahli Yang Berhormat jangan terikat dengan angka kerana angka-angka itu sudah satu penipuan sekarang. Angka itu tidak dipertahankan. Kita hanya boleh berbahas secara umum, bagi kaedah umum sahaja sekarang ini. Kerana kalau kita terikat dengan angka, angka itu sudah jauh meleset. Yang menjadi masalah sekarang ialah mutu pengagihan, bukan sahaja di Semenanjung, Sabah dan Sarawak tetapi dalam institusi-institusi tertentu. Kita ambil umpamanya dalam bidang pendidikan, Malaysia dan mengikut laporan terbaru, tidak ada universiti yang mencatat kedudukan yang lebih baik, semuanya di bawah paras 200.

Tetapi kenyataan dalam media kita, kita bangga kerana meningkat sedikit. Cuba kita singkap lembaran itu, mengapa universiti-universiti lain, Beijing yang terkemudian, Singapura yang bersama kita, sudah jauh tinggi daripada kita. Mengapa Universiti Chulalongkorn di Bangkok mengatasi semua universiti di Malaysia. Hal-hal ini harus kita teliti. Di antara lain adalah kerana pendekatan kita yang saya anggap meleset. Kalau tanya apa dia penyelesaiannya, saya katakan kalau pimpinan universiti itu harus diangkat di kalangan terbaik. [*Tepuk*] Yang terbaik bermakna profesor Melayu, bumiputera yang terbaik, profesor Cina atau India yang terbaik, beri mereka amanah dalam tempoh tiga hingga lima tahun, angkat kedudukan universiti latih anak-anak Melayu dan bumiputera, latih anak Cina dan India.

Saya yakin gabungan yang terbaik di kalangan semua kaum ini dapat mengangkat institusi pendidikan kita. Tetapi kalau pendekatannya masih kekal di tahap sekarang, kita ambil sebahagian naib cancellor, kerjanya menyokong. Ada yang dahulu kerjanya tulis sajak mengampu Perdana Menteri. Kemudian bagi sekatan, semua orang tidak boleh masuk universiti. Saya selepas keluar Universiti Sungai Buloh sempat ke Oxford dan yang paling akhir,

Georgetown University sebagai profesor. Boleh masuk mengajar di mana universiti terkemuka di dunia, tetapi tidak diizinkan masuk mana-mana universiti di Malaysia termasuk Universiti Sabah.

■1610

Mungkin kerana tahap universiti itu jauh terlalu tinggi daripada Oxford dan Georgetown. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, pendekatan begini merumitkan kita. Ada perasaan dengan ketegangan sosial dan ketegangan raskal seolah-olah orang Melayu nun di bawah bumiputera terpinggir, orang cina sebahagiannya merasakan mereka tidak mempunyai tempat. Setelah 51 tahun negara merdeka, kita masih menghadapi isu etnik yang membara. Siapa untung Tuan Yang di-Pertua bila isu etnik ini dibahaskan? Hanya pemimpin-pemimpin beberapa kerat tertentu untuk menjaga kepentingan mereka. Rakyat di bawah tidak akan dapat manfaat ini dan bila kita sebut tentang keadilan mereka bangkitkan seolah-olah kita khianati kepentingan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun kenal Tuan Yang di-Pertua sudah lama. Saya tahu memang pendekar bajau dan rakyat bawahan yang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* Akan tetapi secara serius kita dalam kerjaya politik ini masuk dengan setengah pendirian dan prinsip. Ada yang tidak boleh berkaitan. Sebab itu dalam Pakatan, muafakat kita tidak boleh lari daripada sejarah kita, kaedah pokok dalam perlembagaan negara kita. Yang menjadi masalah yang dipertikaikan termasuk keluarga kita di kalangan Cina dan India ialah penyalahgunaan tafsiran ini sehingga ditafsirkan sebagai menekan dan menghina mereka dari kenyataan, dari singgungan dan sebagainya dan ini harus diperbaiki.

Apa hubungan dengan belanjawan Tuan Yang di-Pertua? Selagi keyakinan ini tidak dipulihkan, rakyat tidak boleh digerakkan untuk mengangkat martabat ekonomi negara kita. Sebab itu isu ini harus diteliti dan institusi pendidikan harus berani membahaskan perkara ini secara terbuka.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Akan tetapi kalau institusi pendidikan terikat dengan kursus biro tatanegara, tidak habis. Saya minta kawan-kawan bukan sahaja dalam Pakatan tetapi pemimpin-pemimpin Gerakan, MCA, MIC lihat sedikit dan teliti juga isi kandungan kursus ini. *[Tepuk]*

Jangan duduk diam sahaja dalam Kabinet, jangan duduk diam sahaja mengganggu dan mengundi apabila kaum kamu sendiri dihina. *[Tepuk]*

Saya orang Melayu Tuan Yang di-Pertua tetapi saya tidak bersetuju. Saya dilatih sebagai seorang Islam tidak diizinkan untuk menghina kaum lain. Ini istilahnya. *[Tepuk]*

Saya yakin *[Bercakap dalam bahasa Arab]* tapi tidak pernah bermaksud untuk menghina orang lain ataupun penganut agama lain. Sila lihat dan teliti kursus-kursus dalam biro tatanegara bagaimana dikaitkan dengan isu kaum dan bagaimana negeri Melayu ini dirompak dengan ganas

oleh pedagang-pedagang Cina. Mana dia pemimpin MCA dan Gerakan yang berani membetulkan kesilapan besar dan ketegangan yang sering kali dibangkitkan? Kalau tidak sanggup tidak mengapa. Bersama kami dan saya bantu saudara-saudara untuk ungkapkan. [Tepuk]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ingin mendapatkan penjelasan kebetulan rakan daripada Kinabatangan pun ada pada petang ini. Memang sesuai untuk diberikan penjelasan.

Hari ini kita membahaskan soal krisis dan kemelut ekonomi. Kita dapat saksikan bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh dalam pada masa yang sama kita menolak dokumen lapuk yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan dengan data dan unjuran yang sudah tidak lagi relevan tetapi beliau telah *enlighten* dengan izin Ahli-ahli Dewan Rakyat dengan perancangan baru, pendekatan baru untuk menangani masalah ekonomi dalam negara kita. Seperti beliau bahaskan beberapa perkara yang disentuh, contohnya soal pengaliran dana keluar sudah menjangkau RM125 bilion ekoran peniaga tempatan dan juga pelabur asing yang sudah kehilangan keyakinan terhadap kepimpinan UMNO pada hari ini, soal rasuah yang semakin hari semakin berleluasa tetapi masih angkuh dan sombong melakukan rasuah secara terang-terangan, merompak bukan lagi di waktu malam tapi di waktu siang, Eurocopter, Maybank, *broadband* yang dilakukan oleh Menteri Kewangan yang baru.

Pasaran saham yang sudah tidak lagi dapat bersaing dengan negara-negara jiran, daya saing yang semakin merosot, mutu pendidikan yang tidak dapat meningkatkan tahap produktiviti dalam negara kita kerana pelantikan naib canselor yang terdiri daripada golongan yang tidak mampu berhujah secara ilmiah. Kesemua ini menyebabkan ekonomi negara kita semakin hari semakin merudum.

Cuma saya hendak dapat penjelasan kerana baru-baru ini Perdana Menteri sendiri disambut oleh Timbalan Perdana Menteri dan beberapa kerat Ahli *back-benchers*, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan dengar dengan jelas dan terang menuduh ekonomi negara kita gawat kerana seorang insan bernama Anwar bin Ibrahim sehingga berani melontarkan beliaulah pengkhianat ekonomi negara, beliaulah yang merosakkan ekonomi negara. Sekarang jawab.

Beberapa Ahli Pembangkang: Jawab!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya jawab Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti dahulu, nanti dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita bentangkan angka yang cukup jelas, harga minyak pasaran dunia yang sudah merudum. Daripada USD135, USD125, sekarang USD77, rasuah yang secara terang-terangan. Apa agaknya yang menyebabkan kepimpinan UMNO ini melontarkan tuduhan terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai pengkhianat

ekonomi? Perkara ini saya kira perlu diperjelaskan supaya mereka dapat memahami dengan jelas dan rakyat dapat diberitahu. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, tak mengapalah tuduhan begitu. Saya pun tak rasa kesal dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Sahabat lama juga, tak ada masalah. Soalnya kita harus menumpukan perhatian kepada masalah ekonomi dan melihatnya sebagai fakta. Bukan soal hendak lepas geram, sebar fitnah. Ini bukan contoh kudwah hasanah, contoh yang baik, tidak.

Dalam politik saya hanya berani mengemukakan. Tadi bila sebut Eurocopter Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani kemukakan walaupun saya dapat surat itu daripada Kapten Zahashim sehingga saya dengar dari dia sendiri. Zaha, apakah ini benar dokumen kamu? Bila dia jawab ya, baru saya keluarkan. Itu bezanya. Saya boleh keluarkan kerana saya politik pembangkang untuk mencerca tapi saya fikir bukan itu caranya. Memang benar saya dihina, diaibkan, dipukul setengah mati, dikurung Tuan Yang di-Pertua, susah tetapi bukan tujuan saya untuk memulangkan kepada sesiapa yang membuat kepada saya begitu. Tidak ada hajat sama sekali. *[Tepuk]*

Saya hendak tumpu perhatian seperti mana yang saya sebut tadi hendak bawa sebab itu cadangan saya kepada menteri yang dikupas oleh Yang Berhormat Gombak hanya berikan ruang supaya kita dapat perbaiki kelemahan-kelemahan ini. Kalau tidak, kita akan terus ditimpa masalah ini. Masalah dengar sehingga Tuan Yang di-Pertua tahu saya pun baru sahaja kembali ke Parlimen selepas 10 tahun, saya tak pernah tengok jawapan-jawapan menteri meleret macam ini.

Dahulu peraturan dia ada. Menteri diberikan kesempatan jawab maksimum tiga empat minit bagi peluang hujah. Sekarang terus jawapan soalan yang ringkas itu 10 minit dan ini menyebabkan waktu soal jawab di Parlimen pun terjejas. Maknanya kalau kita bicara menghormati saranan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi beberapa hari yang lalu setelah cuba dihumban oleh UMNO keluar, beliau mengatakan beliau akan terus dengan agenda reformasi. Sebab itu saya ingin hendak jumpa dia hendak tanya dia reformasi apa abang Lah. Kalau boleh kita berbincang sekali bagaimana hendak bawa perubahan ini tetapi ditolak mentah-mentah.

Jadi saya tidak bertujuan untuk berbahas untuk menimbulkan ketegangan melainkan menyatakan kalau mahu daya saing, dasar mesti berubah. Beberapa institusi lama, syarat FIC, syarat yang terlalu ketat mesti dirubah.

■ **1620**

Bila kita rubah kita bimbang tentang kedudukan penyertaan Melayu dan bumiputera. Kita harus teliti semula dan berdepan dengan kawan-kawan kita Cina dan India di negara ini bahawa kita rubah supaya daing ada, ekonomi meningkat tetapi kita bimbang kalau dalam perubahan itu kedudukan Melayu terjejas. Kalau kita tekankan dasar yang ada yang berlaku ialah sistem kroni

dan keluarga diteruskan. Dalam pada masa yang sama kemaraan pertumbuhan ekonomi yang patut dijana oleh orang Melayu, Cina dan India itu terjejas dan terbatas. Saya tekankan juga tadi tentang pendidikan kerana tanpa perubahan dalam sistem pendidikan negara kita dan mengangkat perubahan termasuk latihan-latihan baru dalam bidang-bidang kepakaran tertentu kita tidak mungkin dapat bersaing.

Apa dia kekuatan Taiwan kalau kita boleh belajar. Sesetengah orang dia sensitif. Saya sebut Taiwan atau Singapura, tengoklah Anwar ini sekarang contoh negara pun China. Takkan saya hendak ambil contoh Zimbabwe Tuan Yang di-Pertua. Saya pilih negara yang dekat yang boleh membantu kita, tidak semua kita boleh setuju. Taiwan, kejayaan Taiwan sejak 80-an ialah kejayaan mereka menarik semula semua *brain* kepakaran dari luar dan ada strategi khusus untuk itu. Kemudian, kita teliti tengok Singapura. Ada kelemahan Singapura. Saya tidak setuju dalam banyak perkara Singapura tetapi dalam beberapa hal yang boleh kita teliti, jelas mereka mengatasi kita.

Bukan salah mereka. Katanya kerana di Singapura dan Taiwan ini terdiri dari orang-orang Cina maka tidak boleh jadi persaingan. Saya kata sebagai seorang Melayu ini memalukan saya sebab bila orang Melayu diberikan amanah patut orang Melayu pun sama-sama pintar kalau tidak lebih pintar. Akan tetapi kalau ambil Melayu yang malas yang kaki songlap wang bagaimana kita hendak harapkan orang hormatkan, muliakan kita. Jadi sebab itu saya katakan dalam soal pendidikan ini tekanannya mestilah ke arah kepakaran dan kemahiran lebih baik bagi semua anak-anak kita.

Saya tekankan juga tentang pelaburan tadi dan keperluan membawa perubahan. Pimpinan kita ini ultra konservatif sampaikan tidak mahu langsung bersedia hendak bawa, mengorak perubahan. Inilah sebabnya bila satu parti, dia perintah terlalu lama dia jadi beku, dia tidak boleh langsung. Dia macam setengah-setengah pendapat orang-orang tua kita, kalau kata perubahan dia takut nanti kalau ubah datang macam zaman Jepun balik kata dia. Dia tidak dapat tukar minda dia. Jadi sebab itu saya syorkan kawan-kawan saya termasuk ahli UMNO sebelah sana oleh kerana terlalu beku, kita bawa sini dan kita buka minda semula di sebelah sini dan kita kerja dan angkat bersama perubahan yang dilakukan. Ini bukan gurau, ini serius.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan, penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak bersama dalam isu pendidikan tadi yang sangat menarik untuk diperbahaskan sedikit. Saya bersetuju bahawa bangsa dan negara yang maju ini berbangga dengan universiti mereka. Mereka ada Harvardnya, British ada Oxfordnya dan kita kalau bertanya dengan orang Jepun juga mereka bangga dengan University of Tokyo. Apakah bagi pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh bagaimana kita hendak meraih tentang kecemerlangan ini untuk masa depan negara kita.

Sedangkan hari ini kita melihat bahawa TNC, NC ini kadang-kadang melayan pensyarah-pensyarah seperti guru tadika Kemas, melayan pelajar-pelajar seperti budak sekolah. Ini yang

saya rasa di antara faktor yang menyebabkan bahawa kita tidak meraikan *brain* ini dengan izin. Kita tidak meraikan inovasi, tidak melahirkan kreativiti bagi kemerdekaan universiti ini untuk mengolah dan menjana daya intelektual mereka supaya dapat bersaing di persada antarabangsa. Jadi saya rasa sudah sampai masanya AUKU dan perkara-perkara yang menghalang, menghambat pelajar-pelajar kita pada hari ini yang saya rasa hari ini pelajar tidak diraikan sebagai *the leaders of tomorrow* dengan izin.

Mereka dirai macam budak sekolah, diugut. Kerja Naib Canselor adalah merampas *laptop*, kerja pensyarah adalah menghalang merampas nota-nota yang kononnya tidak pro kerajaan. Ini saya rasa satu pembunuhan daya intelektual yang membunuh pada saya anak-anak bangsa kita pada masa yang akan datang. Apa pandangan, sekadar berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Pada saya pendidikan ini tidak boleh lari daripada falsafah yang ditekankan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Doa Rasulullah untuk sempurnakan adab. Adab itu dengan keyakinan, adab itu dengan ilmu, adab itu dengan kemahiran, adab itu dengan akhlak. Kalau pendekatan ini kita gunakan kita harus angkat pimpinan universiti yang mampu memberikan kerangka falsafah sedemikian. Dia mesti merujuk kepada apa yang disebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Mesti kecekapan, *efficiency* dalam amal *excellent* baru boleh dicapai.

Akan tetapi tanpa semangat dengan izin *striving for excellence* seperti mana yang berlaku di universiti, dia sukar. Bagaimana kita hendak pertahankan kedudukan universiti kita sekarang melainkan kita bawa rombakan ini. Kita tahu dalam falsafah pendidikan juga semua pemikir kalau kita lihat sekadar pengalaman dahulu Fazlur Rahman dalam *Islam and Modernity* menekankan bagaimana institusi ulung Islam itu bangkit kerana disiplin, kerana ghairah kepada ilmu. Sayidina Ali menyebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ilmu itu melazatkan.

Ini suasana tetapi apa yang berlaku sekarang di universiti seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tidak semua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan boleh?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...sekat semua, baca tidak boleh. Kalau edaran yang tidak sesuai tidak boleh. Jadi dikongkong begitu rupa pembacaannya, tahap kenaikan pelantikan guru, mahaguru dan profesor, itu dipertikai, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua tahu ini bukan lagi soal politik kepartian ini soal didikan anak-anak kita. Saya mahu anak saya dikirim ke universiti terbaik tetapi kalau universiti kita dalam tahap yang ada sekarang, dianya seperti mana seorang ustaz ungkapkan dalam satu kursus, "*Wa ampu sana wa ampu sini*". Kerjanya hanya untuk mengampu, jadi akhirnya mutu pendidikan itu terjejas kerana tidak lebih daripada ketua cawangan parti politik tertentu. Sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya tidak berhasrat untuk bangkit tetapi saya terpanggil dengan kesungguhan Ketua Pembangkang untuk menukar kerajaan. Jadi saya ingin bertanya sebab macam masih terdengar-dengar dalam banyak pemikiran saya suara lantang Ketua Pembangkang semasa berada dalam kerajaan dan UMNO. Saya masih ingat selagi ada bintang bulan dan bumi selagi itu UMNO dan Barisan Nasional harus dipertahankan. Apakah nada ini berubah apabila tidak berada dalam kerajaan dan kenapa boleh berubah? Sedangkan bintang langit dan bumi masih ada. *[Ketawa]*

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Awat teruk sangat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, saya pun sudah lama tidak dengar Yang Berhormat Kinabatangan berhujah. Dia tidak ada kena mengena dengan belanjawan tetapi oleh kerana disentuh saya pohon izin untuk mengupas sedikit kerana ada kaitan dengan perubahan. Saya sebut awal tadi Yang Berhormat, bila ditanya Nabi Allah Shuib dia jawab, *[Bercakap dalam bahasa Arab] "Aku tidak diminta selain daripada melaksanakan perubahan ke arah kebaikan sedaya upaya aku"*. Benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan, kali ini dia cakap betul kali lain saya tidak tahu. *[Ketawa]*

■1630

Memang betul saya katakan saya yakin pada ketika itu selagi ada langit dan bumi, kita harus pertahankan UMNO tapi pertahankan untuk apa? Untuk banteras rasuah, untuk menghindar dari keangkuhan, untuk mengangkat martabat, harakat dan darjat umat dan rakyat. Bila ini digagalkan, saya katakan dan ingin mengajak Yang Berhormat Kinabatangan ikut saya meninggalkan UMNO. *[Tepuk]*

Selagi kita mampu berbuat sesuatu yang baik, tidak ada salah. Sebab itu sampai sekarang saya nak sebut seperti mana kalau Yang Berhormat tahu masa saya kempen Permatang Pauh, saya tidak bermusuh dengan mana-mana ahli UMNO atau pemimpin UMNO. Sampai sekarang, saya tidak ada permusuhan peribadi dengan mana-mana mereka. Saya tidak melihat sikap yang sedemikian tetapi soalnya, soal umat, soal negara. Jadi kalau Yang Berhormat sebut, "ya", saya sebut begitu dulu. Memang benar tapi saya sebut itu dengan penuh keyakinan bahawa ini wadah yang mampu membuat perubahan tapi tengok, belanjawan pun tengok macam mana. Yang Berhormat dalam *Back-Benchers Club* (BBC) ini tolong teliti, tolong bagi bawalah kepada menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Bagaimana kita nak bahas belanjawan dan kita dihina sebegini rupa. Angkanya tak betul, unjuran tak betul, tak peduli! Perintahnya bahas! *Yours is not to question why but to do and die!* *Dielah jawabnya. [Tepuk]* Jadi sekarang ini saya ucap terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Kinabatangan dan saya nak teruskan dengan isu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Datuk, saya nak tanya. Sikit saja. Datuk dah berucap tiga jam setengah, jadi berapa lama lagi Datuk nak berucap ini? *[Ketawa]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ketua Pembangkang selalunya dia diberikan kelonggaran. Speaker memang baik dengan Ketua Pembangkang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita kena baik ya dengan Ketua Pembangkang.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebab, sebabnya Yang Berhormat, saya nak bagi tahulah oleh kerana Yang Berhormat dah bangkit soalan ini. Dalam Dewan, empat personaliti yang kena kita bagi laluan daripada segi peraturan dia. Yang pertama, *Leader of the House, Deputy Leader of the House*, Ketua Pembangkang, selain daripada Speaker. Jadi yang lain itu sama sahaja Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bukan saya tiga setengah jam, saya dua setengah jam. Sejam itu dia orang ambil. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik. Menyentuh tentang beberapa langkah yang khusus, yang saya anggap dalam keadaan krisis ini penting. Kita kena ambil pendekatan selain daripada soal yang saya sebut tadi soal royalti Terengganu, Sabah dan Sarawak, kemudahan-kemudahan asas, mutu pendidikan, kita harus teliti langkah-langkah khusus yang boleh kita ambil untuk mengurangkan beban kepada peniaga dan meningkatkan produktiviti. Ini termasuk apa yang dilakukan oleh negara China baru-baru ini. Negara China mengambil inisiatif untuk mengenakan rebat cukai kepada yang mengeksport ke tahap tertentu.

Rebat cukai termasuk subsidi langsung kepada *efficiency* minyak dan operasi yang berasaskan buruh bagi membantu atau memberi insentif kepada syarikat untuk bertukar kepada produksi efisien minyak dan memastikan ada peluang pekerjaan. Sekarang ini isu yang dekat ialah sebab pengangguran akan bertambah. Kadar pengangguran makin bertambah. Kalau kita tidak berbuat sesuatu sekarang untuk memastikan jumlah pekerja itu di tahap yang agak lebih lumayan, ia akan memberikan masalah kepada kita. Kemudian bila saya sentuh tender terbuka tadi Tuan Yang di-Pertua, yang membimbangkan kita ialah kerana kecenderungan kerajaan mempertahankan sistem yang sudah bobrok. Sistem bobrok ini termasuk memberikan syarikat mengendalikan satu projek baik air, baik elektrik.

Saya dah ulas dalam Debat Ekonomi mengenai minyak bersama Menteri Penerangan, bagaimana kecenderungan memberikan keuntungan kepada IPP berbilion ringgit, rakyat terpaksa bayar dengan kadar yang tinggi. Sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan daripada

kementerian dan kerajaan untuk menangani masalah ini. Rakyat derita, kena bayar terlalu tinggi, kerajaan sampai sekarang tidak tunjuk keupayaan membuat apa-apa perubahan. Apa salahnya kita kaji semula perjanjian ini supaya IPP boleh untung tetapi tidak untung memunggang begitu besar, rakyat terpaksa dibebankan dengan kadar yang lebih tinggi.

Harga minyak RM135, sekarang RM77, tarif elektrik tak berubah lagi, masih di peringkat yang tinggi. Sampai bila kita nak boleh bawa perubahan. Keadaan ekonomi meruncing, perubahan tidak ada. Sebab itu kami mencadangkan terutama dalam keadaan kegawatan sekarang, kerajaan membentuk Akta Anti Monopoli. [*Tepuk*] Jalan monopoli, elektrik monopoli, air monopoli, besi monopoli, gula. Jadi monopoli puak-puak dia, ini rakyat ini apa dia? Jadi sebab itu Akta Anti Monopoli ini untuk mencegah monopoli, galak tender dan ada persaingan. Sekali lagi saya nak ulang kerana ini isu yang digunakan oleh beberapa konco-konco UMNO yang kaya. Kebetulan orang UMNO yang paling kaya yang bercakap soal Dasar Ekonomi Baru ini, kerana untung dia besar.

Dia mengatakan bahawa orang-orang yang bercakap anti monopoli dan bercakap soal tender, ini khianat kepada bangsa Melayu. Saya nak sebut di sini, sebaik kita gunakan dasar yang *market friendly*, anti monopoli, ringankan beban, saya nak bagi tahu siapa yang paling banyak di peringkat bawah? Majoriti rakyat? Masih orang Melayu yang dapat keuntungan atau bumiputera lainnya, tetapi saya ingin menambah dan ulangi, sebaik kita dapati dengan semua perubahan ini, orang Melayu itu tersisih mesti ada langkah-langkah segera seperti mana soal universiti dan saya sebut perkara ini dan saya ucap terima kasih selain daripada Keadilan, PAS, bahkan DAP tidak ada masalah dengan hal yang sedemikian - sama sekali.

Sebaik kita buka ruang universiti, anak-anak paling pintar masuk ke universiti. Ini anak Cina kalau 9A1 nak masuk universiti, jadi krisis *national*. Barulah Pemuda ke Wanita MCA cepat-cepat nak selesaikan. Tahun depan jadi pula, selesaikan balik. Kita buat biar *transparent*. Anak kita yang pintar, Melayu ke, Iban ke, Dayak ke, Bajau ke, yang pintar, Cina ke, India, bagi tempat. Kalau dengan cara yang sedemikian kita lihat ada anak Iban atau Bajau atau Dayak ketinggalan dan Melayu, kita tentukan peruntukan khas untuk bantu mereka, latihan tambahan supaya mereka dapat dalam tempoh enam bulan kemudian atau satu tahun kemudian, bangkit dan bersaing. Itu cara kita hormat prinsip meritokrasi tetapi tidak menyetepikan rakyat yang terpinggir dan miskin. [*Tepuk*]

Apa yang berlaku sekarang ialah kita angkat kalau orang yang kurang kelayakan baik sebagai menteri ataupun Ahli Yang Berhormat ataupun ketua jabatan kerana kepentingan kaum, yang akan menimpa masalah - semua. Kalau kita lantik Naib Canselor yang kurang wibawa, *academic credentials* dipertikai, *academic paper* sekali pun tak pernah bentang tapi dia naib canselor, penerbitan tidak ada. Kalau ada dalam seminar di kalangan profesor, dia tak boleh cakap apa-apa kerana kalau dia cakap, orang tak faham. Macam salah satu soalan yang dikemukakan kepada saya dalam Debat Ekonomi dengan Shabery Cheek. Ha itu profesor, naib

canselor tapi tanya, orang tak faham. Minyak dengan gas pun dia tak boleh bezakan perbezaan. Jadi akhirnya, anak-anak di universiti, anak kita bukan saja Cina dan India, termasuk anak-anak Melayu juga akan terhambat kemajuan mereka.

Sebab itu pada hemat saya, kita tidak boleh kompromi mutu kerana kalau kita kompromi, kita tewas. Tidak boleh bersaing dengan Singapura, tidak bersaing dengan Thailand, Indonesia dan lain-lain. Ada cadangan daripada Perdana Menteri yang merangkap Menteri Kewangan ketika itu nak peruntukan RM35 bilion untuk sistem LRT. Saya tak tahu wang daripada mana dalam keadaan ekonomi sekarang ini, saya nak ulas nampak tak relevan. Tak ulas, Speaker dah kata sambung. *[Ketawa]*

■1640

Jadi sepatutnya komisen kita ini harus telus. Saya juga selain daripada Menteri Kewangan, inginlah meminta Perdana Menteri supaya memastikan jangan dilihat sebagai kompromi beberapa dasar ini kepada syarikat yang akan memberikan keuntungan secara langsung kepada anak atau keluarganya. Oleh kerana kalau ini dilakukan terus oleh Perdana Menteri, ia tidak akan memberikan suatu legasi yang baik dan dihormati kerana orang banyak mempertikaikan apakah benar RM35 bilion ini untuk sistem pengangkutan awam ataupun modal yang diberikan itu untuk memudahkan syarikat yang ada kaitan dengan keluarga beliau mengambil faedah dan peluang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sebab itu dia tidak boleh lari daripada prinsip yang kita sebut iaitu ketelusan yang lebih *transparent* dan tender terbuka untuk membolehkan keputusan dibuat dengan baik.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya merasa dari segi kaedah untuk mengambil untung dalam komisen dan sebagainya tidaklah begitu susah untuk kita terima sekiranya benda itu ada kaitan dengan persepsi margin untung dalam satu usaha yang dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu. Akan tetapi menyentuh berkenaan dengan pembentangan bajet yang baru lalu, saya rasa ada satu isu yang agak menyentuh keseluruhan masyarakat bawahan iaitu berkenaan dengan pemberian bayaran rebat, pembaharuan cukai kenderaan iaitu RM625 untuk kereta berkapasiti 2,000 ke bawah dan juga RM150 untuk motosikal dan kenderaan-kenderaan yang selain daripada itu.

Perkara ini tidak diulas begitu baik dalam isi kandungan pembentangan cadangan belanjawan yang lalu dan saya fikir ini juga di antara perkara yang cuba disentuh oleh Ketua Pembangkang berkenaan dengan monopoli usaha tadi. Kita tahu syarikat yang diketuai oleh Pos Malaysia telah mengenakan caj komisen di atas setiap transaksi pembayaran baik secara tunai ataupun secara wang pos atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita teliti dan kita dimaklumkan bahawa prosedur pembayaran rebat ini telah banyak mengundang masalah dan oleh sebab tujuan kita sebenarnya untuk membantu mengurangkan para pengguna ataupun rakyat kita pada asasnya untuk mengurangkan beban hasil daripada kenaikan petroleum. Namun, kesan dalam hampir empat bulan ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pusat-pusat pembayaran rebat ini telah *accumulate* dengan izin, telah berganda masalah dari segi pengurusannya.

Ada yang menuntut tetapi tidak dapat, ada yang berjalan menggunakan kenderaan awam untuk ke pejabat-pejabat pos terdekat untuk menuntut tetapi akhirnya dilihat dan diberitahu ada sesetengah tuntutan itu telah dibayar kepada pihak yang lain dan jumlah ini telah bertambah dari hari ke hari. Kami difahamkan setiap satu pejabat pos tidak kurang daripada lima masalah sebegini wujud setiap hari. Kalau kita ambil kira seluruh negara dengan pusat-pusat pos ataupun wakil-wakil pos ini, menimbulkan masalah barangkali puluhan ribu setiap hari.

Akhirnya prosedur pembayaran rebat tunai dan secara bayaran yang lain yang diserahkan kepada pejabat pos ini kita bimbang akhirnya akan menghasilkan satu masalah sosial yang lain yang barangkali agak rumit. Kami juga bimbang akan mendatangkan masalah kedua yang barangkali boleh menyebabkan suasana yang jauh lebih buruk daripada tujuan asal untuk meringankan beban rakyat yang bersabit daripada kenaikan harga petroleum.

Perkara atau sifat monopoli yang diberi kepada pejabat pos atau Pos Malaysia ini amatlah remeh untuk kita bincangkan. Namun oleh sebab ia melibatkan majoriti rakyat peringkat pertengahan dan bawahan yang membaharui cukai-cukai jalan untuk kereta, motor, saya secara lebih kepada merayu kepada pihak kerajaan supaya melihat perkara ini semula. Di dalam bajet yang baru ini kita boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau merayu kepada kerajaan dalam ucapan Yang Berhormat sendiri, dengan Ketua Pembangkang kena bertanya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, saya bertanya kepada Ketua Pembangkang, adakah perlu kita membincangkan semula secara spesifiknya prosedur ini di dalam kalau boleh pembentangan belanjawan yang baru atau *revise budget proposal*, dengan izin kalau boleh kita buat dengan segera. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua bahawa bagaimana kita merasakan monopoli dalam apa bentuk pun, itu mengekang keberkesanan dan kecekapan dan menambah kos.

Beberapa tahun yang lalu pakar ekonomi John Kenneth Galbraith umpamanya menulis tentang *The Culture of Contentment*, Budaya Mudah Selesa. Antara lain disentuh tentang hilang kecekapan sama ada berbuat penswastaaan terburu-buru, nama penswastaaan nampaknya hebat tetapi tidak telus, diswastakan kepada syarikat keluarga, diswastakan kepada kroni. Nama penswastaaan tetapi yang berlaku ialah pemindahan milik daripada kerajaan kepada orang-orang

yang terpilih dan akhirnya ia tidak memenuhi syarat mutlak tentang ketelusan dan anti monopoli itu. Oleh sebab itu, cadangan saya tentang anti monopoli itu harus diambil kira dan ia akan menjawab dengan sendirinya pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ingin menyentuh secara sepintas lalu saja tentang beberapa perkara lain termasuk pertanian dan juga pembasmian kemiskinan yang diberikan perhatian oleh bekas Menteri Kewangan. Saya teliti dengan tekun, penekanan beliau kerana nampaknya beliau lebih prihatin tentang beberapa masalah yang dibangkitkan oleh masyarakat peringkat bawahan yang miskin termasuk yang di Sabah dan di Sarawak. Saya khuatir, apakah pendekatan yang dianggap remeh dan kecil pengagihan ini akan membantu?

Mengapakah tidak ada kekuatan, kesungguhan dari pihak kerajaan untuk melakukan sedikit anjakan daripada ini. Bukan perkara yang baru, umpamanya untuk membasmi, mengurangkan beban rakyat. Apa tidak boleh difikirkan untuk turunkan harga minyak secara mendadak kerana harga minyak sekarang sudah turun begitu mendadak, tidak bolehkah turun, ringankan beban rakyat ini.

Tanya di peringkat bawah jangan tanya Ahli Yang Berhormat sahaja, tanya ahli-ahli yang diwakili oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, betapa beban mereka bila fikirkan harga minyak yang melambung tinggi, tarif yang meningkat dan sebagainya. Tidak bolehkah kita teliti daripada 10 sen, 15 sen tetapi yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi tidak akan memberikan dan tidak positif kerana harga barang tidak akan turun, itu pertama.

Keduanya, ada idea yang diperkenalkan oleh seorang pakar ekonomi yang agak popular di kalangan negara berkembang, di kalangan negara miskin, tidak di kalangan negara kaya iaitu Hernando De Soto. Dia mengatakan tidak bolehkah, kita ada di kawasan-kawasan setinggian, kawasan sesak yang begitu ramai. Tidak mampukah kita berikan sedikit *title* tanah kepada mereka? Apa yang berlaku di sebaliknya, tanah orang ramai dengar sampai di Sarawak tanah kubur orang hendak diambil.

■1650

Jadi, tidak bolehkah, di sebaliknya kita tumpu perhatian, selesaikan masalah ini. Tanah sekangkang kera sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat terutama di sebelah sana kadang dapat berekar-ekar tanah. Tidak semua dapat. Tuan Yang di-Pertua pun belum dapat ini tetapi ramai yang tidak dapat apa-apa.

Ya, tetapi yang dapat puluh ekar. Saya tahu Selangor dahulu dalam rekod ini, sebelum pentadbiran di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat Tan Sri Khalid sekarang. Tanah mudah sahaja, tanah mahal-mahal, 8 ekar hingga 10 ekar, puluhan juta kepada ketua bahagian atau wakil rakyat UMNO.

Orang kampung ini tunggu 40 tahun belum dapat tanah sekangkang kera untuk kemudahan mereka. Sebab itu saya katakan kalau benar kita hendak bawa penyesuaian ini masalah kemiskinan. Kalau betul dari pencernaan, dari '*vampir*' atau hati nurani kita, buat

perubahan besar, hentikan. Kalau kita mahu jadi pemimpin, keluarga kita dan kita tidak boleh, tidak dibenarkan sama sekali mengambil tanah kerajaan dalam keadaan apa bentuk sekalipun, *peril*. Ini dilakukan oleh lima negeri yang diperintah oleh termasuk pegawai Rompin, lima negeri Pakatan Rakyat ini.

Tidak dibenarkan, dari pengalaman Kelantan sehinggalah di Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Perak tidak dibenarkan. Jadi, senang. Dia pun tidak pohon kalau memang tidak boleh dan tidak dibenarkan selagi rakyat di bawah tidak diberikan. Kalau ini pendekatan yang saya fikir, ia tidak akan timbul masalah ketegangan. Di Perak, apabila Menteri Besar Yang Berhormat Nizar ambil keputusan berikan tanah kepada penduduk-penduduk kampung termasuk beberapa kalangan masyarakat Cina di kampung-kampung baru ada yang membangkit kerana kata mereka ini kesempatan pertama Kerajaan Negeri Perak memberikan tanah kepada masyarakat Cina.

Jawapan menteri besar jelas, kita beri kepada yang lama menunggu dan yang di bawah taraf hidup yang agak miskin, pendapatan yang sangat rendah, majoritinya 70% ialah orang Melayu tetapi juga sebahagian kecil orang Cina dan India perolehi. Saya pertahankan dasar sedemikian kerana saya rasa wajar hal ini diteruskan. Orang Melayu di Perak majoritinya mendapat habuan, sebahagian orang Cina dan India berhak diberikan pertimbangan tetapi kita dihukum dan menteri besar dikecam kerana melayani tuntutan Cina.

Sebab itu saya katakan pendekatan itu baik, sekali gus ratusan ribu rakyat dapat faedah kerana *exco*, pemimpin parti baik Keadilan, DAP atau PAS dilarang mengambil bahagian dalam ini maka tanah itu boleh diagihkan kepada rakyat.

Saya lihat pengalaman kita di Selangor dahulu, itu bertentangan dengan apa yang disebutkan di sini. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya katakan kalau benar kita hendak selesaikan masalah kemiskinan, kita tidak ambil ini satu dua. RM20 rebat di sana, bagi orang tua mana ke RM100 sebulan. Bagi dia seronok begitu kerana dia dapat RM100 *dependency syndrome* tidak.

Kita harus ada anjakan ini dan saya fikir cadangan Hernando DeSoto untuk bagi *title* tanah supaya ia jadi produktif, itu penting. Berapa ratus ribu orang sekitar Wilayah dan Selangor dan negeri-negeri kita tidak dapat dan bagaimana kita boleh jana perubahan ini termasuklah saya katakan dengan penurunan harga minyak secara mendadak supaya dengan sendirinya mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kebetulan disentuh dalam ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi soal beberapa langkah pembaharuan yang menjadi amalan Kerajaan Pakatan Rakyat.

Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat Permatang Pauh sedar bahawa biarpun usia pemerintahan lima negeri Pakatan Rakyat itu masih baru secara relatifnya tetapi beberapa langkah pembaharuan itu cukup memberikan keuntungan besar kepada rakyat.

Saya ambil contoh apakah ataupun sedar bahawa biarpun Kelantan sudah lama dipimpin oleh PAS dan hari ini kekal sebagai negeri Pakatan Rakyat, antara mercu tanda penting dalam program kerajaan negeri untuk membantu rakyat termiskin adalah pembelaan untuk warga emas seluruh Kelantan berumur 60 tahun ke atas tanpa mengira kaum dan agama. Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah wang melalui bajet negeri, kemudian dengan mengambil perkhidmatan Syarikat Takaful dan apabila warga emas itu meninggal, keluarga yang sedang ditimpa kesedihan dapat diringankan beban bagi menguruskan kematian itu dengan penerimaan RM2,500.

Hari ini, model itu dicontohi oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Kedah dan juga Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor. Kalau Kelantan daripada 1.4 juta penduduk, 100,000 menerima manfaat, 278,000 warga emas Selangor dijangka akan menerima manfaat. Itu satu contoh kecil. Mengapakah sukar sangat untuk perkara ini ditiru oleh Kerajaan Barisan Nasional. Itu satu contoh.

Apabila Kerajaan Selangor memulakan dengan memberikan bayaran air percuma sejumlah RM11.80 bagi penggunaan sejumlah isi padu awal. Saya masih ingat dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pontian menyerang teruk bahawa ini percubaan merasuah rakyat tetapi apabila Menteri Kewangan membentangkan bahawa cadangan untuk bayaran elektrik RM20 ke bawah penggunaannya, tiba-tiba kelu lidah. Ini jelas merupakan langkah meniru tetapi tidak apa. Tiru yang baik itu tidak ada masalah.

Cuma, kita hendak tengok apakah Yang Berhormat Permatang Pauh sedar bahawa selain daripada amalan *good governance* dengan izin, polisi soal permohonan tanah, kemudiannya pembelaan dalam program kebajikan rakyat ia sekali gus dapat memadamkan mitos bahawa di Malaysia ini yang cuma boleh jadi kerajaan adalah UMNO dan Barisan Nasional. Selain daripada itu, tidak ada. Kalau UMNO Barisan Nasional tidak jadi kerajaan, kiamat dunia. Melayu, Cina, India bergaduh tetapi setelah tujuh bulan terbukti mitos itu berjaya kita robohkan [*Tepuk*] dan saya fikir ini satu permulaan yang cukup baik dan apakah pakatan rakyat di bawah pimpinan Yang Berhormat Permatang Pauh punya hasrat untuk melonjakkan lagi penguasaan bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat persekutuan. Mohon penjelasan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Kalau bangun tanya, saya boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, saya minta tolonglah Yang Berhormat tolonglah diam Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau bangun tanya, saya boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tolong duduklah Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ada yang bertanya? Pasal dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah *respond* Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, dia *respond*. Dia ahli UMNO Tuan Yang di-Pertua. Dia di belakang dia berani, kalau depan saya tidak berani. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang itu ada relevannya kerana apabila dikendalikan oleh Kelantan di bawah Tuan Guru Nik Aziz dalam keadaan pertumbuhannya itu relatif lebih rendah dan pendapatan itu rendah berbanding dengan negeri yang lebih kaya. Katalah Selangor dahulunya tetapi kebajikan kepada rakyat itu lebih dan ini ternyata.

Kita dapat meneliti faktanya jumlah perbelanjaan dan penagihannya itu lebih telus. Kos pengurusan itu jauh lebih rendah dan ini menyebabkan eksperimen yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan itu boleh dimanfaatkan dan kita dapati sekarang ini sudah sampai di peringkat akhir di mana Selangor, Perak dan Kedah telah meneliti dan melaksanakan dan saya anggap ini satu pendekatan yang cukup bijak kerana apa erti pembangunan, apa erti kekayaan yang melimpah kalau hanya dipunggah untuk memperkayakan dan mengenyangkan tembok dua, tiga kerat orang.

Sebab itu pendekatannya yang lebih telus ialah menjamin pengagihan itu lebih adil kepada semua dan kalau dikategorikan miskin seperti mana juga yang dilakukan oleh Pulau Pinang di bawah Ketua Menteri Lim Guan Eng. Di antara program prioriti beliau ialah membasmi kemiskinan tegar, *hardcore poverty* di seluruh Pulau Pinang. Kalau dia kata BN sudah buat, memang belum berhasil. Yang Berhormat Batu Pahat boleh jerit tetapi saya minta dia bangun dia tidak berani. *[Ketawa]*

■ 1700

Kemiskinan tegar ini bila kita buat program khas, kita kata semua yang miskin di Pulau Pinang didaftarkan dan semua diselesaikan selewat-lewatnya dalam tempoh enam bulan. Maknanya dalam tempoh enam bulan kita berikan jaminan supaya *hardcore poverty* itu diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa erti pembangunan dan pertumbuhan kalau hal ini tidak dikendalikan. Malaysia bukanlah sebuah negara yang miskin keparat tetapi negara yang kaya. Kalau ini tidak dilakukan, saya tidak yakin rakyat boleh merasakan nikmat pertumbuhan ekonomi itu. Tentang cadangan Yang Berhormat Machang tentang perubahan, kemungkinan perubahan dan peralihan kuasa. Ini saya fikir satu kenyataan yang insya-Allah akan berlaku. Manusia boleh merancang, Allah mentakdirkan, itu pertama.

Keduanya, orang-orang yang biasa dengan senang, kuasa dan kekayaan yang melimpah, dia sukar menerima kenyataan akan berlaku perubahan. Sebab itu berlaku 8 Mac, dia kata *impossible*, di Permatang Pauh *impossible* dan semuanya *impossible* kerana dia tidak berlandaskan kepada adanya insya-Allah untuk memungkinkan ia berlaku. Saya yakin insya-Allah, kalau soalnya 16 September, saya dah kata Tuan Yang di-Pertua permulaan sudah berlaku. Hendak runding dengan Perdana Menteri, inilah Perdana Menteri di dunia yang pertama, yang hendak bincang dengan pembangkang soal peralihan dengan baik, setahun tidak boleh bincang kerana hendak jaga hati pemimpin-pemimpin UMNO. Kerana dia rasa kalau jumpa pemimpin-pemimpin pembangkang, orang UMNO akan gugat dia. Rupa-rupanya tak sempat jumpa pun, dah orang UMNO gulingkan dia. [*Dewan tepuk*]

Sebab itu saya ini agak sopan dan lembut sikit terhadap Perdana Menteri kerana dia dalam keadaan sengsara sekarang. Yang keduanya, dalam kes yang disebut kita telah menulis meminta diadakan mesyuarat sesi khas Parlimen, itu pun ditolak tanpa apa-apa alasan. Jadi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO yang bunyi angkuh sikit, saya minta sabarlah sekejap kerana angkuh itu tak mungkin lama. Orang yang angkuh dan sombong ini, dia tak mungkin tahan lama dan sebab itu dia jerit itu, dia jerit diam tatkala kepala dia turun ke bawah, bawah daripada mikrofon. [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut juga tadi tentang pendidikan dan saya tidak mahu ulang. Cuma mengatakan bahawa seperti mana juga beberapa akta yang lain, akta yang menghalang pemikiran yang terbuka termasuk Akta Universiti Kolej Universiti itu harus dihentikan. Saya tidak tahu sama ada Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tatkala menyebut bahawa *reform* akan diteruskan dalam badan kehakiman. Ini bermakna akan melantik hakim yang cukup berwibawa, maknanya penyiasatan, penguatkuasaan ada. Memang kita tidak pernah dengar, saya dalam meneliti ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin UMNO yang bicara soal hendak banteras rasuah ini dulu, Perdana Menteri sahaja.

Pemimpin kanan UMNO yang lain nampak diam, bila sebut banteras rasuah, semua tidak *confident* hendak bercakap. Ini *problem* mereka, satu kompleks tak berani sebut badan kehakiman yang bebas dan berwibawa. Tak berani sebut tentang media yang bebas dan berwibawa, tak berani sebut tentang keupayaan mengurus kerajaan yang bersih dari rasuah. Bagaimana boleh kita harapkan mereka ini memegang amanah untuk memimpin? Tak aneh ke satu negara yang dikatakan demokratik punya pimpinan yang kelu dalam soal rasuah dan pengurusan kerajaan yang bersih.

Saya dengar hanya Perdana Menteri yang lebih lantang dalam hal ini, itu pun tak terbuat. Kata dia, lima tahun dia tidak terbuat, lima bulan akhir dia akan cuba buat. Mana tahu lima bulan dia sungguh-sungguh, sorang-sorang dia boleh buat juga. Akan tetapi dalam soal badan kehakiman ini jadi isu besar, satu dunia memerhatikan dan tahu, hanya satu dua kerat orang-

orang UMNO hendak mempertahankan badan kehakiman sedemikian yang cukup malu dan mengaibkan.

Bila saya keluarkan soal video VK Lingam, '*correct, correct, correct*' itu, mereka ketawakan, menganggap ini satu mainan politik. Akhirnya bila didedahkan dan diketahui kebenarannya, mana ada bangun seorang pemimpin UMNO yang dulu menghina saya mengatakan saya mengada-adakan video itu. Sekarang mana dia? Dia hilang entah ke mana. Orang yang hidup dengan fitnah, dengan caci maki orang, bila kita ketengahkan dengan kenyataan akan hilang begitu sahaja dan akan direka cipta berita baru.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, badan kehakiman kalau kita tengok sudah cukup bukti bagaimana kerosakan kepada sistem. Ini benteng terakhir yang kita hadapi dan kita mahu pertahankan dalam sistem yang kita janji dan ikrar, yang menteri-menteri sumpah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] tatkala mengangkat sumpah tetapi bila datang melaksanakan badan kehakiman, mahu angkat orang-orang yang rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah diminta oleh Perdana Menteri hadir dalam salah satu Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu bersabit dengan pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan. Dua Sultan yang memerintah menyebut apakah perlu disegerakan? Saya sebut Perdana Menteri telah membuat keputusan. Kemudian, seorang Sultan menyebut kalau begitu boleh tak kita tangguh seandainya kita kemukakan kebimbangan kita tentang kes rasuah terlalu banyak terhadap Hakim Mahkamah Tinggi yang sedemikian.

Saya jawab, "*Tuanku, andainya titah tuanku berdasarkan fakta yang jelas, patik tidak ada pilihan tetapi bersetuju dengan penangguhan kertas ini dan akan melaporkan kepada Perdana Menteri*".

Saya mengambil keputusan untuk menangguhkan pelantikan hakim yang berkenaan. Perdana Menteri balik, tiga bulan kemudian hakim itu dilantik, kemudian hakim itu diminta untuk memutuskan kes saya. Mampuslah saya, tidak ada harapan untuk mendapatkan keadilan. Akan tetapi ini nak tunjuk bagaimana sistem yang rosak, yang dipertahankan oleh pemimpin-pemimpin walaupun pada masa itu ternyata bahan bukti tentang penglibatan hakim berkenaan dalam kes rasuah yang masih terus menjadi hakim kanan di negara kita.

Perdana Menteri ulang kenyataan dia bahawa dia bertekad untuk bawa perubahan dan *reform* dalam badan kehakiman. Dan saya tentunya bersetuju dengan hasrat beliau dan berharap sesuatu dapat disegerakan, dilakukan dengan segera. Akan tetapi ini bukan sahaja soal badan kehakiman, lihat sahaja Suruhanjaya Pilihan Raya, tengok sahaja bagaimana media diperalatkan. Tidak ada langsung kesan dan saya Tuan Yang di-Pertua, merasa kesal kerana sebahagian rakan-rakan saya boleh hanya mengaminkan sahaja, mendiamkan diri dan tidak ada ... atau *conscience* menggerakkan hati mereka untuk kaitkan hubungan di antara hak dan batil di dalam membawa perubahan di dalam negara kita ini. Dan ini saya sentuh tadi soal badan kehakiman, media, Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Tadi Ketua Pembangkang menyentuh mengenai dengan *Royal Commission* terhadap pita video VK Lingam ini. Kita sudah tahu bahawa *Royal Commission* telah memberi laporan mereka kepada kerajaan dan juga Yang di-Pertuan Agong dan sehingga hari ini kita tidak nampak apa-apa tindakan diambil oleh kerajaan ataupun diambil oleh pejabat Peguam Negara. Saya amat hairan kenapakah kita adakan satu *Royal Commission* dan *Royal Commission* ini telah menjalankan perbicaraan selama sebulan. Dan berbagai-bagai skandal terhadap badan kehakiman telah timbul di dalam *Royal Commission* ini, terbongkar. Sampai hari ini kita tidak nampak apa-apa tindakan.

Bukankah ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional telah tidak mampu mentadbir negara ini dan juga mereka tidak peduli mengenai dengan skandal kehakiman ini sedangkan badan kehakiman di mana-mana tempat di dalam dunia adalah amat penting. Lagipun badan kehakiman ini akan di *observe* dengan izin, oleh negara asing, negara yang lain semasa mereka hendak melabur di negara kita.

■1710

Saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang bahawa beliau sedar atau tidak bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini mereka cuma menubuhkan *Royal Commission* ini untuk kosmetik sahaja tetapi mereka tidak mampu dan tidak ada *sincerity* dengan izin untuk mengambil tindakan terhadap semua rekomendasi oleh *Royal Commission* tersebut. Terima kasih.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Mengenai *Royal Commission*. Yang Berhormat Kelana Jaya bagus sebab dia terlibat dalam video itu. Boleh dia sambung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat setuju, saya boleh bersetuju.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Integriti dan reputasi sistem kehakiman adalah amat penting di dalam memberi keyakinan terhadap ekonomi negara dan menarik pelabur dalam dan asing. Apakah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang berkenaan pelantikan Tan Sri Zaki sebagai Presiden Court of Appeal dan akibatnya terhadap integriti kehakiman jika beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Hakim Negara. Bagaimana nampak dari hal ini terhadap pelabur dalam dan asing? Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju dan Kelana Jaya. Pertamanya hubungan badan kehakiman dan integriti badan kehakiman dengan pelaburan dan ekonomi negara. Ini saya rasa tepat untuk kita bahaskan.

Kita mungkin tahu bahawa kebanyakan syarikat-syarikat asing, saya fikir dulu mungkin dari Eropah dan Amerika. Rupa-rupanya syarikat-syarikat Arab sekalipun memilih dalam kes

litigation supaya tidak diputuskan di mahkamah di Malaysia. Mereka kata lebih baik diputuskan di mahkamah di Singapura atau Hong Kong. Saya tanya mengapa Sheikh mahu bawa *litigation* ini ke mahkamah di negara luar? Kerana mereka kata cukup masalah dan mereka tidak yakin kerana integriti mahkamah di sini dan juga rasuah yang berkaitan termasuklah kes yang didedahkan dalam suruhanjaya video kes V.K Lingam.

Oleh yang demikian, kalau kita mahu beri keyakinan, apa salah, apalah susah benar bagi kerajaan ini mahu lantik badan kehakiman yang bebas ini. Apa yang jadi malapetaka kita tidak tahu. Yang takut dengan hakim bebas ini ialah perompak dan penjenayah saja. Kalau orang itu berasa yakin, mengapa harus takut dengan badan kehakiman yang bebas, saya tidak tahu. Mengapa mahu pilih hakim yang betul-betul 100% pro kita untuk memutuskan satu keputusan? Mana dia undang-undang? Kita tahu bila bercakap soal Islam, semua kata Islam Hadhari dan sebagainya tetapi kita tahu bagaimana pengalaman Baginda Rasulullah SAW, bagaimana peranan Sayidina Ali bin Abi Talib r.a tentang pelantikan hakim memutuskan kes walaupun khalifah.

Yang Berhormat Baling pun ada. Saya mahu kupas panjang pun tidak berani juga. Khalifah keempat ada tetapi masih diputuskan oleh hakim kerana prinsip *separation of power* ini. Ini kita tidak. Kita mahu kuasa sepenuhnya. Sebab itu saya masih ingat orang tanya saya mengapa pada masa ketika itu ada juga menyokong usul dan undi akta tentang kekebalan Raja-raja. Apa alasan diberikan pada masa itu? Bahawa kuasa daripada Raja itu harus kembali kepada rakyat. Sekarang ini kita dapati rupa-rupanya alasan itu meleset. Rupanya seluruh kuasa termasuk yang ada pada Raja itu hanya kembali kepada Perdana Menteri dan beberapa kerat pemimpin. Sebab itu pada kami, wajar kita kembalikan institusi dan kemurniannya.

Pertama, membetulkan badan kehakiman supaya benar-benar bebas dan kalau diharapkan keputusan daripada Suruhanjaya Diraja mengenai video V.K Lingam, sampai sekarang tidak tahu ke mana seperti mana juga Suruhanjaya IPCMC dulu mengenai *conduct* dan kerja polis. Kita ada ratusan laporan mengenai penyelewengan-penyelewengan tidak disiasat tetapi kalau ada sedikit laporan terhadap mana-mana Ahli Parlimen pembangkang, dia *super efficient* akan mengambil tindakan, siasatan dan pertuduhan. Saya harap mudah-mudahan dengan semangat yang ditunjukkan, kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri di saat-saat akhir mudah-mudahan dapat membawa sedikit ruang perubahan.

Saya masih positif. Saya kepada manusia Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ambil satu sikap pengurusan peribadi. Mana tahu kalau Allah memberikan ruang dan dorongan mahu buat perubahan yang baik dalam beberapa bulan kemudian ini.

Yang Berhormat Kelana Jaya tanya tentang kemungkinan ura-ura pelantikan Tan Sri Zaki Tun Azmi sebagai Ketua Hakim Negara. Kita belum dapat maklumat yang jelas tetapi kita tahu bahawa Majlis Peguam Negara dan puluhan ribu telah membuat petisyen di kalangan profesional terutamanya peguam-peguam yang bimbang, takut kalau kewibawaan dan

kebebasan beliau itu tidak dapat mengangkat integriti dan kewibawaan badan kehakiman. Kami juga berpendapat sedemikian bahawa sebelum nama itu diketengahkan untuk dipertimbangkan oleh Raja-raja Melayu dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu, hal ini harus diteliti supaya semua bicara dan ura-ura tentang kebebasan badan kehakiman itu dikorbankan kerana tindakan adalah di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyebut di sini selain daripada perkembangan ekonomi cara khusus ialah tentang beberapa langkah yang diambil untuk membasmi kemiskinan yang banyak disebut dalam belanjawan. Ini mungkin belanjawan yang pertama yang menyebut begitu banyak sekali langkah-langkah kecil untuk meredakan mengikut teori Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi meringankan beban tetapi saya ingin rumuskan sekali lagi bahawa pendekatan itu tidak dapat dipertahankan kerana jumlah subsidi yang dibuat begitu tidak pernah telus dan menelan belanja yang banyak dan tidak meringankan beban rakyat.

Kalau kita lihat beberapa kajian analisis penganalisis ekonomi di antara sebab orang hilang keyakinan ialah cara pengagihan subsidi yang menanggung kos yang begitu tinggi dan tidak akan memberikan kesan yang optimum kepada rakyat miskin. Tuan Yang di-Pertua, kita bicara juga tentang isu rasuah sebelum ini kerana kita tahu bagaimana dalam fahaman kita, Islam dan juga agama-agama lain tentang perintah yang jelas seperti yang disebut dalam Hadis Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima. Kita harus menerima ini sebagai satu masalah besar. Saya masih ingat di negara Islam Pakistan, Muhammad Ali Jinnah diberi amanah menyampaikan pidato ulung beliau di Constituent Assembly 1947. Beliau mengungkapkan dua masalah bahawa pembentukan Pakistan itu sendiri dengan darah keringat dan air mata mengorbankan ratusan ribu nyawa dan revolusi itu dianggap sebagai *cyclonic revolution*.

Akan tetapi kata Muhammad Ali Jinnah, pengasas Pakistan, Pakistan itu akan musnah dengan dua malapetaka. Pertama, rasuah dan kedua kegagalan pasukan keselamatan mengawal dan menyebabkan mereka terlalu banyak terlibat dalam urusan tatanegara. Hal yang sama harus kita peringatkan sekarang. Tanpa kecuali setiap laporan mengenai rasuah dalam semua institusi seperti polis, pegawai-pegawai kanannya, menteri-menteri dengan pelbagai tuduhan dibangkitkan tanpa siasatan yang telus, dan badan kehakiman setelah terdedahnya video V.K Lingam. Apa lagi yang kita tunggu? Bagaimana boleh kita selamatkan negara kita dengan rakyat yang mengharapkan sesuatu yang lebih baik tetapi terdedah dengan kekuatan dana untuk membeli sokongan dan mendapat projek-projek secara yang tidak teratur dan telus.

■1720

Apakah cukup dengan jaminan suruhanjaya baru tentang pencegahan rasuah? Saya sokong kalau sungguh-sungguh Badan Pencegah Rasuah ini diperkuatkan sebagai satu *commission* kerana tatkala membentangkan Rang Undang-undang Anti Rasuah 1997 memang kita menimba pengalaman Hong Kong *Commission Anti-Corruption Permission* yang kita anggap di antara yang terbaik di dalam tahun ini. Perdana Menteri mengatakan bahawa ini salah satu

langkah beliau untuk memastikan rasuah dapat dibendung tetapi ada percanggahan daripada kenyataannya. Sementara rasuah boleh dibendung sebaik sahaja dikemukakan pandangan tentang *eurocopter*, tentang kapal selam, dia cepat jawab “*Saya tetap pertahankan pemimpin-pemimpin UMNO*”.

Tanpa penyiasaan yang bebas mustahil rasuah dapat dibendung dengan begitu baik. Sebab itu saya pohon dan desak kerajaan supaya mengambil langkah yang berani. Kalau tidak kita masih terperangkap dengan kerangka yang lama. Ketumbuhan ekonomi tidak boleh terlepas daripada usaha memperkasa budaya. 51 tahun kita merdeka di Semenanjung dan berikutnya Sabah dan Sarawak. Kita menjanjikan beberapa perkara termasuk memantapkan lagi kedudukan dan penguasaan bahasa. Tapi kita dapati ada percanggahan besar dalam kaedah pengajaran dan dasar pendidikan yang kita janjikan termasuk isu pengajaran matematik dan sains.

Wacana yang berikut di kalangan rakyat tentang bahasa berbeza. Ada yang mengatakan bahawa cara kita memperkuat dan memperkukuhkan penguasaan bahasa ialah dengan menggunakan mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Dengan sendirinya kita khianati dasar pendidikan kebangsaan. Menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar. Kita khianati janji kita kepada sekolah-sekolah Cina untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Cina dan juga bahasa Tamil. Sebab itu kita harus tenung semula. Saya tidak akan baca ulasan-ulasan yang dibuat tentang kerugian yang dialami oleh pelajar-pelajar Melayu luar bandar dan desa kerana dasar sedemikian.

Difikirkan oleh seorang, dipaksakan oleh kepada Kabinet, dilaksanakan tanpa kajian. Sampai sekarang kita terima bulat. Bukan kita, saudara-saudara dari Barisan Nasional. Apakah ini bermakna kita akan korbankan kepentingan bahasa Inggeris? Tidak. Saya berpendapat bahasa Inggeris itu harus diberikan penekanan tapi jangan mengkhianati dasar pendidikan kebangsaan dan penguasaan bahasa yang lebih baik di kalangan kita. Maka oleh demikian sementara kita angkat semula martabat bahasa kebangsaan, mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar kita harus juga berikan tumpuan untuk mengangkat kedudukan dan mutu penguasaan bahasa Inggeris.

Banyak yang sokong tapi tidak berubah sudah sepuluh tahun sudah. Ini yang disebut sokong bawa rebah. Dia sokong kepada kita bila menteri dia ada dia diam. Ini masalahnya *back-benchers* ini. Bila depan kita dia sokong bahasa dan sebagainya. Bila Menteri Pelajaran datang dia sokong juga Menteri pelajaran. Mana satu tidak tahu. Akhirnya projek yang dapat. Jadi nawaitunya projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut juga tentang soal pengurusan keadaan hari ini. Kita masih ada ratusan tahanan politik di penjara. Pertama, orang-orang Melayu Islam yang dituduh terlibat dengan Jemaah Islamiah sebagai penganas Islam. Kemudian penganas Hindu HINDRAF dan akhirnya penganas blog Raja Petra Kamaruddin. Saya tidak mengerti bagaimana

pemimpin yang ada *consent* boleh hidup, mengizinkan derita orang yang tidak berdosa. Kalau dia dianggap salah cari bukti hadapkan ke mahkamah.

Saudara duduk dengan selesa, sokong satu dasar yang zalim kepada orang dan saudara ingat saudara boleh terlepas kepada semuanya. Saya ajak rakan-rakan saya daripada BN untuk mengambil satu pendirian yang jelas. Orang Islam dan jemaah Islamiah yang duduk enam tahun, tujuh tahun itu, sebahagiannya di kalangan yang miskin. Tidak dikenali, tidak ingat pun namanya dikatakan bersalah kerana pengganas. Tujuh tahun pihak penyiasat polis mengatakan ada bukti. Sampai hari ini satu bukti tidak diketengahkan.

Bagaimana kita akui kita ini orang beragama ada moral, hormat hukum, taat kepada Allah dan Rasul dan solat hendak tegakkan keadilan. Janji canang di mana-mana dalam perhimpunan termasuk mesyuarat-mesyuarat agung UMNO Bahagian, "*Kita akan tegakkan dan bela orang-orang Melayu untuk keadilan*" Kita biarkan orang merengkok di penjara tanpa ambil tahu dan kita pertahankan ini semua. Saya hendak suruh saudara-saudara terkeluar daripada kepentingan politik.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pohon penjelasan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak mahu bicara di sini pun tidak mengapa tetapi sekurang-kurangnya balik beri tahu kepada menteri yang berkenaan bahawa orang-orang dari Jemaah Islamiah itu tujuh tahun dalam penjara, salah kita tidak tahu. Orang-orang Hindu dikatakan kerana pelampau Hindu, HINDRAF. Kalau dia pelampau Hindu, pelampau Melayu, pelampau Kristian apa semua mesti masuk penjara tanpa bicara? Siapa kita? Kita sang dewa yang boleh putuskan semua? Kita penyiasat? Kita hakim? Ataupun kita ini hamba Allah yang mesti tunduk kepada proses dan hukum. Saya tidak simpati kalau orang itu salah, khianat kita tangkap. Ini yang rompak kekayaan ratusan juta yang zalim kepada orang kita angkat, junjung dan cium tangan. Tetapi orang-orang yang hidup kerana mereka tidak ada suara, tidak ada wang kita jijak mereka sebagai hina.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun Yang Berhormat, hendak bagi peluang?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua biar saya habis unjuran ini sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Pasir Mas pun duduk dulu. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi ada orang kata ini soal Hindraf, Hindu pelampau. Yang Islam ini apa dia? Bukti apa? Bentang di Parlimen kalau ada bukti. Oh, kerana dia ada hubungan Al-Qaeda. Dia pernah belajar di Afghanistan. Saya pergi ke sempadan Afghanistan dengan Dr. Mahathir pada masa itu dia minta sokong semua mujahid-mujahid

Afghanistan itu. Mengapa tidak ambil semua ahli kabinet dia masuk sekali kerana ada kaitan? Memang betul pada masa itu semua kita sokong mujahid Afghanistan termasuk Lim Keng Yaek dan Lim Leong Sik dulu pun. Masa itu kabinet putuskan, kita sokong sepenuhnya. Bukan kita sokong penganas pada masa itu. Ya, kalau betul ada bukti kita ambil tindakan hadap ke mahkamah. Begitu juga Hindu, HINDRAF. Apa tindakan dia yang agak bertentangan dengan undang-undang, ambil tindakan hadap mahkamah. Jangan kita ingat kita menjadi samseng kerana ada kuasa. Kemudian yang akhir Raja Petra, Teresa Kok dengan Tan yang Sin Ciew punya *reporter* sebab hendak jaga keselamatan diri dia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Datuk Seri Anuar Ibrahim [Permatang Pauh]: Apa kata jawab hal yang sama kepada Menteri Dalam Negeri yang sekarang ini banyak dikritik oleh bahaya keselamatan. Tangkap, duduk lokap tiga hari, penganas. Orang-orang ini dia tidak pernah tahu derita duduk dalam tahanan. Bagaimana mangsa kezaliman saudara-saudara. Jangan oleh kerana kita rasa hidup selesa orang lain hendak kena terajang, okeylah aku tidak kena. Memang patut biarlah kena terajang. Ini saya harap mudah-mudahan dapat diperbetulkan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pendek, ringkaskan Yang Berhormat ya. Masa tidak cukup.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila-sila. Hendak tunggu siapa Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, saya mohon penjelasan iaitu saya masih ingat dalam satu majlis forum di Amerika, ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh adalah Menteri Pendidikan. Forum bersama dengan Ustaz Hadi iaitu Ahli Parlimen Maran. Dalam forum itu saya ingat lagi Yang Berhormat Permatang Pauh kata dia bersetuju dengan ISA, ISA baik dia kata. Jadi saya ingat perkara tersebut disebut. Jadi kenapa sekarang kata ISA tidak bagus pula. Dulu masa dalam kerajaan kata bagus.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Batu Pahat ini ingatan dia sasau. Tidak pernah saya dalam sepanjang kerajaan ISA itu baik. Kalau pun saya katakan, saya jelaskan bahawa ISA itu perlu dikajikan dan teliti semula. *On record* saya duduk di sebelah itu. Di sebelah sana tempat Yang Berhormat Pekan. Dia pun tidak lama di situ sudah Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau hendak cakap saya sebut ke dalam kes yang melibatkan senjata api, itu pun ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat duduk.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau benar ada kekeliruan begitu saya hendak sebut di sini memang dalam kerajaan pada masa itu....

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya pengerusi forum tersebut.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...tahun masa Operasi Lalang. Ya masa itu kamu menyokong PAS sekarang kamu sudah tinggal ke mana-mana sudah. Dulu kalau nampak Ustaz Hadi dari jauh, dari jauh dia hendak cium tangan Ustaz Hadi. Sekarang oleh kerana projek, Ustaz Hadi pun ke mana. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sebut kalau pun perlu kita tidak nafikan. Ya, ada ketikanya saya setuju dengan satu perkara dengan Yang Berhormat Batu Pahat. Tidak semua kenyataan saya sebagai menteri saya akan pertahankan. Memang benar, tapi kita belajar dari pengalaman. Sudah tahu yang benar. Ini tidak, pertahan juga, sudah tahu tidak betul tidak apa. Ini jadi masalahnya, sudah tahu tidak betul. Istighfar, betulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ... ini tahu tidak betul masih kekal. Hendak ISA, orang kena zalim dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan saya pohon sambung sedikit lagi esok, sedikit lagi esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sambung sikit sahaja besok, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.